



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

---

**Bil. 43**

**Khamis**

**26 November 2020**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 7)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2021 (Halaman 22)

**USUL:**

Usul Anggaran Pembangunan 2021 (Halaman 22)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA  
Khamis, 26 November 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.04 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua;

“Tanpa mengambil kira Usul Peraturan Mesyuarat 12(1) terdahulu iaitu pada Khamis 5 November 2020 dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini, Khamis, 26 November 2020 tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran semua kementerian menjawab perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan diputuskan bacaan yang kedua dan usul mengenai Anggaran Pembangunan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 30 November 2020.”

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap pertanyaan Yang Berhormat akan ditentukan dalam masa selama satu minit dan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri diperuntukkan selama dua minit dan tiada sebarang pertanyaan tambahan. Silakan Yang Berhormat Bukit Gantang mengemukakan soalan beliau.

1. **Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan sejauh manakah Agrobank memainkan peranan dalam pembiayaan mikrokredit bagi membantu usahawan mikro yang mengusahakan aktiviti perniagaan yang berasaskan pertanian dan industri makanan. Apakah kemudahan kewangan yang disediakan oleh Agrobank untuk sektor ini dalam mengharungi cabaran ekonomi pasca COVID-19?

**Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Agrobank sememangnya memainkan peranan penting dalam membantu usahawan mikro yang terlibat dalam sektor pertanian dan industri makanan.

Dalam hal ini setakat 30 Oktober 2020, Agrobank telah mencatatkan pembiayaan keseluruhan sebanyak RM1.3 bilion ia kepada seramai 39,130 orang pengusaha mikro. Seterusnya, Agrobank juga menawarkan pelbagai kemudahan kewangan kepada usahawan yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan dalam mengharungi cabaran ekonomi pasca COVID-19 seperti berikut:

Pertama, skim pembiayaan mikrokredit di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Skim ini menawarkan kemudahan pembiayaan tanpa cagaran dengan kadar faedah yang rendah iaitu sebanyak 3.5 peratus, had pembiayaan adalah minimum sebanyak RM1,000 dan maksimum sebanyak RM50,000 bagi setiap individu serta tempoh pembiayaan adalah sehingga lima tahun atau 60 bulan. Sehingga November 2020, Agrobank telah meluluskan lebih sebanyak 8,000 permohonan dan jumlah pembiayaan keseluruhan bernilai sebanyak RM73 juta.

Keduanya, Agrobank Enterprise Special Relief Program. Menerusi program ini, Agrobank akan membiayai enam bulan ansuran awal untuk akaun sedia ada atau akaun baharu dan pelanggan tidak perlu membayar enam bulan pertama skim pembiayaan. Dengan itu tempoh enam bulan tersebut membolehkan usahawan mikro memberi tumpuan sepenuhnya dalam memulihkan kembali aliran tunai pendapatan bagi enam bulan akan datang.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2002, Agrobank telah meluluskan lebih, sebanyak 4,600 permohonan di bawah skim ini dan dana sedia ada dengan jumlah keseluruhan bernilai sebanyak RM203 juta.

Ketiga, Agrobank menyediakan kemudahan pembiayaan khusus kepada usahawan melalui Program Agropreneur Muda. Skim pembiayaan di bawah program ini menyediakan pinjaman maksimum sehingga RM200,000 bagi setiap projek pertanian dan itu merupakan antara program-program yang dibiayai oleh Agrobank untuk membantu industri agromakanan. Terima kasih.

**2. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]** minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan perincian berkenaan insiden serangan terhadap dua anggota PGA yang bertugas di Pos Sempadan Malaysia-Thailand dan langkah terkini kerajaan dalam memperketat kawalan sempadan antarabangsa agar sindiket penyeludupan lumpuh sepenuhnya.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 24 November 2020, lebih kurang jam 3.10 pagi, dua orang anggota Batalion 3 Pasukan Gerakan Am dari skim Orang Asli yang dahulunya dikenali sebagai Senoi Praaq Koperal Baharuddin bin Ramli dan Koperal Norihan a/l Tari menjalankan risikan di kawasan Pintu A3, Pos Tembok Sempadan 9, Padang Besar.

Ketika penugasan tersebut, mereka telah terserempak dengan satu kumpulan penyeludup seramai lebih kurang 13 orang yang sedang menjalankan aktiviti penyeludupan.

#### ■1010

Dua orang anggota PGA tersebut kemudiannya telah diserang dengan menggunakan senjata api dan kejadian berbalas tembakan telah berlaku. Dalam kejadian tersebut dukacita dimaklumkan, Koperal Baharuddin bin Ramli telah terkorban di tempat kejadian, manakala Koperal Norihan a/l Tari telah cedera parah akibat terkena tembakan.

Susulan kejadian tersebut pihak PDRM telah menggeledah kawasan kejadian dan berjaya menahan dua orang anggota kumpulan penyeludup warganegara Thailand dan satu lagi warganegara Thailand juga pada keesokan harinya. Hasil siasatan lanjut, PDRM telah berjaya menahan 15 orang lagi suspek warganegara Malaysia dan satu lagi warganegara Thailand.

Ini menjadikan jumlah yang ditahan oleh PDRM setakat ini berjumlah 19 orang suspek yang terdiri daripada 15 warganegara Malaysia dan empat warganegara Thailand. Selain itu, pihak berkuasa Thailand juga telah menahan empat suspek warganegara Thailand. Ini termasuk tiga yang cuba mendapatkan rawatan di hospital bagi kecederaan akibat tembakan.

Siasatan awal PDRM mengesyaki bahawa kumpulan penyeludup ini menyeludup dadah secara sistem barter dengan pertukaran daun ketum dari Malaysia dan dadah dari negara Thailand. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang merangka pelan strategik secara holistik bagi memperkasakan kawalan keselamatan di sempadan negara. Selain melibatkan perolehan aset serta fasiliti yang bersifat moden dan terkini seperti dron, *armoured personnel carrier*, *night vision goggles*, *GPS tracker* dan peralatan-peralatan lain untuk keselamatan sempadan. KDN berpandangan aspek kesiapsiagaan dan keupayaan anggota pasukan keselamatan bertugas di sempadan juga harus diperkasakan. Perkara ini dapat direalisasikan melalui latihan dan kerjasama strategik bersama agensi dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat Kulai dalam Dewan yang mulia ini, saya sekali lagi mewakili pihak kerajaan ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Koperal Baharuddin bin Ramli yang terkorban dalam insiden tersebut.

Sebagai mengenang jasa dan pengorbanan anggota-anggota terbabit, saya bagi pihak kerajaan Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas perkenan Baginda untuk menganugerahkan pingat Panglima Gagah Berani (PGB) kepada kedua-dua anggota terlibat [*Tepuk*] Tambahan daripada itu, Kementerian Dalam Negeri juga memperakarkan supaya mendiang Koperal Baharuddin bin Ramli untuk dinaikkan pangkat kepada Sarjan secara *posthumous* [*Tepuk*] dan anggota PGN yang cedera Koperal Norihan a/l Tari juga dinaikkan pangkat kepada Sarjan secara medan. [*Tepuk*] Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

**3. Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan perkembangan semasa berkait Program PENJANA KPT-CAP yang telah dilancarkan mulai Oktober 2020 termasuk jumlah semasa perbelanjaan yang telah digunakan dan jumlah graduan yang telah menerima manfaat sepanjang pelaksanaan pelan ini serta jaminan KPT terhadap kebolehpasaran baki graduan yang di luar sasaran inisiatif ini kerana mereka juga berhak menerima manfaat yang sama dalam keadaan pasca pandemik COVID-19.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, data-data pengangguran di kalangan mahasiswa yang Hang Tuah Jaya ada untuk tahun 2019, 14

peratus lebih kurang 41,161 mahasiswa yang menganggur. Tahun 2020 sejumlah 25 peratus lebih kurang 75,000 mahasiswa menganggur.

Kita lihat wujud ketirisan peluang pekerjaan di kalangan mahasiswa. Justeru, Hang Tuah Jaya yakin makan gaji bukan lagi pilihan utama. Mahasiswa perlu di dorang untuk mandiri dalam ekonomi khususnya bidang keusahawanan. Hang Tuah Jaya difahamkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai program yang berkaitan dengan perkara ini iaitu Program PENJANA KPT-CAP.

Justeru, Hang Tuah Jaya ingin menyatakan atau ingin bertanyakan perkembangan semasa berkaitan program ini yang telah dilancarkan mulai Oktober 2020 termasuk jumlah semasa perbelanjaan yang telah digunakan dan jumlah graduan yang telah pun menerima manfaat sepanjang pelaksanaan pelan ini serta jaminan KPT terhadap kebolehpasaran bagi graduan yang di luar sasaran inisiatif ini kerana mereka juga berhak menerima manfaat yang sama dalam keadaan pasca pandemik COVID-19. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sebenarnya Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat ini luar daripada skop sebab dalam MQT seperti yang ditulis dan dibaca, betul Yang Berhormat Menteri? Soalan dia agak terkeluar daripada asal.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Saya bagi latar belakang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sepatutnya dalam bacaan ini tapi tidak apalah. Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Latar belakang dibolehkan kalau tidak silap saya.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tidak payah jawablah itu *[Ketawa]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, boleh Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]:** Tidak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Boleh? Dia sayang dekat Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Lain kali jangan buat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad:** Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, KPT telah menerima peruntukan sebanyak RM100 juta melalui inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi melaksanakan KPT-CAP.

Terdapat tiga program utama yang telah dirangka iaitu yang pertama adalah Program *Job Matching and Placement*. Kedua, program berterusan keusahawanan dan yang ketiga, program yang bercirikan *gig* ekonomi. Program-program yang berbentuk latihan kemahiran jangka pendek dan sederhana ini dijangka dapat memberikan manfaat dan nilai tambah kepada sejumlah 20,000 graduan.

Sehingga 3 November 2020, sejumlah 87 program dengan peruntukan sebanyak RM34.8 juta telah diluluskan pelaksanaannya. Program ini dapat memberikan manfaat kepada 7,596 orang graduan dan sekurang-kurangnya 80 peratus atau 6,077 graduan akan mendapat penempatan pekerjaan.

Sebagai tambahan, KPT sedang memperkuatkannya kolaborasi bersama kerajaan negeri melalui yang pertama, Program *Jobs at States*. Program yang berkonsepkan *place* dan *train* ini menawarkan penempatan pekerjaan di syarikat-syarikat di bawah kerajaan negeri dengan tempoh minimum kontrak selama 12 bulan dan dijangka memberikan manfaat kepada 4,200 graduan. Kedua, Program *GRADpreneur at State*. Program ini menyasarkan sejumlah 2,800 graduan yang berminat untuk menjadi usahawan.

Selain program KPT-CAP kementerian dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melaksanakan program padanan pekerjaan kepada graduan. Program seumpama ini juga turut dilaksanakan bersama Tenaga Nasional Berhad.

Kementerian dengan kerjasama TEKUN Nasional pula telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Mikro KPT-MEDAC: Siswaprenuer. Skim ini menawarkan pembiayaan bernilai sehingga RM5,000 khusus bagi graduan yang masih dalam pengajian untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Sejumlah RM20 juta telah diperuntukkan oleh TEKUN Nasional dengan sasaran pembiayaan kepada 20,000 pelajar.

Selain itu, Program EntrepreneurMOHE@PUNB telah dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Seramai 500 graduan akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri hari ini. Silakan.

**[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan pendapatan eksport produk agrikomoditi daripada keseluruhan pendapatan eksport negara bagi tahun 2010 hingga 2020 dan apakah peningkatan harga agrikomoditi utama seperti harga purata minyak sawit mentah yang dijangka mencecah RM2,800/tan menjelang akhir tahun 2020 atau suku pertama tahun 2021.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]:** Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Parit yang bertanyakan soalan nombor 1.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 sehingga tahun 2015, jumlah pendapatan eksport produk agrikomoditi adalah masing-masing RM114.10 bilion dan RM141.41 bilion, RM127.26 bilion, RM114.47 bilion, RM116.57 bilion dan RM117.10 bilion.

Manakala bagi tahun 2016 sehingga tahun 2019 adalah masing-masing RM122.58 bilion, RM140.06 bilion, RM127.86 bilion dan RM128.50 bilion

**■1020**

Secara keseluruhannya sektor agrikomoditi menyumbang kepada sebahagian pendapatan eksport negara walaupun negara sedang mengalami situasi pandemik pada tahun ini. Sektor agriekonomi komoditi masih menyumbang kepada peratusan eksport negara yang *significant* iaitu sebanyak 14.62 peratus setakat September 2020 bersamaan dengan RM103.74 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, harga minyak sawit di pasaran adalah ditentukan oleh kuasa permintaan penawaran terhadapnya. Selain itu, faktor asas dan sentimen pasaran turut mempengaruhi pergerakan harga minyak sawit mentah di pasaran. Harga minyak sawit mentah sekarang ini telah menunjukkan trend peningkatan yang begitu ketara.

Untuk makluman, harga purata minyak sawit mentah telah pun melebihi paras RM2,800 se tan sebelum menjelang akhir tahun 2020 atau suku pertama tahun 2021. Harga minyak sawit kini telah melonjak kepada RM3,451.50 se tan pada 24 November 2020 dan ini merupakan sejarah di mana harga ini adalah yang tertinggi berbanding dengan RM2,021.50 se tan pada 12 Mei 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM1,430 ataupun 71 peratus harga minyak sawit mentah.

Kita juga bersyukur kepada Kerajaan Malaysia kerana mereka telah melaksanakan beberapa inisiatif iaitu menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan juga pengurangan 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah. kita juga berterima kasih kepada negara India kerana telah mula mengimport minyak sawit dengan kadar yang lebih tinggi bermula Jun 2020. Ini merupakan perkara

yang telah melihat kepada kesungguhan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang gigih memperbaiki perhubungan dua hala kita.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana telah berjaya meningkatkan harga minyak sawit dengan usaha-usaha diplomatik dengan negara-negara pembeli minyak sawit mentah negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bermula Julai hingga Disember 2020, pengecualian duti eksport ke atas minyak sawit telah pun dilaksanakan di bawah PENJANA. Pengecualian duti tersebut telah mendorong penggiat industri untuk menjual lebih banyak minyak sawit dan membantu menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Soalan saya, sejauh manakah inisiatif pengecualian duti eksport minyak sawit di bawah PENJANA telah menyumbang kepada peningkatan kadar khususnya permintaan serta harga komoditi berkenaan. Apakah strategi kementerian untuk memastikan keadaan ini terus bertambah baik dari masa ke semasa khususnya di dalam mengekalkan hubungan baik bersama rakan dagangan iaitu negara China dan juga India? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Willie anak Mongin:** Terima kasih rakan saya yang bertanyakan soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, inisiatif pelepasan duti yang kita kenakan memang sedikit sebanyak telah memberi satu lonjakan yang ketara di mana ramai di antara penggiat industri eksport minyak sawit kita telah meningkatkan kuantiti pengeksportan mereka dan ini menunjukkan satu petanda yang baik.

Sudah semestinya kita akan membuat beberapa langkah untuk mengekalkan keadaan ini untuk menambahkan lagi eksport dengan negara-negara lain. Untuk negara China dan juga negara India, kita juga telah mengadakan sesi libat urus dengan mereka dan baru-baru ini juga saya ada mengadakan perbincangan secara maya dengan Menteri *Environment* daripada United Kingdom di UK mengenai industri sawit kita.

Kita juga menggalakkan pemain-pemain industri dan juga agensi-agensi di bawah Kementerian MPIC untuk terus memberi satu promosi dan untuk menyangkal tohmann-tohmann daripada negara lain khasnya daripada negara Eropah yang mengatakan bahawa pengeluaran minyak sawit kita tidak mampan. Akan tetapi kita telah mengemukakan bukti-buktii bahawa kita serius dalam menghalang agenda mereka untuk menghalangkan industri sawit kita terus berkembang.

Kita juga terus bekerjasama dengan negara-negara lain dan menjalinkan hubungan perniagaan yang baik dan utuh dan kita terus akan melakukan yang terbaik demi negara kita Malaysia dan juga industri sawit negara kita. Terima kasih.

**2. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]** minta Perdana Menteri menyatakan statistik salah laku rasuah di kalangan kakitangan kerajaan dan apakah langkah-langkah pencegahan yang sedang dilakukan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh dari tahun 2016 sehingga September 2020, sebanyak 2,287 kertas siasatan ataupun *investigation paper*, dengan izin telah dibuka ke atas penjawat awam bagi menyiasat aduan mengenai kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan juga penyelewengan. Sesungguhnya kerajaan pada hari ini amat komited dalam usaha memerangi rasuah, memperbaiki integriti dan melaksanakan urus tadbir yang baik di dalam negara kita ini.

Dalam hal ini, SPRM selaku agensi pencegahan rasuah bertanggungjawab untuk membantu kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan khasnya dalam meneliti sistem dan prosedur kerja bagi memastikan ruang dan peluang rasuah dapat ditutup. Pelbagai inisiatif pencegahan rasuah telah dilaksanakan sebagai pencetus kepada usaha-usaha pencegahan rasuah ini. Sebagai contohnya, setiap agensi perlu mempunyai *tools* ataupun alat seperti *Corruption Risk Management* (CRM), Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dan *Anti-Bribery Management System*, dengan izin dalam usaha mengekang perlakuan rasuah ini. Berikut adalah jumlah agensi yang telah melaksanakan keterlibatan atau *engagement* dengan SPRM bagi tujuan pelaksanaan CRM dan OACP ini:

- (i) untuk CRM sebanyak 139 buah agensi; dan
- (ii) untuk Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) sebanyak 40 buah agensi.

Kerajaan turut mengambil inisiatif untuk memasukan elemen-elemen pencegahan rasuah dalam sistem akademik ataupun pendidikan formal di negara kita terutamanya di institut pengajian tinggi (IPT). Perkara ini adalah selaras dengan inisiatif 2.4.7 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu memperkenalkan kursus mata pelajaran wajib di universiti pada peringkat ijazah pertama yang mana ia menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Meneliti daripada jawapan Yang Berhormat Menteri dengan kesungguhannya,

rasuah adalah amalan penyakit yang jijik dan boleh menghancurkan negara. Terbukti dengan maklumat siasatan Jabatan Kastam yang baru-baru ini ditangkap oleh pihak SPRM. Soalan saya ialah adakah kerajaan hendak lebar luaskan pemantauan terhadap semua peringkat termasuk pemimpin kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih sahabat saya yang penuh dengan semangat berkobar-kobar. Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita ada satu undang-undang yang utama untuk pencegahan rasuah iaitu Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]. Berdasarkan kepada akta ini, ia jelas bahawa mana-mana pihak atau mana-mana orang yang dengan sendirinya atau melalui beberapa orang lain atau sama-sama dengan orang lain melakukan rasuah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini, ia dianggap melakukan suatu kesalahan rasuah, tidak kira mereka adalah orang awam ataupun pegawai-pegawai kerajaan mahupun pimpinan-pimpinan politik.

#### ■1030

Satu perkara lagi saya hendak sebut bahawa dalam akta ini juga ada satu pindaan baru iaitu seksyen 17A yang mana akta ini juga merangkumi kesalahan yang dibuat oleh organisasi komersial. Bukan sahaja orang perseorangan, komersial *organization* juga dianggap melakukan kesalahan dan jika sekiranya organisasi itu melakukan kesalahan, seksyen 17A ini meletakkan kesalahan kepada orang yang menjadi pengarah, menjadi pengawal, pegawai atau pekongsi atau mereka yang terlibat dalam pengurusan hal ehwal organisasi itu.

Beginilah seriusnya kita melawan rasuah termasuk dengan orang-orang politik sendiri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau. Silakan.

3. **Tuan Anyi Ngau [Baram]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan kepada pihak RECODA sejak tahun 2015 dan nyatakan nama projek yang sedang/siap dilaksanakan di kawasan Baram.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]:** Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Baram, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Persekutuan sentiasa komited untuk memastikan kualiti dan kesejahteraan hidup adalah lebih baik kepada semua rakyat termasuk kepada di negeri Sarawak. Komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan negeri Sarawak ini dibuktikan melalui peruntukan pembangunan yang

telah diluluskan kepada negeri Sarawak melalui pelbagai kementerian dan agensi Persekutuan sejak dahulu lagi.

Ini termasuklah peruntukan bagi pelaksanaan projek yang berimpak tinggi di bawah pelaksanaan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah ataupun RECODA iaitu badan berkanun Kerajaan Negeri Sarawak yang merupakan sebuah agensi di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri. Sejak tahun 2015 sehingga tahun 2020, peruntukan siling tahunan yang telah diluluskan kepada RECODA adalah berjumlah RM2.016 bilion. Sehingga suku kedua tahun ini, peruntukan siling tahunan yang telah disalurkan kepada RECODA adalah berjumlah RM1.886 bilion. Baki peruntukan siling tahunan sebanyak RM130.55 juta akan disalurkan sebelum berakhir tahun 2020.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat mengenai projek yang sudah dilaksanakan oleh RECODA di kawasan Baram, terdapat dua projek yang sudah siap dilaksanakan. Projek yang pertama adalah jalan akses ke tapak empangan Baram, Miri dengan kos yang berjumlah RM234.6 juta. Projek ini merupakan projek penyediaan infrastruktur jalan dan telah siap pada Disember 2014.

Pelaksanaan projek ini telah memberi manfaat melalui penyediaan akses yang selamat dan selesa kepada penduduk di sekitar kawasan Baram yang meliputi Daerah Beluru, Daerah Kecil Tinjar dan Daerah Kecil Long Lama yang menikmati hasil pembangunan di sepanjang jajaran jalan sejauh 66.5 kilometer.

Projek yang kedua adalah Stesen Pertanian Bersepadu Tanah Tinggi iaitu *Baram Integrated High Land Agriculture Station* dengan kos yang berjumlah RM30.81 juta dan telah siap pada bulan dua tahun ini. Projek ini bertujuan untuk membangunkan sektor pertanian tanah tinggi melalui penyelidikan tanaman asli di kawasan Baram. Pelaksanaan kedua-dua projek ini yang dilaksanakan oleh RECODA telah meningkatkan taraf sosial ekonomi rakyat serta memberi impak pembangunan di kawasan pedalaman dan tanah tinggi, khususnya di kawasan Baram. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2015 dan 2016, saya difahamkan bahawa jalan yang ke Empangan Baram ini akan dibina. Akan tetapi oleh sebab yang tertentu, empangan ini dibatalkan dan kita difahamkan memang ada peruntukan yang besar untuk membuat jalan dan akses ini dahulu. Jadi pertanyaan saya, di manakah peruntukan ini sekarang dan kalau dapat peruntukan ini disalurkan balik kepada RECODA untuk tujuan-tujuan tertentu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Yang Berhormat Baram. Izinkan saya mencari data untuk menjawab soalan Yang Berhormat Baram. Berkaitan Jalan Long Lama dari tapak empangan Baram yang sebenarnya telah diluluskan pada tahun 2015/2016. Untuk maklumat Yang Berhormat Baram, projek ini sebenarnya telah diluluskan peruntukan sebanyak RM823 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan projek ini melibatkan dua pakej iaitu Pakej A dan pakej B.

Pakej A melibatkan penaikan taraf Jalan Beluru ke Tinjar, menaik taraf jalan sedia ada dari Simpang Jalan Miri-Bintulu ke simpang masuk ke Pekan Beluru dan menaik taraf jalan sedia ada dari Batang Tinjar ke Kilometer 12 dan ke semua ini dalam Pakej A sudah siap dibina pada bulan Disember tahun 2014. Bagi Pakej B pula, inilah yang melibatkan pembinaan jalan baharu sejauh 60 kilometer daripada Long Lama ke tapak cadangan Empangan Baram.

Akan tetapi, projek ini telah dibatalkan disebabkan oleh bantahan daripada penduduk setempat. Maka baki peruntukan sebanyak RM588.3 juta tidak dapat disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada RECODA. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Baram boleh memohon sekali untuk projek ini dimasukkan ke dalam RMKe-12 sekiranya isu yang dihadapi dahulu boleh diatasi. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Tuan Wong Tack.

4. **Tuan Wong Tack [Bentong]** minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan bilakah Pakej 5 (Raub ke Bentong) Projek *Central Spine Road* akan disiapkan dan bilakah kerja pembinaan untuk Pakej 6 (Bentong ke Simpang Pelangai) akan bermula.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan *Central Spine Road* (CSR) di Daerah Bentong, Pahang adalah melibatkan dua pakej pembinaan iaitu Pakej 5, Raub ke Bentong, Pahang sepanjang 54 kilometer dan Pakej 6, Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 47.5 kilometer. Pada ketika ini jajaran Pakej yang kelima, Raub ke Bentong, Pahang telah diluluskan pelaksanaannya di bawah RMKe-11 dengan pecahan fasa sebanyak empat seksyen pembinaan:

- (i) Seksyen 5A iaitu Raub bypass Pahang sepanjang 9.6 kilometer telah dikemukakan pada Jun 2019 dan dijadualkan siap pada September 2022. Kemajuan fizikal sehingga 1 November 2020 adalah sebanyak 23.6 peratus;

- (ii) Seksyen 5B, Kampung Orang Asli Sungai Candan ke Kampung Asap sehingga 16 kilometer yang telah dimulakan pada Mac 2018 dan dijadualkan siap pada Januari 2022 dan kemajuan fizikal sehingga 1 November 2020 ialah sebanyak 68 peratus;
- (iii) Seksyen 5D iaitu Bentong *bypass* Pahang sejauh 10.4 kilometer; dan
- (iv) skop tambahan seksyen 5C2 Kampung Asap ke Kampung Sertik, sejauh 12.32 kilometer telah dimulakan pada April 2016 dan dijadualkan pada Januari 2021.

Kemajuan fizikal sehingga 1 November 2020 adalah sebanyak 96.9 peratus. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Seksyen 5C1 sepanjang 5.78 kilometer telah pun disiapkan pada Oktober 2018.

Manakala bagi pelaksanaan Pakej 6A, Sertik ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur, Pahang sejauh 11.35 kilometer pula baru saja diluluskan untuk dilaksanakan dalam *rolling plan* yang pertama RMKe-12. Sekian.

#### ■1040

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Pelangai tidak jauh dari bandar Karak dan Bentong tetapi jauh ketinggalan dalam segi pembangunan kerana tidak ada jalan yang baik. Selama ini dari zaman Jepun sampai sekarang, penduduk Pelangai terpaksa pakai satu jalan sangat bahaya, penuh dengan selekoh tajam, berlubang-lubang. Jadi, sangat bahaya kepada mereka.

Jadi, pembinaan CSR Pakej 6 ini sangat penting kepada daerah ini, bukan sahaja bawa kemajuan, bawa kemudahan kepada penduduk di sana tetapi akan *unleash* dengan izin, *development potential* di daerah Pelangai. Saya mahu tanya, soalan saya, bolehkah kerajaan *fast track* projek ini supaya kerja-kerja boleh dimulakan segera? So, we can put an end to the decade of suffering and inconvenience for the people of Pelangai. Thank you.

**Dato' Eddin Syazlee bin Shith:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bentong di atas soalan tambahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang memberi keutamaan kepada pembinaan Pakej 6 ini. Walau bagaimanapun, keperluan pembinaan jalan-jalan raya ini perlu diambil dan dipertimbangkan secara keseluruhan keperluan jalan-jalan raya yang lain di seluruh negara. Ini memandangkan kerajaan juga mempunyai kemampuan yang terbatas.

Pembinaan setiap jalan ini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan. Contohnya Pakej 6A ini diberi keutamaan berdasarkan kepada kedudukan jalan daripada Sertik ke Karak itu terus ke LPT1 atau Lebuhraya Pantai

Timur 1 yang juga memberi kelebihan kepada penduduk setempat sebagai kemudahan untuk ke Pantai Timur.

Walau bagaimanapun untuk pakej yang lain 6B, 6C dan 6D ini akan dipertimbangkan dan mungkin akan dibuat secara penjanaan semula tertakluk kepada kemampuan semasa kerajaan.

**5. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lutar]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah prosedur dan caj yang dikenakan bagi mendapatkan data daripada Jabatan Perangkaan Negara (DOS) melalui *Census 2020* yang dijalankan pada masa ini bagi tujuan perancangan dan kajian *masterplan* sesuatu tempat dan daerah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Lutar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Batang Lutar, Banci 2020 merupakan bancian yang keenam yang dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia dan ia dilaksanakan setiap 10 tahun sekali. Objektif pelaksanaan banci adalah untuk mengumpul profil penduduk dan perumahan yang komprehensif serta terperinci sehingga ke peringkat geografi terkecil. Data banci ini akan menjadi sumber utama yang penting dalam penyediaan rancangan pembangunan negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia ataupun DOSM adalah agensi utama dalam bidang pengumpulan data dan penghasilan statistik rasmi negara. Prinsip asas kepada penyebaran data adalah kerahsiaan maklumat responden yang sejajar dengan prinsip yang termaktub dalam seksyen 4(2), Akta Perangkaan 1965.

Pengendalian permintaan data dibuat berdasarkan seksyen 8(b) mengikut kategori permintaan seperti berikut. Kategori yang pertama melibatkan data yang diterbitkan iaitu maklumat yang diterbitkan boleh dimuat turun secara percuma melalui portal DOSM ataupun daripada eStatistik. Sebagai contoh, data yang diterbitkan adalah seperti:

- (i) penerbitan Anggaran Penduduk Semasa 2017 hingga 2020;
- (ii) Unjuran Penduduk (Semakan Semula) bagi 2010-2040; dan
- (iii) laporan penemuan Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2010.

Kategori yang kedua melibatkan data yang tidak diterbitkan iaitu maklumat yang tidak terdapat dalam mana-mana penerbitan tetapi perlu diproses melalui penjanaan atau pengiraan semula serta diluluskan untuk sebaran kepada pengguna dan akan dikenakan caj mengikut kategori atau tempoh masa penyediaan data dan pemprosesan data sama ada melalui penjadualan komputer atau pengiraan semula penyusunan dan proses tambahan.

Antara data yang tidak diterbitkan adalah statistik bilangan penduduk dan jumlah tempat kediaman bagi kawasan spesifik seperti kampung dan taman perumahan. Contoh caj yang dikenakan bagi penyediaan data mengikut masa adalah seperti bilangan penduduk mengikut kaum di Taman Puteri Wangsa, Ulu Tiram, Johor. Kadar caj yang dikenakan adalah sebanyak RM30 sejam berdasarkan tempoh masa penjanaan dan melalui sistem. Tempoh masa penjanaan data tertakluk kepada jenis dan dimensi data yang diperlukan.

Perkhidmatan konsultasi DOSM kepada pengguna tidak akan dikenakan caj atau *fi*. Penentuan berkenaan caj atau *fi* bagi data yang diterbitkan dan tidak diterbitkan hanya dikenakan kos untuk pengeluaran, penerbitan atau data yang meliputi bahan mentah, *overhead* dan utiliti, emolumen serta kos-kos lain. Semua caj yang dikenakan akan dimasukkan ke dalam akaun hasil kerajaan. Prosedur permohonan data yang tidak diterbitkan sama ada data banci penduduk dan perumahan Malaysia atau data lain perlu dibuat melalui eStatistik atau dikemukakan terus kepada Ketua Perangkawan Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 22 November 2020 bancian *e-Census* telah mencatatkan jumlah isi rumah di Malaysia adalah sebanyak 5.67 juta. Laporan penemuan awal *Census 2020* dijangka akan diterbitkan dalam tempoh tiga bulan selepas banci selesai.

Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menyeru semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama menjayakan Banci 2020 demi pembangunan masa hadapan negara, *Data Anda Masa Depan Kita*. Sekian dan terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lumar]:** Soalan tambahan. Apakah perkara yang dinilai dan diambil pertimbangan oleh DOSM dalam memberikan pengecualian atau kadar caj yang lebih rendah kepada agensi kerajaan, NGO serta institusi pengajian tinggi bagi data yang diperoleh daripada DOSM dalam membuat kajian dan juga analisis? Terima kasih.

**Tuan Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Lumar. Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan data yang tidak diterbitkan oleh semua kementerian, jabatan, agensi Kerajaan Persekutuan atau pun negeri ataupun badan berkanun sebenarnya untuk tujuan pembentukan dasar, tidak akan dikenakan caj atau bayaran.

Manakala permohonan data bagi tujuan pembelajaran, kajian ilmiah, penyelidikan, statistik dan *analytical* oleh pensyarah dan pelajar IPT boleh dibekalkan tanpa caj. DOSM telah menandatangani sebanyak 20 memorandum persefahaman atau MOU dengan IPT dan IPTS. Antaranya ialah seperti Universiti Malaysia Sarawak,

Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaya. Bagi IPTA terdapat 14 buah dan IPTS terdapat enam buah.

Jadi, bagi permohonan data yang melibatkan penggunaan lain seperti badan bukan kerajaan ataupun NGO, syarikat perunding, syarikat swasta, persatuan sama ada di dalam atau pun di luar negara, caj akan dikenakan pada kadar yang akan ditetapkan oleh DOSM. Sekian dan terima kasih.

**6. Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah bantuan yang diberikan kepada SMEs dalam negeri untuk mengatasi kemerosotan ekonomi yang diakibatkan oleh pandemik COVID-19 kebelakangan ini dan berapa daripada jumlah itu adalah diberikan kepada SMEs di Sarawak.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian melalui Bank Rakyat telah memperkenalkan Pembiayaan Khas Bank Rakyat bagi membantu usahawan mengurangkan masalah aliran tunai jangka pendek berikutan dengan penularan COVID-19 dan arahan PKP.

Sehingga pertengahan Oktober 2020, Bank Rakyat telah meluluskan permohonan pembiayaan BR Cares berjumlah RM134 juta kepada lebih 2,322 orang usahawan di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut seramai 206 orang usahawan dari negeri Sarawak yang telah menerima manfaat lebih kurang RM7.56 juta.

#### ■1050

Selain daripada itu, kementerian juga melalui agensi TEKUN Nasional telah menerima peruntukan berjumlah RM300 juta melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin PKS yang berjumlah RM200 juta dan Pakej PENJANA sebanyak RM100 juta bagi membantu menyuntik modal perniagaan segera dengan nilai pembiayaan maksimum sebanyak RM10,000. Setakat bulan September 2020, seramai 2,296 orang usahawan di Sarawak telah menerima manfaat yang berjumlah RM15.36 juta.

Selain daripada itu, melalui agensi SME Corp juga menyediakan program-program seperti berikut:

Pertama, program *Business Scale-Up* iaitu program *Biz-Up* iaitu program yang membantu bantuan bersepadan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan PKS melalui khidmat nasihat perniagaan dan sokongan kewangan yang menyokong pelbagai inisiatif pembinaan keupayaan bagi meningkatkan pertumbuhan dan pengembangan perniagaan perusahaan kecil dan sederhana dalam dan juga luar negara. Sehingga September 2020, sejumlah 44 PKS yang telah menerima kelulusan geran berjumlah RM8.21 juta, manakala 17 PKS lagi telah menerima kelulusan pinjaman bernilai RM9.2

juta. Daripada jumlah tersebut, RM147,500 telah disalurkan untuk satu PKS dari negeri Sarawak.

Kedua, program BEEP iaitu Program Peningkatan Enterpris Bumiputera yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS melalui bantuan bersepadu termasuk pensijilan, pembungkusan, sewaan premis untuk usahawan-usahawan belia, khidmat nasihat, latihan dan juga sokongan. Bagi tahun 2020 hingga bulan September 2020, sebanyak 113 PKS telah menerima manfaat. Daripada jumlah itu, enam PKS daripada Sarawak yang berjumlah RM928,068.

Seterusnya, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang membentuk daya tahan usahawan dalam mereka mengendalikan perniagaan dan juga memupuk semangat keusahawanan serta anjakan paradigma belia daripada seorang pekerja kepada seorang pemilik perniagaan. Sehingga September 2020, seramai 765 orang peserta telah terlibat dan 99 orang peserta datangnya dari negeri Sarawak.

Seterusnya, program *Micro Connectory* yang merupakan program yang bertujuan memberikan latihan khusus kepada peringkat awal kepada perusahaan mikro bagi melatih komuniti B40 dan melalui *SME Bank* juga telah memberi dan mensasarkan kelulusan sebanyak RM260 juta kepada usahawan Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM169 juta telah pun diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa berpuluh-puluh ratusan juta telah disalurkan untuk membantu SME, tetapi hakikatnya GDP negara kita masih merosot dan sejak bulan Mac sehingga September 2020 yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri, sebanyak 32,000 SME di seluruh negara telah tutup dan gulung tikar. Oleh itu, apakah yang dicadangkan oleh kerajaan untuk tahun baharu iaitu tahun depan yang adalah berbeza sedikit dengan apa yang telah dilaksanakan sepanjang masa ini?

Saya juga meneliti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bantuan diberi kepada SME di Sarawak amatlah kurang jika kita bandingkan dengan peratusan yang diberi kepada seluruh negara. Bolehkah itu ditingkatkan supaya lebih dana disalurkan untuk membantu SME di Sarawak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang mana kita ini adalah untuk memberikan bentuk bantuan dan juga

pembiayaan dan juga kewangan selain daripada latihan dan juga bimbingan serta akses pasaran yang lebih kompetitif dan juga lebih berdaya saing.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang cukup prihatin tentang kekurangan peruntukan ataupun bentuk bantuan. Memang kita kalau sebolehnya, kalau dapat— Yang Berhormat juga dapat melihat juga usaha-usaha yang telah dimainkan oleh kementerian. Apatah lagi Yang Berhormat Menteri juga datangnya dari negeri Sarawak yang bertungkus-lumus dan juga sangat komited dalam membantu dan juga lebih memperkasakan lagi usahawan-usahawan dan juga SME atau PKS-PKS di dalam negeri Sarawak itu termasuklah dengan membuka cawangan-cawangan, contohnya TEKUN, untuk memberi bantuan dan juga mengupayakan usahawan-usahawan dengan membuka cawangan yang ada di kawasan luar bandar, seperti yang berada di— juga termasuk di Parlimen Stampin juga. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

7. **Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]** minta Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan setakat ini untuk memastikan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau Akta 355 yang bertujuan meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dapat dilaksanakan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada hari ini komited dan berhasrat untuk membentangkan Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) ataupun lebih dikenali sebagai RUU 355. Oleh yang demikian, sebelum ia dibentangkan di Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan akan menyelesaikan beberapa proses penting yang perlu diteliti dan dilaksanakan terlebih dahulu agar ia dapat digubal dan dibentangkan mengikut tertib dan teratur berdasarkan kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menggubal RUU 355 dan merundingi negeri-negeri akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau lebih dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal.

Jawatankuasa Teknikal merupakan jawatankuasa pelaksana kepada Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang Syarak dan Sivil atau dikenali sebagai Jawatankuasa Mengkaji. Ia ditubuhkan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam (MKI) yang telah diperkenankan penubuhan oleh Majlis Raja-raja dan berperanan antara lain

untuk memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, kerajaan negeri dan juga majlis agama Islam negeri berkenaan perundangan, pentadbiran dan pendidikan Islam dengan tujuan untuk memperbaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang, pentadbiran dan pendidikan Islam di negara ini.

Bagi memperkasakan dan memantapkan Jawatankuasa Teknikal yang menggalas tanggungjawab yang besar untuk menggubal RUU 355 dan merundingi negeri-negeri serta pihak-pihak yang berkenaan, kerajaan pada hari ini telah melakukan rombakan dan menyusun semula keanggotaan Jawatankuasa Teknikal. Satu barisan keanggotaan baharu yang mantap dan berwibawa telah dilantik oleh kerajaan pada 16 Ogos 2020.

Keanggotaan baharu ini terdiri daripada mantan Ketua Hakim Syarie, mantan Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia, mantan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, profesor syariah, profesor undang-undang, pengamal undang-undang syariah dan pengamal undang-undang sivil yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang sangat luas dalam bidang-bidang syariah mahupun sivil dan juga undang-undang Perlembagaan.

Sejurus selepas pelantikan tersebut, pada 2 hingga 6 September 2020, Jawatankuasa Teknikal yang baharu dilantik tersebut telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal untuk membincangkan cadangan pindaan Akta 355. Dalam perbincangan tersebut, cadangan pindaan Akta 355 telah diteliti dan dibahaskan dengan terperinci bagi pelbagai aspek khususnya aspek perlembagaan, undang-undang dan hukum syarak.

Seterusnya pada 1 hingga 3 Oktober 2020, Jawatankuasa Teknikal telah mengadakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal untuk menggubal RUU 355 berdasarkan kepada input-input yang telah dihasilkan dan dipersetujui melalui perbincangan dan perbahasan sebelum itu. Hasilnya, Jawatankuasa Teknikal telah berjaya menggubal draf RUU 355.

Jawatankuasa Teknikal telah merancang untuk membentangkan cadangan pindaan Akta 355 dan draf RUU 355 yang telah digubal tersebut kepada negeri-negeri melalui Majlis Dialog Undang-undang dan Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil yang dijadualkan akan diadakan pada awal tahun 2021. Forum perundingan tersebut akan melibatkan penyertaan pihak berkuasa majlis agama negeri, mahkamah syariah negeri, jabatan pendakwah syariah negeri, jabatan agama Islam negeri, pejabat mufti negeri dan pejabat penasihat undang-undang, pejabat peguam besar negeri. Di peringkat ini, cadangan pindaan Akta 355 dan draf RUU 355 tersebut akan dibincangkan dan dibahaskan dengan terperinci dari pelbagai aspek khususnya aspek perlembagaan, perundangan dan hukum syarak oleh ahli-ahli yang

sebahagianya berpengetahuan luas dalam perlumbagaan, perundangan syariah dan perundangan sivil dan sebahagian ahli adalah dalam kalangan pembuat dasar dan pelaksana undang-undang syariah di peringkat negeri.

Soalan asal Yang Berhormat tentang usaha setakat ini. Maka setakat itulah yang dilakukan oleh pihak kerajaan setakat ini.

■1100

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berdasarkan jawapan tadi, saya rasa kita boleh buat kesimpulan bahawa kerajaan berada *on the track*, dengan izin untuk memperkasakan ataupun membuat pindaan Akta Mahkamah Syariah ini.

Cuma, soalan saya walaupun kita tahu bahawa bidang kuasa agama di negeri-negeri berada di bawah pihak berkuasa negeri, namun tidak akan boleh pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] ini dibentangkan terlebih dahulu di Parlimen. Kemudian, barulah dirunding di negeri-negeri di peringkat pelaksanaan. Kita mahu tahu apakah pelan strategik kerajaan berhubung pemerkasaan undang-undang syariah di Malaysia secara umum?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary:** Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Akta 355 merupakan undang-undang Persekutuan, peruntukan-peruntukan di bawahnya adalah berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah syariah dan undang-undang bertulis yang memperuntukkan mengenai kesalahan jenayah syariah yang terletak di bawah bidang kuasa negeri.

Oleh sebab itu, adalah amat wajar pada pihak pandangan kerajaan dan teratur sekiranya cadangan untuk meminda Akta 355 ini dirunding dengan negeri-negeri terlebih dahulu bagi mendapatkan pandangan dan buah fikiran berkaitan dengan pindaan RUU 355 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat kelak.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat, perancangan strategik kerajaan bagi memperkasakan undang-undang syariah, khususnya di Wilayah-wilayah Persekutuan, kerajaan pada hari ini telah merangka pelan pemerkasaan undang-undang syariah bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2020 hingga tahun 2025. Dalam pelan pemerkasaan tersebut, kerajaan telah merancang untuk menggubal sekurang-kurangnya 11 undang-undang syariah utama termasuk penggubalan undang-undang baharu dan pindaan undang-undang sedia ada.

Lapan undang-undang syariah subsidiari iaitu dalam kaedah, dalam bentuk kaedah-kaedah. Penggubalan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] merupakan sebahagian daripada pelan tersebut. Selain daripada pindaan Akta 355, melalui pemerkasaan tersebut juga kerajaan telah merancang untuk menggubal beberapa undang-undang syariah termasuk Rang Undang-undang Wakaf, Rang Undang-undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam, Rang Undang-undang Mufti, Rang Undang-undang Mahkamah Syariah dan lain. Untuk lebih terperinci, saya akan berikan jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**[Sesi bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]**

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara hendak dibawa di dalam Dewan. Semalam ada satu *positive case* di bangunan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan ada *circular* yang menyuruh semua pegawai dan kakitangan MOTAC untuk pergi *self-quarantine*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Jadi, saya hendak bertanya, adakah ini juga termasuk dengan Yang Berhormat Menteri iaitu Yang Berhormat Batang Sadong supaya tidak datang ke Dewan sebab Yang Berhormat perlu pergi *self-quarantine*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah difahamkan bahawa pagi tadi, bahawa Yang Berhormat Menteri telah membuat *test* di – secara swasta (*private*) dan Yang Berhormat Menteri disahkan negatif. *[Dewan riuh]* Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Sepatutnya ia kena *incubation period* selama 14 hari.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua – Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya...

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Jadi, saya minta supaya SOP ini diikut juga oleh Yang Berhormat Menteri. Bukan hanya kepada para pegawai-pegawai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak tahu. Cuma, kalau – Maaf sekejap ya. *[Bertanya kepada Setiausaha Dewan Rakyat]* Oh, okey. Saya difahamkan telah ada dibuat kenyataan media mengenai isu ini. Akan tetapi, saya difahamkanlah bahawa

Yang Berhormat Menteri telah didapati sebagai negatif. So, tolong rujuk kepada kenyataan medialah. Saya tidak tahu-menahu tentang *detail*-nya. Kalau boleh saya diberi sikit masa untuk *check* kenyataan media.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, dapatan negatif itu tidak mengizinkan untuk Yang Berhormat Menteri terus berada di sini. Ini kerana, SOP nya adalah perlu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak tahu, tidak tahu-menahu tentang perkara itu. Bagi saya *check*. Bagi saya *check*.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** *Observe here.* Perlu *observation period* dan kuarantin itu Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak perlulah untuk mengingatkan Tuan Yang di-Pertua, sebab kita tahu ya. Baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya perlu *check* sebab saya tidak tahu-menahu tentang *detail*-nya lah. Apa yang saya tahu Yang Berhormat Menteri didapati negatif. Ya.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, tolong ambil tindakan segera. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi saya masa sikit hendak *check detail*-nya.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

#### Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[25 November 2020]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara untuk menjawab.

### 11.05 pg.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian mengutarakan cadangan, pandangan dan sebagainya kepada Kementerian Perpaduan Negara iaitu;

- (i) Yang Berhormat Pekan;
- (ii) Yang Berhormat Pontian;
- (iii) Yang Berhormat Tampin; dan
- (iv) Yang Berhormat Parit Buntar

Mereka telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh kepada isu yang berkaitan dengan kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, kepada mana-mana antara Ahli Yang Berhormat yang tidak ada di dalam Dewan ini untuk saya bagikan jawapan ini secara bertulis dan saya akan menjawab kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan isu yang telah pun saya sebutkan tadi untuk saya jawab dalam penggulungan saya.

Perkara pertama saya ingin menjawab kepada persoalan daripada Yang Berhormat Pekan. Okey, tidak ada. Boleh saya jawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan. Teruskan saja.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Okey. Terima kasih. Kedua, kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Pontian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian yang telah pun membangkitkan perkara untuk mengetahui tentang perkembangan Dasar Perpaduan Negara yang sedang dirangka.

Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, draf Dasar Perpaduan Negara (DPN) sudah siap dirangka Yang Berhormat dengan sebaiknya dan pihak kementerian akan membawa draf Dasar Perpaduan Negara ini untuk dibentangkan di dalam Kabinet ini, *insya-Allah* dalam masa terdekat.

Kementerian mengharapkan dengan wujudnya Dasar Perpaduan Negara ini, ia akan dapat memberikan hala tuju yang lebih jelas untuk kita mengangkat agenda

perpaduan negara dengan lebih serius lagi. Dasar Perpaduan Negara ini akan menjadi punca kuasa kepada pelaksanaan program-program terancang berkaitan dengan perpaduan.

Dasar Perpaduan Negara ini Tuan Yang di-Pertua, telah pun melalui empat siri libat urus bersama dengan pelbagai pihak pemegang taruh termasuklah kementerian, agensi kerajaan, wakil pertubuhan NGO, para akademi, pakar perpaduan dan juga jentera perpaduan yang termasuklah pengerusi-pengerusi kawasan KRT, termasuk juga kepada kepimpinan di peringkat Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan sekolah menengah serta termasuk juga Sekretariat Rukun Negara di peringkat IPTA dan IPTS.

Menjawab kepada perkara yang kedua, bagaimana situasi perpaduan dalam COVID-19, dalam kita berhadapan dengan COVID-19 ini, persediaan dalam diri memberikan keyakinan terhadap tindakan pantas yang dilaksanakan oleh kerajaan yang menjadi faktor utama kepada rakyat untuk berhadapan dengan ancaman COVID-19 ini dalam keadaan yang tenang walaupun terpaksa berhadapan dengan ketidaktentuan yang ada.

Majoriti rakyat Malaysia Tuan Yang di-Pertua, ternyata mempunyai semangat kerjasama, sifat ingin membantu yang baik. Ia diterjemahkan melalui perbuatan mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa dan juga berupaya untuk membuat perubahan-perubahan drastik dalam konteks yang ada mengikut kepada norma baharu.

Seterusnya, saya beralih kepada persoalan yang dibangkitkan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Ya, sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih kerana menjawab soalan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Kementerian ini nampak dibekalkan terlalu sedikit peruntukan. Cuma sebanyak RM423.28 juta. Adakah ia mencukupi untuk melaksanakan satu perkara yang amat penting iaitu perpaduan keseluruhan negara kita, daripada Perlis sampai ke Sabah yang melibatkan pelbagai kaum? Itu soalan pertama.

Kedua ialah MITRA iaitu yang berhubung kait tentang pembangunan masyarakat India berada di bawah Kementerian Perpaduan Negara. Kenapakah Kampung Baru yang menumpukan kepada masyarakat Cina tidak diletakkan di bawah kementerian Yang Berhormat dan KPKT yang tiada kaitan pula yang menjaga Kampung Baru itu?

**■1110**

Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri memaklumkan di Kabinet supaya hal-hal yang berkaitan dengan Kampung Baru dan masyarakat Cina diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Terima kasih atas sokongan kepada kementerian dan *we will make do* dengan peruntukan sedia ada yang telah pun dibekalkan kepada kementerian bagi pelaksanaan Dasar Perpaduan Negara, Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan lain-lain perkara yang telah pun saya sebutkan. MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan juga disediakan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk tahun 2021. Kampung Baru Yang Berhormat dari kawasan Pontian, Kampung Baru ini sebenarnya daripada asal pun memang di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebelum ini memang telah pun diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekiranya cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini mahu diambil kira oleh kerajaan untuk letakkan pula Kampung Baru di bawah Kementerian Perpaduan Negara kerana MITRA bagi masyarakat India ada diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara, saya akan menerima apa juga keputusan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua, yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Tampin. Okey, terima kasih Yang Berhormat jauh benar dekat belakang. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tampin, ini tentang Pelan Strategik Perpaduan Negara dirancang, bilakah akan dibuat? Apakah program dan bagaimana akan dilaksanakan? Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dari kawasan Tampin, pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua sedang dalam peringkat akhir untuk kita menyiapkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara bagi tahun 2021 hingga tahun 2025.

Strategi program yang sedang dirangka ini adalah merupakan sesuatu yang spesifik, konkret supaya kita dapat teruskan agenda perpaduan negara. Pelan Tindakan Perpaduan Negara ini Tuan Yang di-Pertua, menggariskan program aktiviti spesifik yang disusun secara jelas dan *cohesive*. Merentasi agensi kerajaan untuk kita laksanakan dalam perancangan tempoh jangka pendek, jangka sederhana dan juga jangka panjang bagi tempoh lima tahun bermula pada, *insya-Allah* pada tahun 2021 hingga 2025. Pelan Tindakan Perpaduan Negara ini memperkenalkan pelan pelaksanaan baharu berdasarkan kepada satu perubahan semasa masyarakat negara dan pasaran. Kedua menerapkan Rukun Negara sebagai rukun perpaduan, teras kepada Pelan Tindakan Perpaduan Negara ini.

Ketiga, strategi tindakan yang konkrit, spesifik dirancang dalam tempoh tertentu bagi memudahkan pemantauan berkala dilakukan. Seterusnya, menjadi panduan, rujukan bagi setiap individu dan juga agensi mengenai sesebuah pelan tindakan yang telah dihasilkan. *Insya-Allah* akan dilancarkan pada awal tahun depan bagi merealisasikan usaha ke arah perpaduan negara. Akhir sekali ialah memudahkan tindakan intervensi bagi maksud penambahbaikan lagi kepada pengukuhan perpaduan yang ada.

Saya sudah sebut tadi, PTPN ini ia bersifat spesifik, inklusif, holistik, bakal memandu pelaksanaan hala tuju negara merentasi kepada kepelbagaiannya agensi dan kerajaan. Maka kerana itu kita harap supaya dengan pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara pada awal tahun 2021 ini diharap dapat menjiwai semangat terkini dalam negara, dalam masyarakat majmuk yang ada. Pelan ini Yang Berhormat diolah sesuai mengikut kepada acuan Malaysia iaitu mengutamakan individu, keluarga, komuniti untuk kita perkukuhkan lagi ikatan perpaduan itu.

Seterusnya saya ingin beralih kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Parit Buntar. Ada Yang Berhormat? Tidak ada. Okey, kalau tidak ada Tuan Yang di-Pertua saya akan berikan jawapan ini secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Maka dengan itu saya mengakhiri penggulungan saya dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

#### 11.14 pg.

**Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seramai 28 Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam perbahasan 2020 peringkat dasar. Seramai 14 daripada Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian membangkitkan isu berkaitan peruntukan serta hala tuju kementerian. Seramai sembilan orang membangkitkan isu padi dan beras dan selebihnya membangkitkan isu tanaman kebajikan haiwan dan juga akuakultur. Isu peruntukan di bawah MAFI, yang diberikan kepada NAFI untuk tahun 2021. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya peruntukan yang diluluskan hanya menurun sebanyak RM0.10 bilion ataupun dua peratus

berbanding dengan tahun 2020. Ini melibatkan perbelanjaan mengurus dengan peruntukan yang diluluskan menurun sebanyak RM0.25 bilion atau tujuh peratus berbanding dengan tahun 2020.

Penurunan di bawah perbelanjaan mengurus disebabkan pengurangan terutamanya bagi peruntukan yang melibatkan emolumen dan pembelian aset. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan peruntukan yang diluluskan bertambah sebanyak RM0.15 bilion atau bersamaan dengan 11 peratus berbanding dengan tahun 2020. Walaupun terdapat pengurangan bagi peruntukan mengurus, kementerian akan terus memainkan peranan penting dalam melaksanakan Belanjawan 2021 dengan efektif bagi memastikan sektor agromakanan terus positif di setiap peringkat rantai makanan.

Peruntukan yang telah diluluskan kepada kementerian ini juga mencukupi bagi tujuan pelaksanaan projek pembangunan yang sedia ada dan projek-projek yang baharu. Seterusnya kementerian juga akan meneruskan bantuan insentif dan subsidi kepada semua pihak berkepentingan seperti petani, pesawah, nelayan dan penternak pada tahun 2021 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.57 bilion. Ini adalah juga sebagaimana saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Parit dan Yang Berhormat Selangau supaya pelaksanaan program input dan output pertanian bersubsidi berkaitan industri padi dan beras diteruskan pada tahun 2021.

Subsidi dan insentif tanaman padi berjumlah RM960 juta termasuk Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit sebanyak RM40 juta dan subsidi harga padi RM570 juta kepada pesawah bagi musim penanaman tahun hadapan di seluruh negara tetap diteruskan dan usaha meningkatkan taraf ekonomi pesawah. Keseluruhan subsidi dan insentif bagi sektor padi ini akan memanfaatkan 300,000 pesawah di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar bantuan elaun sara hidup nelayan telah ditingkatkan kepada RM300 melalui Belanjawan 2021 yang akan memanfaatkan 40,000 nelayan. Pada masa yang sama insentif dan subsidi lain masih diteruskan, diberikan kepada masyarakat nelayan seperti Insentif Hasil Tangkapan Ikan, Subsidi Minyak Diesel dan Petrol dan Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.

Insentif Elaun Sara Hidup Nelayan adalah sebahagian daripada peruntukan mengurus bukannya melibatkan dana yang bagi membina jeti seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Port Dickson. Beberapa Ahli Dewan ini telah memohon tambahan peruntukan bagi pembaikan dan ban pertanian, jalan ladang, naik taraf pasar tani atau permohonan pembinaan jeti baru, Institut...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Latihan Baru Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian Baharu dan projek jelapang padi di kawasan Parlimen masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Sekejap. Kementerian akan memberi pertimbangan sewajarnya berdasarkan keperluan setempat dan juga bantuan kewangan kementerian semasa. Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati bahawa saya ada pengurangan ya bajet untuk pengurusan dan juga agensi-agensi seperti MADA, KADA, LKIM, LPP, MARDI dan sebagainya yang pengurangan ada yang *up to 33 percent* pengurangan bajet. Saya hendak tanya apakah impak pengurangan peruntukan kepada agensi-agensi kerajaan dan juga kepada kementerian? Bagaimana dia impak daripada segi servis kepada petani, penternak dan juga nelayan. Itu soalan pertama.

Kedua adalah tentang isu subsidi dan Insentif Tanaman Padi yang kurang sebanyak – minta maaf ya, subsidi harga pagi yang kurang sebanyak RM50 juta. Di mana kita tahu bahawa subsidi harga padi sekarang adalah lebih kurang RM360 satu tan. Dengan pengurangan RM50 juta itu apakah impak terhadap subsidi harga padi? Adakah ia akan dikurangkan daripada segi bayaran kepada petani. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

## ■1120

**Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:**

Yang Berhormat, adalah menjadi kenyataan bahawa bajet kali ini melibatkan pengurangan *here and there* tetapi ia bukan sahaja tertumpu kepada kementerian MAFI sahaja. Akan tetapi kalau kita lihat keseluruhan kementerian-kementerian yang lain juga mengalami sedikit pengurangan dan penambahan di sana sini disebabkan oleh kekangan kewangan negara disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang tidak baik untuk tahun ini. Jadi itu merupakan satu kenyataan. Kita akui bahawa beberapa jabatan agensi di kementerian ini mengalami pengurangan dari segi peruntukan tetapi seperti yang saya katakan tadi bahawa ia tidak akan mengganggu perjalanan dan juga pengurusan agensi-agensi yang terlibat.

Yang Berhormat, subsidi harga padi...

**Dato' Ir Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]:** Kubang Pasu sedikit, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan subsidi harga padi yang telah disebutkan tadi ini. Ya, mungkin dari segi belanja mengurus untuk agensi yang terlibat itu dikurangkan mereka mungkin terpaksa *make do* dengan apa yang ada. Akan tetapi kalau subsidi harga padi

ini dikurangkan daripada RM620 juta kepada RM570 juta, adakah bermakna dalam masa COVID-19 ini, penanam-penanam padi kita tidak tanam padi ataupun *yield* mereka akan kurang ataupun adakah kerajaan berhasrat untuk mengurangkan kadar subsidi harga padi tersebut?

Jadi saya ingat dalam keadaan ini yang kita tekankan supaya petani kita lebih produktif dan sebagainya mendapat benih yang lebih baik dan sebagainya. Tidak sepatutnya subsidi harga padi ini dikurangkan. Kalau kita tengok penyelenggaraan terhadap sistem pengairan dan saliran juga dikurangkan sebanyak RM10 juta daripada RM30 kepada RM20 juta. Saya ingat waktu sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua yang perlu kita beri penekanan supaya bekalan makanan negara kita terjamin. Jadi, saya ingin respons daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** *Your concern is also our concern.* Kita telah angkat masalah ini, perkara ini, kepada kementerian. Untuk makluman, Kementerian Kewangan maklum akan perkara ini. Tentu sekali kita boleh memohon tambahan di mana yang perlu. Kita juga *concern* terhadap insentif pengeluaran padi umpamanya. Kita disasarkan untuk mengeluarkan lebih kurang 1.9 juta metrik tan padi untuk tahun hadapan ini dan jika dilihat subsidi yang ada sekarang cuma boleh menampung lebih kurang 1.64 *million* juta metrik tan padi. So, *definitely* ada defisit dari segi *projection* dan unjuran itu dengan *amount* subsidi yang ada pada ketika ini. Perkara ini telah pun diangkat di Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan telah bersedia untuk merujuk dan mengolah bantuan yang ada bersesuaian dengan kehendak yang ada sesuai dengan unjuran yang dikehendaki oleh kementerian.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Menteri berterus terang bahawa subsidi telah kurang dan juga mungkin sebanyak *shortfall about 20 percent* daripada bajet yang diberikan daripada 1.9 juta tan kepada 1.6 juta tan di mana ada *shortfall* itu. Jadi, saya tanya *on behalf of farmers*. Bagaimana kalau Kementerian Kewangan tidak tambah subsidi tahun ini, bagaimana apabila mereka pergi ke kilang dan sebagainya, bagaimana mereka boleh dapatkan subsidi tersebut? Ini kerana kita janjikan bahawa subsidi diberikan tetapi mungkin mereka dapat—musim pertama mereka dapat tetapi musim kedua mereka tidak dapat. Ini timbulkan kerisauan.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Saya tidak hendak jawab—saya sudah jawab kerisauan Yang Berhormat. Saya katakan bahawa kita memantau ini dan kita telah memaklumkan kepada Kementerian Kewangan dan kita diyakinkan bahawa kita boleh memohon tambahan jika diperlukan.

Okey, isu padi dan beras. Isu seterusnya adalah berkaitan dengan pengedaran benih padi sah seperti yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, NAFAS akan dilantik sebagai pemberong tunggal

di bawah program Insentif Benih Padi Sah untuk membuat pembekalan terus kepada pesawah. Mekanisme ini akan dapat menyelesaikan masalah manipulasi dan eksplorasi dalam pembekalan benih padi sah.

Yang Berhormat Pasir Salak membangkitkan isu kadar potongan yang dikenakan dalam pemutuan padi. Kerajaan telah memperkenalkan kaedah pemutuan sebenar melalui SOP yang telah dibangunkan oleh kementerian dengan kerjasama SIRIM. Ini telah pun diguna pakai sejak sekian lama. SOP ini adalah untuk memastikan padi yang dijual adalah bersih dan berkualiti serta dapat memastikan kerajaan tidak membayar subsidi harga padi berdasarkan pada padi kasar yang mengandungi segala komponen yang tidak diingini dan sekali gus mengelakkan ketirisan pembayaran subsidi kerajaan. Semua kilang padi termasuk BERNAS dan swasta perlu melaksanakan pemutuan padi berdasarkan pada SOP ini.

**Dato' Ir Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekali lagi saya bangun untuk hendak *follow-up* daripada *statement* yang dibuat tadi. Saya rasa melantik NAFAS sebagai pemberong utama membekalkan benih padi sah, mungkin boleh selesai daripada segi pengedaran tepat pada waktunya, dengan kuantitinya dan sebagainya. Akan tetapi isu kualiti itu saya rasa tidak ada jaminan bahawa selagi mana dibolot oleh beberapa syarikat monopoli untuk membekalkan kepada NAFAS. Saya ingat isu itu masih belum selesai.

Saya hendak dapat sedikit jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa isu benih ini yang peliknya Tuan Yang di-Pertua, ialah lepas kita sudah tanam, keluar, baru kita tahu dia sebenarnya tidak berkualiti. Jadi, apa jaminan bahawa setelah dilantik NAFAS sebagai pengedar tunggal ini, pemberong tunggal ini, mungkin dari segi edarannya itu mungkin *insya-Allah* tidak ada masalah tetapi jaminan kualiti bahawa benih padi itu adalah benih yang seperti mana yang dijanjikan kepada penanam-penanam padi. Terima kasih.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kubang Pasu. Yang Berhormat Menteri, cuma saya hendak bagi nampak jaminan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah sembilan syarikat sebelum ini akan dikekalkan untuk mengusahakan benih padi sah ini? Sekian.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Okey, isu penghantaran dan juga isu kualiti padi adalah merupakan dua faktor yang merangsang kementerian untuk melantik NAFAS sebagai pengedar tunggal bagi pengedaran benih padi sah ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sedia maklum bahawa masalah penghantaran dan kualiti ini merupakan satu masalah yang bukan berlaku tujuh bulan yang lalu tetapi bertahun-tahun lama. Sebab itu pelbagai tindakan telah diambil oleh kementerian untuk menangani dan juga

beberapa penambahbaikan diambil oleh kementerian untuk menangani masalah penghantaran benih dan juga masalah kualiti benih.

Sebab itu kementerian di bawah kepimpinan kerajaan sekarang ini mengambil pendekatan untuk melantik NAFAS sebagai pengedar tunggal kerana NAFAS adalah merupakan entiti yang menjaga *custodian of the* pesawah di negara ini. So, kalau sebelum ini pendekatan ini tidak diambil dan kita berhadapan dengan masalah sebab itu kita mengolah langkah baharu untuk melantik NAFAS sebagai pengedar tunggal bagi menangani dua masalah itu, kualiti padi dan juga penghantaran benih padi sah pada pesawah. Tentu sekali tiada *one-stop solution*.

Kita harapkan agar pelantikan ini akan dapat menangani masalah yang telah dihadapi oleh pesawah sekian lama. Sebelum sampai kepada keputusan ini, MAFI dan saya sendiri telah bertemu dengan pelbagai pihak berkepentingan, persatuan-persatuan pesawah untuk berbincang bersama mereka untuk mengolah satu langkah baharu bagi mengatasi masalah yang sudah sekian lama berlanjutan. Even masa Timbalan Menteri Bayan Baru duduk, Menteri Pulai duduk sebagai Menteri dan Timbalan Menteri, masalah ini berlaku dan berlanjutan kerana *they inherited the problem* daripada awal.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Sebab itu kementerian pada ketika ini mengolah satu langkah baharu melantik NAFAS dan kita harapkan agar NAFAS akan dapat menangani masalah kualiti dan juga penghantaran. Okey, soalan sama ada kita akan melantik semula sembilan syarikat yang dilantik, dipilih sebagai kilang pengeluar benih sah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah perjelaskan panjang lebar dalam soalan di dalam Dewan ini mengenai isu ini. Tempoh kontrak sembilan buah syarikat ini akan tamat pada bulan Disember ini dan proses untuk membuka tender semula sedang dibuat oleh MAFI dan kita tentu sekali kapasiti, kualiti, keupayaan syarikat dan sebagainya akan jadi faktor penimbang untuk memilih kilang-kilang pengeluar benih sah yang akan dilantik melalui proses tender yang akan dibuat pada awal tahun hadapan.

■1130

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit ya. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya rasa isu benih padi sah ini dia lebih sistemik daripada hanya menyelesaikan masalah penghantaran. Ia bermula daripada *research* (R&D) di peringkat MARDI dan juga *universities* sampai ke semua pengeluar benih padi sah sehingga ke penghantaran. Jadi, ia satu *value chain* yang sangat besar di mana memerlukan perhatian.

Semasa Yang Berhormat Pulai dan saya duduk dalam Kementerian Pertanian, kita telah adakan satu siri perbincangan dan kita ada satu *comprehensive reform plan* yang ingin kita laksanakan tetapi kerajaan pada masa itu telah bertukar dan tidak ada masa untuk dilaksanakan. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri tengok balik *some of the reform recommendations* yang telah dimeterai dan harap Yang Berhormat Menteri boleh *look into every aspects* dengan memberi monopoli kepada NAFAS.

Mungkin dia boleh menyelesaikan secara *short-term* tetapi kita tahu bahawa sebarang monopoli itu dia akan menjadikan satu *distorted market* dan *at the end of the day*, petani akan sangat terkesan kerana kalau tidak ada *competition*, tidak ada perlumbaan di antara *suppliers*, mungkin petani akan dimangsakan.

Seperti apa yang berlaku kepada...

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Yang Berhormat, *I don't have time...*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Seperti apa yang berlaku kepada BERNAS ya. Ada monopoli menyebabkan petani dimangsakan.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Kalau gantikan NAFAS Yang Berhormat, bukan sahaja akan menyelesaikan masalah penghantaran dan kualiti benih tetapi adalah juga untuk memastikan pesawah mendapat benih dengan harga yang ditetapkan. Kementerian pada ketika ini mengatakan harga siling bagi benih satu karung 20 kilogram tidak melebihi RM35. So, kalau sekarang ini pesawah di bawah sana mengeluh kerana ada ejen yang menghantar kepada mereka dengan harga benih RM60 hingga RM100 untuk satu karung, satu guni 20 kilogram.

So, kita akan meletakkan harga siling sebanyak RM35, tidak boleh melebihi RM35. So, saya katakan bahawa ini adalah merupakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk ketika ini untuk cuba menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pesawah setiap musim. So, masalah penghantaran, masalah benih dan juga masalah harga yang melonjak sehingga RM60, RM100 satu guni.

Jadi kita harapkan agar langkah-langkah ini akan dapat sedikit sebanyak menyelesaikan. Saya setuju bahawa walaupun dengan penambahbaikan ini, tiada *guarantee* dan tiada jaminan bahawa ia tidak akan dimanipulasi tetapi MAFI, NAFAS akan sentiasa memantau perkembangan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh kerajaan ini agar kepentingan pesawah itu dapat kita jamin.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit dari Sik. Mohon penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Ya, Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah atas pelan tindakan yang dibuat oleh MAFI untuk memperbaiki

masalah pengedaran benih padi sah ini. Yang berlaku pada terbaru musim ini, antara punca kelewatan ialah di pihak Jabatan Pertanian yang mereka gagal untuk menyediakan makmal yang secukupnya untuk pengesahan benih padi ini. Adakah pihak kementerian melihat untuk memberi ruang kepada pihak swasta yang diberi lesen untuk menguruskan makmal pengesahan benih padi sah ini.

Kedua juga jangan lupa untuk kita melihat penglibatan PPK itu sendiri dalam proses pengedaran nanti selepas diberi mandat kepada NAFAS itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Tentu sekali NAFAS akan libatkan PPK. Kita tahu banyak PPK yang berkemampuan untuk menjadi ejen baharu di bawah NAFAS nanti. Kita melantik NAFAS ini kerana kita tahu bahawa NAFAS merupakan entiti yang menjaga kepentingan para pesawah di negara kita. Soal makmal yang secukupnya diperlukan untuk membuat pengesahan benih ini, tentu sekali ketika ini Jabatan Pertanian adalah merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan bagi menjaga kualiti benih yang dikeluarkan daripada kilang. Kita akan pertingkatkan peranan dan juga tanggungjawab Jabatan Pertanian, ini untuk memastikan bahawa kualiti benih yang keluar dari kilang-kilang ini merupakan benih yang berkualiti tinggi untuk sesuai ditanam untuk pesawah-pesawah di negara kita.

Ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tidak mengizinkan, saya akan jawab keseluruhan jawapan pertanyaan-pertanyaan ini secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk menjawab.

**11.35 pg.**

**Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.*

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk menjawab perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 pada hari ini. Bagi pihak Kementerian Luar Negeri, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Beaufort dan Yang Berhormat Pontian kerana perhatian dan keprihatinan dalam mengangkat isu-isu yang ada kaitan dengan Kementerian Luar Negeri sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik kerana telah mengikuti perkembangan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan sidang-sidang kemuncak yang berkaitan serta telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan pengukuhan komuniti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penganjuran kali kedua Sidang Kemuncak ASEAN secara maya telah berlangsung dengan jayanya. Pelbagai perbincangan dan kesepakatan yang menyentuh kepentingan serantau serta antarabangsa telah dicapai menerusi 17 siri mesyuarat bersama rakan-rakan dialog ASEAN iaitu Amerika Syarikat, Australia, China, Jepun, Korea Selatan, India, New Zealand termasuk mesyuarat dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Selain daripada itu, sebanyak 81 dokumen hasil yang merangkumi isu-isu daripada tiga teras utama iaitu politik dan keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya ASEAN serta kerjasama ASEAN dengan negara-negara rakan dialognya telah pun dipersetujui.

Antara pencapaian bermakna bagi kita ialah kesepakatan negara-negara anggota ASEAN meluluskan Kerangka Kerja Pemulihan Komprehensif ASEAN atau dengan izin, *The ASEAN Comprehensive Recovery Framework*. Kerangka ini merupakan cadangan yang dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ketika Sidang Kemuncak ASEAN *Plus Three* mengenai COVID-19 yang telah diadakan pada bulan April lalu.

Persetujuan sebulat suara ini bukan sahaja meraih penghormatan negara-negara anggota ASEAN terhadap Malaysia. Malah menyerlahkan keupayaan dan kepimpinan Malaysia dalam usaha memperkasakan ASEAN dalam menangani cabaran serantau serta cabaran global terutama pandemik COVID-19. Selain itu, Malaysia berperanan sebagai negara penyelaras hubungan dialog ASEAN-Australia dengan mencapai konsensus bagi membolehkan pemimpin tertinggi ASEAN dan Australia bersidang setahun sekali berbanding dua tahun sekali sebelum ini. Pencapaian ini sekali gus membuka peluang kepada kedua-dua pihak memperkuatkan kerjasama dalam pelbagai bidang bagi manfaat bersama.

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, pencapaian signifikan ASEAN secara keseluruhan dalam sidang kemuncak kali ini adalah menyaksikan kesepakatan yang dapat dicapai antara semua negara anggota ASEAN dengan lima negara rakan dialog ASEAN iaitu Australia, China, Jepun, Korea Selatan dan New Zealand untuk menandatangani Perjanjian Perdagangan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Ia merupakan pencapaian terbesar kerana selepas lebih lapan tahun rundingan dilaksanakan akhirnya ia mendapat kesepakatan. Dengan termeterainya RCEP ini, ia dijangka akan berupaya meningkatkan integrasi ekonomi serantau seterusnya memacu pertumbuhan sektor perdagangan ASEAN demi manfaat lebih sejumlah 600 juta rakyatnya terutama di era pasca pandemik ini.

■1140

ASEAN juga telah bersetuju untuk menubuhkan Dana COVID-19 ASEAN Response Fund dan Rizab Bekalan Perubatan Serantau ASEAN bagi kecemasan kesihatan awam. Dalam pada itu, Malaysia turut memanfaatkan sidang kemuncak kali ini untuk mengetengahkan beberapa pendirian Malaysia. Antaranya, menyuarakan kepentingan untuk semua negara anggota ASEAN, berganding bahu dengan pertubuhan antarabangsa seperti WHO dan negara-negara lain bagi memastikan vaksin COVID-19 mudah diperoleh serta dapat dikongsi kepada semua sebaik sahaja berjaya dibangunkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut menyuarakan keperluan untuk menggunakan platform digital, kesambungan logistik dan tatacara pengendalian piawai yang selaras di antara negara-negara anggota ASEAN sebagai norma baharu untuk memastikan kegiatan ekonomi tidak terjejas dalam konteks keadaan semasa.

Mengenai Laut China Selatan, Malaysia menuntut semua pihak agar berpegang kepada pendirian bahawa sebarang isu di perairan ini mesti diselesaikan secara aman berpandukan dengan izin, *the universally recognized principles of international law* termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 (UNCLOS). Ia penting demi menjamin kedaulatan serta keamanan di perairan berkenaan.

Mengenai isu Rohingya, Malaysia berpendapat bahawa masalah wilayah Rakhine dan implikasinya ke atas pelarian etnik Rohingya harus ditangani dengan kadar segera. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengulangi keperluan ASEAN untuk mencari penyelesaian komprehensif kepada krisis kemanusiaan di wilayah Rakhine, Myanmar dan sekali gus isu pelarian Rohingya yang memberi kesan kepada keselamatan dan kestabilan negara-negara serantau termasuk Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan bahawa Malaysia tidak boleh lagi menampung lebih ramai lagi pelarian Rohingya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri, mohon sikit penjelasan.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Sila.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sik belakang ini.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Sila, sila.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Ya. Berkaitan dengan konflik di Myanmar yang melibatkan etnik Rohingya yang bergerak menjadi pelarian di seluruh dunia, adakah pihak Wisma Putra melihat keputusan pilihan raya baru-baru ini di Myanmar yang dilihat kemenangan semula kepada Aung San Suu Kyi memberi kesan yang nampak negatif untuk kita menyelesaikan masalah konflik di sana? Kedua, daripada segi peranan kita dengan UNHCR untuk mereka sepatutnya menjadi badan yang lebih efisien dan lebih adil untuk membantu Malaysia menyelesaikan masalah pelarian yang berada di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pilihan raya di Myanmar, ikhlas saya hendak nyatakan bahawa rundingan dengan Myanmar sebelum ini, mereka telah memberikan alasan bahawa terpaksa berhadapan dengan pilihan raya dahulu. Jadi sekarang ini dengan keputusan pilihan raya yang baru lalu, kita mesti hidupkan semula *engagement* kita untuk memastikan bahawa mereka tak boleh lagi menggunakan alasan bahawa ia menjadi perkara yang tergendala selama ini. Ini, Wisma Putra akan terus mendekati Myanmar dan perkara ini pun saya telah pun membangkitkannya dengan Menteri Luar Myanmar baru-baru ini dalam *video conferencing* yang saya lakukan bersamanya.

Mengenai UNHCR pula, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk pelarian, UNHCR termasuk agensi-agensi PBB yang berkaitan untuk memberi kerjasama dan mempercepatkan proses penghantaran balik pelarian Rohingya dan penempatan semula pemegang kad UNHCR ke negara ketiga merupakan keutamaan yang kita letakkan paling tertinggi di Wisma Putra.

Tambahan daripada itu juga, Malaysia akan terus memberi tekanan menerusi platform ASEAN supaya Kerajaan Myanmar untuk melaksanakan cadangan-cadangan bersama-sama dengan UNHCR kerana sebelum ini kita telah menerima pelarian-pelarian Rohingya atas jaminan UNHCR bahawa mereka akan ditempatkan ke negara-negara ketiga seperti Yang Berhormat sedia maklum. Perkara ini mesti kita teruskan dan kita akan gunakan pelbagai platform secara bilateral dengan Bangladesh dan Myanmar, secara serantau dengan pihak ASEAN, multilateral dengan pihak UN dan juga dengan negara-negara yang sependapat dengan kita seperti Indonesia untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah Rohingya ini. *Insya-Allah.*

Kita juga dalam konteks Palestin, Malaysia turut menegaskan pendirian berkenaan isu Palestin di Sidang Kemuncak ASEAN baru-baru ini. Walaupun isu Palestin bukanlah isu serantau, adalah penting bagi Malaysia menggunakan semua platform antarabangsa dan serantau untuk menyuarakan secara konsisten pendirian Malaysia berkenaan penyelesaian konflik Palestin dan Israel. Malaysia akan terus

bertegas untuk tetap bersatu dengan rakyat Palestin bagi menentang sebarang pencerobohan rejim Israel di bumi Palestin. Di kesempatan ini saya ingin menzahirkan penghargaan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** ...Di atas sokongan *bipartisan* Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan dan pembangkang semasa kempen '*Unite for Palestine*' yang diadakan di Parlimen oleh Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Kedutaan Besar Palestin di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Sembrong. Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Dalam pertemuan ambasador Amerika ke Malaysia baru-baru ini bertemu dengan Yang Berhormat Bagan Datuk dan saya ada bersama. Kami menyatakan bantahan Jerusalem dijadikan sebagai ibu kota Israel. Apa pandangan rasmi kementerian tentang perkara ini? Apabila Joe Biden hendak menjadi Presiden Amerika Syarikat yang baharu, apa pandangan Kementerian Luar Negeri? Adakah Timur Tengah akan menjadi lebih aman dan bagaimana keadaan Palestin-Israel dan juga pandangan Wisma Putra tentang perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Bagan Datuk telah pun memaklumkan kepada saya sendiri hasil perbincangan Yang Berhormat dengan duta daripada Amerika Syarikat. Perkembangan di Amerika Syarikat dengan pemerintahan yang baru masih lagi kita pantau dan sekarang ini kita kena berikan masa sedikit untuk mereka menstabilkan keadaan politik di sana. Selepas itu, melalui Kedutaan Amerika Syarikat, usaha-usaha untuk merintis hubungan kita dengan Amerika Syarikat akan kita teruskan secara berperingkat-peringkat.

Daripada segi pendirian Malaysia dalam Palestin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menegaskan bahawa penyelesaian konflik tersebut adalah hanya menerusi dengan izin, *the two-state solution* dan menggesa komuniti antarabangsa dan pertubuhan antarabangsa berkaitan untuk membincangkan langkah-langkah konkret untuk dilaksanakan bagi meringankan penderitaan rakyat Palestin yang tertindas.

Malaysia akan terus bertegas dalam hal ini untuk tetap bersatu dengan rakyat Palestin bagi menentang sebarang pencerobohan rejim Israel ini. Dengan apa yang dilaksanakan dan pendirian yang kita telah lakukan seperti yang saya sebutkan, sokongan *bipartisan* daripada wakil-wakil rakyat dalam '*Unite for Palestine*' baru-baru ini, itu semua boleh memberikan kita kekuatan dan keyakinan untuk berdepan dengan rejim berkenaan berhubung kait dengan status Palestin pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan sidang-sidang kemuncak yang berkaitan ini dilihat sebagai satu kejayaan bagi Malaysia dan ASEAN. Ini kerana ia berjaya meningkatkan kerjasama yang lebih pragmatik dan solidariti yang lebih tinggi, bukan sahaja di kalangan negara-negara anggota ASEAN tetapi dengan rakan-rakan ASEAN yang lain. Jelas, ASEAN merupakan satu platform antarabangsa yang strategik untuk mengetengahkan isu-isu semasa.

Terbukti pada sidang kemuncak kali ini apabila terdapat penglibatan daripada PBB dan WHO untuk bersama-sama dengan ASEAN dan rakan-rakan dialog ASEAN yang lain untuk menghadapi situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini.

#### ■1150

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat memahami akan kegusaran dan kekecewaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai terhadap kenyataan Presiden Perancis yang jelas berbaur *Islamophobia*. Sebagai sebuah negara Islam yang demokratik dan mengamalkan kesederhanaan, Kerajaan Malaysia sememangnya akan terus mempertahankan kesucian agama Islam dan junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW. [Tepuk]

Komitmen ini adalah merupakan satu tuntutan yang diwajibkan ke atas kita sebagai orang Islam sama ada sebagai pemimpin ataupun sebagai rakyat. *Sudah terang lagi bersuluh*, pendirian Malaysia sangat jelas dan tidak berbelah bahagi dalam isu ini. Kita mengutuk sekeras-kerasnya sebarang tindakan retorik dan provokatif yang mencemarkan nama baik agama Islam dan sebarang bentuk penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW. [Tepuk]

Malah sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan Sidang Kemuncak ASEAN – Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Ke-11, hanya Malaysia sahaja telah menyuarakan pandangan dan mengecam tindakan pengganas yang menggunakan agama dan juga hasutan serta kebencian dan perpecahan yang akhirnya menyuburkan sentimen *Islamophobia* dalam kalangan komuniti antarabangsa. Malaysia telah menekankan bahawa walaupun kebebasan suara merupakan satu hak, ia juga memerlukan sifat kebertanggungjawaban.

Saya sendiri telah mengeluarkan kenyataan pada 27 Oktober. Kementerian Luar Negeri juga telah memanggil atau dengan izin, *summon* kuasa usaha sementara Kedutaan Besar Perancis ke Wisma Putra pada 28 Oktober. Ini disusuli dengan kenyataan-kenyataan media oleh Kementerian Luar Negeri pada 28 dan 30 Oktober dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri juga telah menjelaskan dengan terperinci sewaktu sesi Kamar Khas pada 3 November 2020.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena selaku pembawa usul serta amat menghargai kehadiran Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Pulai dan Yang Berhormat Lembah Pantai yang turut bersama-sama membahaskan isu ini dalam sesi Kamar Khas. Kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat menterjemahkan pendirian kukuh dan sokongan bersama semua pihak, dengan izin, *bipartisan support* ke atas pendirian negara. Adalah nyata bahawa pendirian Malaysia sangat jelas dan tidak berbelah bahagi. Kita mengutuk sekeras-kerasnya sebarang retorik dan provokatif yang mencemarkan agama dan Nabi kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beaufort iaitu mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah. Yang Berhormat Beaufort juga telah mengemukakan pertanyaan jawab lisan berkaitan perkara ini dan ia telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri pada 12 November yang lalu. Isu ini juga pernah dijawab pada 27 Ogos dan 7 September di Kamar Khas dan di Dewan Negara. Ketika itu semua Ahli Dewan, terutamanya di Kamar Khas, dari pihak kerajaan dan pembangkang telah bersetuju dan menyokong tindakan dan pendirian Kementerian Luar Negeri supaya tidak melayan mana-mana tuntutan ke atas Sabah.

Selain itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah memberi jaminan kepada rakyat Sabah sendiri pada 29 Ogos bahawa Malaysia tidak akan berkompromi terhadap apa sahaja isu yang melibatkan kedaulatan negeri Sabah dan akan mempertahankan Sabah sampai bila-bila. *[Tepuk]* Malaysia tidak pernah mengakui dan tidak sekali-kali akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak Filipina atau Kesultanan Sulu ke atas sebahagian atau keseluruhannya negeri Sabah. Status negeri Sabah dalam Persekutuan Malaysia adalah sah dan diterima oleh masyarakat antarabangsa.

Di sini adalah jelas dan terbukti bahawa isu tuntutan ke atas Sabah adalah tidak berasas dan tidak relevan memandangkan Sabah merupakan sebahagian dari Malaysia sejak tahun 1963. Kerajaan Malaysia akan terus kekal konsisten dengan pendirian tegas untuk tidak melayan mana-mana tuntutan ke atas negeri Sabah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Mohon mencelah, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Kita ada lima saat lagi.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, saya panjangkan sedikit.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol, Jempol.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih memberi ruang kerana masa yang tidak ada. Cuma, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kerjasama dua hala antara Malaysia dan China, kita telah berjaya. Kementerian Luar Negeri telah berjaya memperkuuhkan langganan minyak sawit sebanyak 1.7 juta tan sehingga tahun 2023 kepada China. Jadi pertemuan empat mata dengan China telah pun berjaya.

Adakah pihak kementerian— kerana ia memberi impak kepada penanam kelapa sawit terutama dalam FELDA, FELCRA dan lain-lain. Apakah peranan Kementerian Luar Negeri bagi memperkuuhkan langganan seperti India dan negara-negara Eropah? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Saya akan jawab perkara yang dibangkitkan dan mungkin tidak sempat menjawab Yang Berhormat Pontian. Kalau Yang Berhormat Pontian tidak berpuas hati, kena salahkan Yang Berhormat Jempol lah.

Hubungan kita dengan negara China memang cukup erat...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Bolehkah saya, Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** ...Dan apabila lawatan Menteri Luar Negeri, Wang Yi ke Malaysia, dua perkara yang telah pun kita persetujui. Pertama ialah untuk membuka pasaran yang lebih besar untuk pasaran kelapa sawit, sektor kelapa sawit kita di China dan pengumuman yang telah pun kita buat membantu melonjakkan nilai dan harga sawit di pasaran dunia. Kedua ialah persetujuan China untuk memberi keutamaan kepada vaksin yang sekarang diterokai oleh China.

Dua perkara ini akan kita menteraikan dalam masa terdekat apabila saya membalas lawatan menteri luarnya ke Beijing kerana kita juga telah bersetuju bahawa satu jawatankuasa tertinggi diwujudkan pasca COVID-19 di antara Malaysia dengan China yang dipengerusikan oleh Menteri Luar Negeri China, Wang Yi dengan diri saya sendiri. Di bawah jawatankuasa tertinggi bilateral ini, kita akan membincangkan semua aspek hubungan Malaysia dan China sama ada ekonominya, isu keselamatannya. Saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Wisma Putra sentiasa melibatkan kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan perkara-perkara yang saya sebutkan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** ...Dalam perbincangan kita di Beijing pada tarikh yang ditetapkan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Berkenaan...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri, boleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Beaufort.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi satu minit extra?

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Beaufort.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri hendak habiskan penggulungan beliau.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, terima kasih. Berkenaan dengan perhubungan dengan China...

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** ...Menjawab Yang Berhormat Pontian...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Beaufort. Berkenaan dengan tuntutan.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** ...Dan saya akan bagi secara bertulis.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Kimanis pun ada cakap.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Ada satu perkara yang saya hendak rekodkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kementerian Luar Negeri adalah merupakan sebuah kementerian yang unik, Tuan Yang di-Pertua, sebagai pendukung dan pelaksana terhadap dasar luar negeri, strategi dan program yang dirancang dan merupakan kesinambungan kepada dasar-dasar domestik yang digubal oleh kementerian-kementerian yang sedia ada.

Justeru, peruntukan kewangan yang diperoleh bukan sahaja untuk manfaat kementerian ini semata-mata, malah ia turut memberi manfaat terhadap usaha mengukuhkan keberkesanan dasar-dasar domestik negara yang diusahakan oleh kementerian yang lain di persada antarabangsa.

Apa yang lebih membanggakan saya sebagai Menteri Luar Negeri, di sebalik kekangan peruntukan saban tahun, seluruh warga Kementerian Luar Negeri tetap melaksanakan setiap amanah yang diberikan. Semangat cintakan negara tetap diterjemahkan dalam apa juu keadaan demi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

**■1200**

Semasa kemuncak pandemik COVID-19, Kementerian Luar Negeri telah berjaya membawa pulang seramai 26,870 orang rakyat Malaysia ke tanah air hasil usaha dan kerja keras sekitar 300 orang *frontliners* di Wisma Putra serta perwakilan-perwakilan Malaysia di seluruh dunia yang beroperasi tanpa mengenal waktu.

Segala aduan dan permasalahan rakyat turut didengari dan diusahakan sebaiknya untuk diselesaikan melalui talian 24 jam *task force* COVID-19. Walaupun segalanya terhad, ia tidak pernah membataskan semangat dan usaha kami di kementerian ini untuk memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat dan negara. Justeru, sebelum mengakhiri penggulungan ini...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri, sikit boleh?

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** ...Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan tulus ikhlas saya kepada seluruh warga Kementerian Luar Negeri yang terus komited mencurahkan khidmat dan bakti mereka.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri satuh?

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Sikit boleh Yang Berhormat Menteri? Sabah, Sabah...

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Sabar, sabar dulu.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Sabah ini— *claim* ke atas Sabah?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kementerian Luar Negeri ini penting Menteri.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Mohon satu sahaja.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Biar saya— ini pun penting. Hendak beri pengiktirafan kepada mereka yang telah pun buat kerja...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Betul, bagus.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** ...untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia termasuk daripada mereka yang menyokong parti Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, ya, kita sokong.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Jadi hal ini, biarlah saya habiskan dulu pengiktirafan ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Baik, baik.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Nanti bagi sikit untuk Sabah Yang Berhormat Menteri, sikit?

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Apa yang nyata, segala jasa dan pengorbanan mereka amat besar ertiannya kepada rakyat dan negara. Kepada Dewan yang mulia ini sebagai Menteri Luar Negeri, saya memberikan jaminan bahawa kementerian ini sentiasa berdiri teguh bersama-sama petugas-petugas barisan hadapan yang lain di dalam menempuh cabaran pandemik COVID-19. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Kenapa tidak bagi Beaufort dulu?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Di atas penggulungan.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Yang Berhormat Jelutong sudah jawab tadi sudah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya lihat bahawa Yang Berhormat Menteri begitu tekun menjalankan tugas dan saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih bagi pihak rakyat Malaysia di atas semua langkah-langkah yang diambil untuk membawa balik rakyat kita di luar negara semasa pandemik COVID-19.

Memandangkan Kementerian Luar Negeri menjalinkan hubungan begitu baik dengan China, saya cuma hendak tanya apakah langkah-langkah yang diambil dalam perhubungan ini untuk mengesan Jho Low? Yang Berhormat Pekan pun ada sini, mungkin beliau boleh membantu.

Apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi kita mengesan Jho Low sama ada memujuk beliau untuk balik ke negara ini untuk membantu kita merungkai isu-isu berkenaan dengan kes 1MDB dan sebagainya? Apakah langkah-langkah yang diambil? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sila Menteri.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, saya minta pertanyaan tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Beaufort.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Ini masalah yang besar...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Last kepada Kimanis ya, boleh Kimanis terakhir.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Itu cerita lain. Ini adalah berkenaan dengan negeri di dalam Malaysia. Walaupun kerajaan tegas mengatakan bahawa tidak ada asas tetapi ia akan timbul dari semasa ke semasa mendakwa mereka mempunyai hak ke atas negeri Sabah.

Apakah tindakan yang boleh diambil oleh negara kita, kerajaan kita untuk memastikan tidak timbul lagi, *claim* ke atas negeri Sabah ini oleh mana-mana negara termasuk Filipina? Ini penting fasal kalau cakap COVID-19 tadi nanti mereka datang lagi ramai-ramai ke Sabah bawa lagi penyakit ini menyusahkan kami semua di Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Beaufort.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Berkaitan, berkaitan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, tentang isu tuntutan Filipina terhadap Sabah. Sebelum ini kita tahu ada usaha-usaha di antara Kerajaan Malaysia dan juga Filipina untuk meyakinkan Kerajaan Filipina untuk membuka pejabat konsulat di Kota Kinabalu. Apakah usaha-usaha ini akan diteruskan? Ini kerana kita tahu apabila ini dapat diwujudkan maka akan lebih mudah perhubungan baik antara Malaysia dan juga Filipina. Terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Menteri, ini berkaitan dengan negara China. Untuk makluman Menteri, pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di negara China. Oleh kerana pandemik COVID-19 mereka tidak dibenarkan pulang ke China untuk belajar. Sedangkan di negara China hari ini universitinya semua sudah buka seperti biasa dan pelajar asing seperti daripada *Singapore* dan Korea dibenarkan pulang ke negara China untuk belajar. Akan tetapi, pelajar dari Malaysia tidak dibenarkan untuk balik ke negara China untuk sambung pelajaran mereka.

Jadi, saya dimaklumkan ini adalah berkaitan dengan G2G di mana hubungan antara negara China dengan Malaysia mereka perlu selesaikan di peringkat kementerian untuk membenarkan pelajar dari Malaysia untuk kembali ke negara China untuk belajar.

Begitu juga pelajar negeri China hari ini juga tidak dibenarkan pulang ke Malaysia untuk belajar sebab Malaysia ini universiti kita belum buka lagi. Barangkali kita ambil inisiatif untuk selesaikan masalah ini untuk memastikan bukan sahaja pelajar Malaysia boleh kembali ke negara asing seperti China ataupun negara-negara lain untuk teruskan pelajaran mereka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Menteri Luar. Saya beri tempoh masa mungkin seminit untuk rumuskan dan sekiranya tidak cukup masa boleh buat jawapan bertulis. Sila Menteri Luar Negeri.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Seminit. Mengenai pelajar-pelajar China ke Malaysia dan pelajar Malaysia ke negara China, Wisma Putra perlu bincangkan dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), apa kedudukan dan pendirian mereka dan bersandarkan kepada pendirian kementerian, kita akan terus berhubung, membincangkan dengan negara China berhubung kait dengan pelajar-pelajar kedua-dua buah negara.

Dari segi usaha untuk menidakkannya Filipina terus menuntut perkara ini Yang Berhormat Beaufort, bukan mudah kerana perkara ini dibangkitkan di Filipina kerana pertimbangan politik dan mainan galeri kepada mereka. Jadi, apa yang penting ialah kita jangan melayani perkara-perkara yang dibangkitkan kerana itu hanya boleh memberi sentimen yang lebih kepada pertimbangan politik mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein:** Perkara yang dibangkitkan berhubung kait dengan Jho Low. Satu, tidak tahu sama ada benar dia berada di Negara China dan keduanya sekiranya pihak PDRM maklumkan kepada Wisma Putra kedudukan sebenar dan di mana beliau berada, tidak ada sebab Wisma Putra tidak boleh membantu mencari, membawa balik Jho Low untuk menghadapkannya kepada penghakiman. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawab, 20 minit. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 12.07 tgi.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan di dalam memberi keutamaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Belanjawan 2021.

Ini adalah catatan sejarah buat KKM yang mana belanjawan kali ini adalah yang tertinggi diberikan kepada KKM dalam situasi negara dilanda pandemik. Ternyata kerajaan sememangnya tidak akan berkompromi dalam usaha melindungi nyawa dan kesihatan rakyat Malaysia.

Dengan berkonsepkan *no one is left behind*, tidak ada individu yang tertinggal dalam menikmati perkhidmatan kesihatan walau di mana mereka berada. Hasrat KKM adalah untuk melahirkan rakyat yang sihat selaras dengan konsep negara maju rakyat sihat.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 32 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan

2021 yang menyentuh isu-isu yang di bawah bidang kuasa KKM dan berkaitan dengan pandemik COVID-19.

Belanjawan 2021, inisiatif kerajaan dalam membangkitkan semangat barisan hadapan. Projek-projek pembangunan KKM, kemudahan kesihatan masyarakat luar bandar, pedalaman dan Orang Asli, peralatan dan kemudahan di fasiliti KKM dan pendigitalan perkhidmatan.

Soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan sesi Belanjawan 2021 ini yang tidak sempat dijawab oleh saya nanti di dalam Dewan yang mulia ini akan dijawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan atau pertanyaan Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kuala Selangor dan lain-lain. Belanjawan 2021 telah menyediakan peruntukan kepada KKM sejumlah RM31.94 bilion dengan peningkatan sebanyak 4.38 peratus berbanding tahun 2020 iaitu RM30.6 bilion.

#### ■1210

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM27.22 bilion disediakan di bawah Belanja Mengurus dan sebanyak RM4.72 bilion di bawah Peruntukan Pembangunan.

Secara umumnya, terdapat pengurangan peruntukan mengurus KKM sebanyak 2.57 peratus pada tahun ini. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah kurang tepat. Ini berikutan, mulai tahun hadapan tahun 2021, sejumlah RM2.06 bilion peruntukan bagi Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dan Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) telah terlibat dalam pengelasan semula peruntukan dan dipindahkan ataupun dipanggil *re-class* daripada Peruntukan Mengurus kepada Peruntukan Pembangunan.

Selain itu, mulai tahun 2021, semua peruntukan bagi tujuan bekalan perubatan iaitu yang termasuk ubat, gas perubatan, *reagent*, vaksin, *consumable*, filem x-ray berjumlah RM4.29 bilion. Bagi keperluan farmasi hospital, klinik kesihatan termasuk klinik pergigian yang sebelum ini di bawah aktiviti dan mengikut bidang kepakaran masing-masing telah dipindahkan di bawah Bekalan Perubatan Fasiliti Kerajaan yang berjumlah RM2.49 bilion dan konsesi penswastaan makmal ubat sebanyak RM1.4 bilion. Ini bertujuan memudahkan pemantauan peruntukan dan perbelanjaan secara menyeluruh bagi semua fasiliti kesihatan KKM.

Dalam hal ini, Belanjawan 2021 turut merangkumi peningkatan inklusif untuk Sabah dan Sarawak yang mana kerajaan memperuntukkan...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Lebih daripada RM4 bilion setiap tahun untuk Sabah dan Sarawak.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Papar dan Yang Berhormat Kota Kinabalu, sehingga kini KKM telah memperuntukkan sejumlah RM290 juta bagi perolehan pelbagai bekalan dan perkhidmatan berkaitan COVID-19 untuk fasiliti kesihatan di negeri Sabah.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh minta penjelasan, Bandar Kuching? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan yang diberikan tadi berkenaan klasifikasi yang baharu yang telah digunakan.

Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ia lebih baik untuk memantau perbelanjaan tetapi adakah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa ini akan menyekat *daily operation* setiap *department*. Ini kerana setiap *department* atau disiplin mereka harus membuat satu perancangan tahunan berkaitan berapa pesakit mereka dapat lihat. Ini akan menambahkan *paperwork* dan menambahkan birokrasi kerana mereka kena memohon daripada program khusus ini.

Jadi soalan saya, siapakah yang akan menentukan *department* mana yang dapat peruntukan yang lebih dan *will this delay the whole process?* Oleh sebab ini akan *effect the clinical practice of every doctor*. Spesifikasi ini bagi saya menambahkan birokrasi *and would disrupt the whole clinical practice*. Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Soalan berkaitan.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Soalan daripada Kuala Selangor.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Gopeng.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Gopeng dahulu.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Gopeng dahulu.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Kota Kinabalu.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini khusus kepada berkenaan dengan Peruntukan Pengurusan dan Pembangunan. Walaupun memang ada sedikit tambahan daripada segi 4.38 peratus peruntukan keseluruhan, tetapi kalau kita lihat kepada perjawatan untuk tahun 2019, tahun 2020 dan tahun 2021 memang statik, tidak ada penambahan.

Walaupun kita sedang menghadapi satu pandemik COVID-19 tetapi tidak ada penambahan khususnya dalam kesihatan awam yang mana di peringkat akar umbi mereka telah tertekan daripada segi untuk membuat pengesanan kontak dan sebaginya. Jadi, tidakkah wajar kalau kementerian merancang untuk menambah jawatan untuk kesihatan awam supaya mereka boleh menangani masalah pengesanan kontak yang sekarang nampak sudah terlalu lewat daripada segi isolasi kontak dan sebaginya. Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bukan sesi perbahasan tetapi sesi jawapan, saya pasti semua telah dibangkitkan, tunggu Yang Berhormat Menteri habis menjawab semua. Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat Menteri hendak jawab terus ataupun hendak beri laluan penjelasan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri boleh jawapan sedikit sahaja.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Kota Kinabalu. Boleh beri?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Soalan saya sedikit sahaja. Saya tidak mengulang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gopeng dan juga sahabat saya Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekadar saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri meskipun 4.23 peratus itu peningkatan, sebenar-benarnya kalau Yang Berhormat Menteri ambil jumlah peratus peruntukan, ia adalah satu penurunan daripada tahun 2020 ini. Pada tahun 2020, kita mendapat 10.2 peratus daripada sejumlahnya peruntukan belanjawan. Akan tetapi kali ini, ia hanya 9.9 peratus dan kalau diambil peruntukan *contract workers* itu, ia hanya tinggal 9.4 peratus.

Yang Berhormat Menteri, jangan Yang Berhormat Menteri ulang-ulang bahawa ini adalah peningkatan daripada tahun yang lalu, tahun 2020 ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya ingat Yang Berhormat Menteri terus jawab kerana saya pasti ini telah pun dibangkitkan sebelum ini. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Kita ambil maklum semua apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya terus kepada pertanyaan Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Serian, Yang Berhormat Kuala Kedah dan Yang Berhormat Jelebu yang mana berkaitan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri kalau mereka tidak ada boleh buat secara bertulis.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Berkennaan dengan vaksin yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat menteri MOSTI.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Fakta, fakta sahaja. Saya hendak *you* betulkan fakta. Betul atau tidak betul apa yang dikeluarkan oleh *website* antara perbelanjaan dalam kementerian itu ialah di dalam *department-department* berkenaan nefrologi, farmasi dan *supply*, kardiologi dan radioterapi dan onkologi. Saya hendak bagi angka dan saya hendak minta Yang Berhormat Menteri sebut betul atau tidak yang telah dipamerkan untuk diminta di dalam Dewan ini boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Tidak mengapa, bagi Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya. Itu...

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Akan tetapi, saya kena beri angka dahulu. Saya tidak boleh katakan di menjawab.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Nanti Yang Berhormat Menteri Kewangan akan jawab Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Disebut sudah Yang Berhormat Menteri Kewangan akan jawab.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Berhubung dengan pertanyaan dengan Yang Berhormat Lembah Pantai, kalau ada disinilah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lembah Pantai tidak ada.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Papar, ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Papar pun tidak ada.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Okey. Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Kuala Kedah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Mas? Yang Berhormat Kuala Kedah? Tidak ada.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Kita beri secara bertulis. Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Kedah dan Yang Berhormat Kimanis, ada ya?

**Beberapa Ahli:** Ada

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** KKM sentiasa menghargai jasa dan khidmat petugas kesihatan yang dilantik secara kontrak. KKM bersedia untuk memperakukan pegawai yang berkhidmat secara kontrak yang memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan untuk dilantik secara tetap dan adalah tertakluk kepada kekosongan dan perwujudan jawatan tetap dari semasa ke semasa.

Bagi anak kelahiran Sabah dan Sarawak, KKM telah pun memberi keutamaan sebenarnya kepada mereka untuk dilantik dan mengisi jawatan-jawatan di negeri kelahiran masing-masing termasuk negeri yang lain sekiranya jumlah mereka yang berjaya dilantik melebihi daripada jumlah perjawatan di negeri Sabah dan Sarawak.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Lantikan kontrak. Mohon...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** KKM sentiasa berusaha...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Mohon mencelah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Menambah jumlah pakar perubatan KKM terutama dalam bidang kepakaran kritikal yang sangat diperlukan. Untuk itu, KKM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi telah menyediakan sekitar 1,200 slot pengajian bagi sejumlah 23 bidang kepakaran untuk pegawai perubatan mengikut Program Sarjana Perubatan. Maknanya mereka boleh memohon untuk menjadi pakar melalui sejumlah 23 bidang kepakaran.

Selain itu KKM juga menyediakan Program Pengajian Kepakaran Parallel Pathway yang meliputi sejumlah 14 bidang kepakaran buat masa ini. Untuk makluman, jumlah yang telah dibelanjakan bagi tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dari tahun 2017 hingga tahun 2020 adalah sebanyak RM218 juta.

**Dewan Rakyat. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Mohon mencelah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Daripada aspek saraan seperti – ini saya maklumkan fasal gaji ini, bagus ini, dengar. Daripada aspek saraan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Yang Berhormat Kuala Kedah, pakej yang ditawarkan pada pakar perubatan termasuk sub-kepakaran adalah bersifat menarik. Faedah yang diberikan bukan sahaja bersifat *monetary*, malah tawaran juga diberikan dalam bentuk bukan *monetary*.

Jumlah gaji dan elauan tetap yang diterima oleh Pakar Perubatan Gred UD53/UD54 dan UD55/UD56 adalah antara RM11,000 hingga RM21,000 sebulan. Manakala, Pakar Perubatan di gred kanan yang lebih tinggi pula boleh menerima antara RM16,000 hingga RM37,000 sebulan.

■1220

Ini belum termasuk elaun-elaun yang boleh dituntut kerana perkhidmatan seperti bayaran insentif penempatan pakar perubatan di Sarawak, Sabah dan Labuan, elaun *on call*, dengan izin, dan bayaran insentif khas iaitu pembedahan elektif.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan. Saya tengok Yang Berhormat Jelebu.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelebu, sila.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Menteri MOSTI dan juga Kementerian Kesihatan tentang persoalan yang saya timbulkan dalam soal vaksin. Akan tetapi saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Kementerian Kesihatan tentang golongan antivaksin yang saya kemukakan dalam perbahasan. Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, yang berkaitan dengan keperluan *frontliners* untuk mengatasi masalah COVID-19 dan pelbagai masalah kesihatan bagi masyarakat luar bandar, satu perkara ialah tentang Klinik 1Malaysia yang dirancang ditutup oleh Kerajaan Pakatan Harapan dahulu. Sekarang ini masih lagi tidak diubah keputusan. Contoh Klinik Kesihatan 1Malaysia Taman Bukit Kempas, Jelebu yang mana saya tidak nampak rasional untuk klinik ini ditutup. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang penutupan klinik ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Kalau boleh kita *reinstate* semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh minta penjelasan? Kontrak, kontrak.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar, berkait sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Saya pergi kepada Yang Berhormat Gopeng dahulu.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar, Papar sudah datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan lantikan kontrak serta latihan pakar. Terima kasih kerana keputusan kementerian untuk selaraskan pegawai perubatan kontrak daripada UG41 ke UG43 menurut keputusan Kabinet semasa Pakatan Harapan dahulu dan sekarang telah terlaksana.

Cuma masalahnya, walaupun ada kursus sarjana untuk menjadi pakar, tetapi untuk mereka layak memohon Hadiah Latihan Persekutuan, mereka mesti ada jawatan tetap. Jadi untuk pegawai perubatan lantikan kontrak, kalau syarat itu tidak dikaji semula, mereka tidak layak untuk dapat Hadiah Latihan Persekutuan dan tidak boleh mengikuti kursus di IPTA-IPTA berkenaan dengan kursus sarjana dan menjadi pakar. Jadi adakah cadangan daripada Menteri untuk kaji semula syarat tersebut? Sekian.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Tambah sedikit daripada Yang Berhormat Gopeng.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Okey, terima kasih Yang Berhormat, saya beri...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tambah sedikit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri hendak jawab. Hanya tinggal lima minit sahaja.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Isu sama, isu sama.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, betul. Berkaitan dengan Yang Berhormat Gopeng, terima kasih kerana sentiasa...

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Memberi kita sokongan dan juga pandangan bahawa keperluan *career pathway* kepada doktor, siswazah, doktor *Medical Officer* (MO) dan juga pakar, sentiasa diberi penekanan dan pengumuman yang kita menaikkan ataupun menyelaraskan gred gaji daripada MO kontrak ini daripada UD41 kepada UD43. Dia menyamai dengan doktor-doktor yang tetap.

Saya setuju bahawa sekaranglah masanya yang terbaik supaya kita merancang supaya doktor-doktor kontrak ini yang berada dalam Kementerian Kesihatan kita cuba cari jalan supaya mereka diberikan tetap. Akan tetapi ada kaedah-kaedah tertentu yang kita hendak laksanakan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Syabas Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Kita mohon supaya pihak Yang Berhormat Gopeng terus memberikan sokongan dan cadangan-cadangan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Syabas Yang Berhormat Menteri... pada awal lagi.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Untuk Yang Berhormat Jelebu...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, ada sedikit lagi.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Persoalan yang dijawab tentang perjawatan tadi.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar ada di sini sudah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Saya hendak jawab jawatan tadi. Pertanyaan Yang Berhormat Jelebu ialah...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Selain HLP, banyak lagi yang...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Kita ambil maklum bahawa golongan-golongan antivaksin telah pun...

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar ada di sini sudah ya. Kalau tidak minta laluan.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Antivaksin ya. Kita telah maklum bahawa mereka ada gerakan-gerakan untuk memastikan bahawa vaksin yang diberikan itu tidak mahu diberikan kepada masyarakat, kita tahu bahawa di *National Immunisation Programme* ataupun pelan kita dalam negara, kita memberi pelalian ataupun vaksinasi kepada semua kanak-kanak yang dilahirkan di negara kita seumur satu hari, hari pertama. Contoh vaksinasi BCG untuk Tuberculosis. Hari pertama lahir, kita sudah beri dia suntikan pelalian BCG dan hari kedua kita suntik dengan DTP Oral Polio pada bulan pertama, bulan ketiga dan bulan kelima, DTP Oral Polio. Kita ada telah meningkatkan kepada enam komponen dalam satu suntikan tersebut.

Jadi, vaksin-vaksin yang digunakan untuk pelalian sebenarnya kita harus lihat sebagai satu kebaikan. Golongan antivaksin ini kita akan nasihatkan mereka supaya terus memperjuangkan nasib anak-anak supaya pelalian diberikan dan boleh menghindar penyakit berjangkit.

Tentang Klinik Kesihatan 1Malaysia, *insya-Allah* Yang Berhormat Jelebu, kita akan melihat perkara itu case by case dan saya yakin Klinik 1Malaysia yang diadakan di daerah di kawasan Jelebu, kita akan ambil maklum untuk diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih memberi pencerahan.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Bagi projek pembangunan ya. Ini kena siapkan sedikit ini. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Kinabalu...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta pertua daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Kalabakan.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Sekejap Menteri Kesihatan, saya minta petua daripada Tuan Yang di-Pertua. Tadi Dewan telah meluluskan usul untuk melanjutkan masa sehingga kita selesai semua isu. Bermaksud kita boleh bagi lebih banyak masa kepada Kementerian Kesihatan untuk menjawab kerana ini adalah satu belanjawan untuk mengatasi COVID-19. Jadi saya rasa 20 minit untuk perbahasan ataupun untuk Menteri Kesihatan menggulung memang tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Sila lanjutkan masa Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya. Lanjutan tadi sehingga keputusan...

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tetapi tidak kepada yang 20 minit, tetapi 20 minit.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Mana boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri laluan kepada tambahan sekiranya perlu. Teruskan.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, Kota Belud.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Banyak lagi yang boleh kita selesaikan kalau – tidak ganggulah, tidak ganggu.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, gunakan kuasa Speaker untuk lanjutkan masa.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *These two years are COVID-19 economic.*

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Yes.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *If we don't talk about COVID-19, no point talking about economic, no point talking about* tidak usah hendak bincang soal hendak belanjawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Saya minta supaya teruskan dengan apa yang telah – perkara utama.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Jadi saya cadangkan supaya dilanjutkan.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri menjawab perkara yang paling utama dalam jawapannya.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Untuk peruntukan negeri Sabah, pembangunan ya. Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Libaran dan juga Yang Berhormat Kalabakan ada, bagi tahun 2020 Sabah telah menerima peruntukan sebanyak RM356 juta untuk kerja-kerja naik taraf kemudahan hospital, penyelenggaraan peralatan serta perolehan kenderaan, penyelenggaraan kuarters dan sebagainya. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang sedang berlaku dan akhir bulan Disember tahun ini, sebanyak enam projek di negeri Sabah telah siap dibina dan baki 19 projek lagi sedang dalam fasa pelaksanaan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Melibatkan kerja-kerja menaik taraf hospital, klinik-klinik kesihatan, pusat pakar pergigian, kuarters hospital dan sebagainya.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tanya.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Untuk merapatkan jurang perbezaan sistem kesihatan awam yang dinyatakan, KKM komited untuk menambah fasiliti perkhidmatan serta program kesihatan di Sabah. Sebagai contoh di Parlimen Kota Belud, KKM merancang membina sebuah blok klinikal baharu di Hospital Kota Belud. Di samping itu, menaik taraf blok wad lama dan Jabatan Farmasi di Hospital Sandakan dengan kos berjumlah RM12 juta dan dijangka siap pada penghujung tahun 2022.

Tambahan pula pelbagai langkah kesiapsiagaan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Bagi menghadapi semua perkara termasuk wabak COVID-19 yang telah dilaksanakan seperti menaik taraf makmal kesihatan awam di Kota Kinabalu dengan peruntukan RM1.46 juta, kerja menaik taraf dan pengubabsuaian makmal molekular di Jabatan Patologi Hospital Tawau Sabah dan makmal molekular modular berkonsep *mobile* di Hospital Lahad Datu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat Menteri., boleh bertanya?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, satu, di sini, di sini. Jelutong.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tuaran, Tuaran, Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Beri laluan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tuaran, Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi Sabah. Mana?

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tuaran, Sabah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Ini Tuaran.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat tidak tanya dalam perbahasan.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Akan tetapi saya mahu tanya yang tadi.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, itu yang masalah. Bila *you* kata tidak tanya, sebab kita diberi peluang untuk ucap dan kita telah hantar surat yang kita katakan kepada kementerian.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya. Kalau ada Yang Berhormat bolehlah buat bertulis.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tidak, tidak. Surat sudah hantar. Ini salah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Boleh bertulis, boleh jawab secara terperinci.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Saya ada berucap dalam hal itu.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dengan Yang Berhormat Menteri. Tidak payah Yang Berhormat Menteri. Saya tidak cakap dengan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Hendak beri laluan kepada Yang Berhormat Tuaran?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Tuaran, Tuaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta supaya Yang Berhormat Tuaran, silakan.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberian kuasa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ini adalah *floor* Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Saya tahu. Saya tidak cakap dengan *you*. Saya tengah cakap dengan Yang Berhormat Menteri. Tanya pendirian... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Beberapa Ahli:** *Mic, mic. Mic tak on.*

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Ini ialah waktu bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Betul.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** You hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bukan. Ini bukan waktu bahas. Ini adalah waktu jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang telah dibahaskan sebelum ini. *He has got all the answers.*

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Kalau Yang Berhormat Menteri sudah jawab...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Kalau tidak betul, kita perlu bahas, kita perlu bangkitkan.

■1230

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, Yang Berhormat Menteri jawab.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu tadi saya sokong cadangan daripada Yang Berhormat Segambut. Kita perlulah lanjutkan masa untuk Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjawab soalan kerana ini adalah musim pandemik.

Mengapa kalau SOP boleh bertukar dalam masa selama empat hari membatakan kuarantin daripada Sabah, kenapa tidak kita boleh beri masa untuk Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjawab hari ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri tambahan. Sekarang ini masa sudah habis pun saya beri tambahan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Menteri jawab.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada usul. Tadi pagi ada usul, usul katakan sampai habis perkara untuk hari ini. Pasal apa Tuan Yang di-Pertua hendak berhentikan mereka untuk bahas? Kita ada masa untuk habiskan hari ini. Itu yang usul pagi telah keluarkan.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat, saya hendak menggulung sahaja. Kalau ada— menggulung ya.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tuaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, saya ada bertanya soalan penting belum dijawab.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ada banyak lagi sebenarnya yang perlu dijawab tetapi kita boleh hantar bertulislah ya.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua sudah benarkan tadi.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Kalau macam ini tidak boleh siap. Semua soalan-soalan yang telah pun ditanya...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** ...Semasa perbahasan Ahli Yang Berhormat telah ada saya jawab. Jadi boleh hantar kepada Yang Berhormat untuk dapat...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua sudah benarkan tadi Tuaran. Biar saya tanya soalan tambahan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dari Pontian Berhormat Menteri, dari Pontian ada soalan penting tak dijawab.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Sudah dibenarkan tadi Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian boleh sedikit.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Okey. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih terhadap beberapa peruntukan yang telah diberikan kepada Sabah dalam pembangunan kesihatan.

Dalam perbahasan saya, telah saya menyatakan bahawa di antara cabaran yang paling penting sekarang adalah untuk mempertingkatkan keupayaan makmal-makmal untuk menguji COVID-19. Sekarang ini dia punya kapasiti baru sebanyak

2,500 sampel dalam sehari dan yang sedangkan diterima setiap hari di antara 3,000 hingga 7,000. Selebihnya dihantar dengan menggunakan pesawat ke Kuala Lumpur ataupun ke Semenanjung dan menggunakan pesawat TUDM.

Oleh sebab itu, kos itu tinggi. Jadi, untuk memastikan supaya kesemua sampel yang diambil di Sabah dapat diuji dalam makmal-makmal di Sabah, seharusnya keutamaan untuk peruntukan pembangunan kesihatan di Sabah adalah untuk menaik taraf makmal-makmal yang sedia ada. Jadi Yang Berhormat tadi telah menyatakan hanya sebanyak RM1.6 juta untuk menaik taraf makmal. Saya difahamkan untuk mendapatkan satu aset untuk ujian COVID-19 ini, aset itu sekurang-kurangnya dalam kos sebanyak RM10 juta sebagai contoh.

Jadi, pertanyaan saya ialah apakah langkah-langkah untuk memastikan supaya kesemua sampel COVID-19 yang diambil di Sabah itu dapat diuji di Sabah dan tidak perlu dihantar ke Semenanjung sebab kosnya terlalu tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, sila.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Tuaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Itu persoalan saya. Terima kasih.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, perkara yang saya maklum tadi yang sebanyak RM1.4 juta itu untuk Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu sahaja, ada lagi makmal molekular Jabatan Patologi Hospital Tawau, Sabah ada buat.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat Menteri, tetapi saya tahu di makmal dalam Kota Kinabalu...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Biarlah saya jawab.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** ...Ya, saya tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Itu sahaja makmal yang dapat menguji sampai sebanyak 2,000 sampel sehari.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya betul.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Kalau sebanyak RM1.6 juta, tidak dapat mempertingkatkan sebab di sana lupsannya. Kalau tidak memberi- membuat pembelian aset sampai satu aset untuk ujian ini, tidak dapat mempertingkatkan keupayaannya.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Boleh, boleh, kita ambil maklum. *This is unprecedented* sebenarnya, wabak COVID-19 tidak pernah berlaku sebelum ini jadi persediaan untuk makmal Sabah kita sedang naikkan termasuk di Tawau, Sandakan dan juga kita juga mahu membuat *mobile* makmal molekular modular *mobile*.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat sebelum ini, pada bulan Mac MCO yang dahulu, sedangkan sampel dari Lahad Datu diangkat dengan kereta ke Kota Kinabalu sebab tidak dapat kapal terbang. Tidak ada langkah-langkah yang diambil untuk menaik taraf makmal pada ketika itu.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Saya tahu. Yang Berhormat, sekarang sudah ada.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Jadi, dalam bajet ini kenapa tidak diberi peruntukan untuk tujuan itu?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ada Yang Berhormat, ada.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Itu persoalan saya.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Okey, kita ambil maklum ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tuaran, dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat Tuaran. Sila.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ada, ada. Kita telah ambil maklum perkara tersebut dan peningkatan ya, bilangan daripada sebanyak 200 di Makmal Kebangsaan Kota Kinabalu ya sudah ditingkatkan kepada 2,000 satu hari sekarang dan kita ada makmal daripada Hospital Queen Elizabeth dan juga Universiti Malaysia Sabah juga menolong membuat ya. Kita akan naikkan di setiap hospital daerah ya untuk kita adakan molekular. Okey cukup.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Umum tahu Yang Berhormat di UMS ada sebanyak 100, selepas itu di Queen Elizabeth Hospital 1 sebanyak 400 sampel.

Di Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu sebanyak 2,000. Itu sahaja kapasiti dia yang ada sekarang sedangkan sampel yang kita terima setiap hari di antara 3,000 hingga 7,000. Itu persoalan dia. Ini bukan baharu. Ini dari dahulu, dari bulan Mac lagi tak dapat dipertingkatkan, itu satu.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Sementara ini kita ada langkah sementara yang pantas.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Kedua Yang Berhormat, bukan sahaja dalam pemulihan dasar peningkatan makmal tetapi dari segi bagaimana mendapatkan kakitangan yang diperlukan. Pakar-pakar, Pakar Kaji Kuman Mikrobiologi dan sebagainya, Juru Teknologi Makmal dan sebagainya.

Ini yang diperlukan. Jadi, itu yang kita mahu dengar. Selain daripada itu Yang Berhormat, saya telah nyatakan dalam perbahasan saya bahawa sektor utama untuk memacu ekonomi Sabah adalah pelancongan. Kita mahu supaya pelancong yang datang ini dapat diuji, di semua *entry point* Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Tawau, Sandakan dan sebagainya.

Cadangan kita, kalau kita mahu *revive* ekonomi, buatlah makmal-makmal *entry point* ini. Ini yang kita mahu dengar.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Saya ingat ini sudah dibahaskan. Nanti akan ada jawapan okey. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat, saya rasa semua soalan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa saya bangun banyak kali sudah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** ...Yang dibangkitkan akan saya edar kepada makluman...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ada perkara penting Yang Berhormat Menteri. Bagi kasihan kepada Pontian.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** ... Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah pun membahas.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, sudah jawab tadi ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Jadi, untuk itu saya...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jelutong tak payah tak apa, Pontian bagilah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Untuk itu saya pastikan bahawa semua jawapan-jawapan yang telah pun dibahaskan dalam...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** ...Pembentangan sebelum ini akan dijawab secara bertulis.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, ini... [*Tidak jelas*]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, saya membela Kementerian Kesihatan ini Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** ...Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Mudah-mudahan kita dapat bersama-sama...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Barisan hadapan Kementerian Kesihatan dapat tetapi kenapa polis,tentera, bomba, RELA, APM, imigresen, PBT tidak dapat Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih kepada mereka semualah. Semua agensi yang terlibat dalam membantu Kementerian Kesihatan dalam menangani COVID-19.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kenapa Kementerian Kesihatan dia dapat *frontliners* RM500 tetapi kenapa *frontliners* yang lain tidak dapat Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Akan diambil maklum oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, satu sahaja saya ingin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, *standing orders*.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan Peraturan.

*[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ini adalah sesi untuk Yang Berhormat Menteri menjawab dan beliau telah menggulung jawapan-jawapan tersebut.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum *you* panggil lain orang untuk berucap, saya minta Tuan Yang di-Pertua bagi masa untuk Ahli-ahli Parlimen untuk tanya soalan. Ini Dewan Parlimen di mana kita kena minta soalan. Kita bukan *rubber stamp* di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, ya.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** *You* hendak kita duduk di sini tak tanya soalan buat apa?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Ini Dewan untuk kita tanya soalan. Bagi kita masa... *[Tidak jelas]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ini adalah sesi Yang Berhormat Menteri menjawab, Yang Berhormat Menteri telah menjawab dan Yang Berhormat Menteri telah habis menjawab.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Memang Yang Berhormat Pontian hendak jadi... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak mahu perbahasan yang membuang masa. Saya seterusnya menjemput Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memberi jawapan-jawapan kepada perbahasan, 20 minit.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Don't' close the mike* Tuan Yang di-Pertua, *please don't close the mike*.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya minta petua. Yes.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Please hear us, please.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Jelutong. Baik Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Atas peraturan Dewan. Terima kasih, saya telah— Tuan Yang di-Pertua telah lihat saya telah sabar mendengar penggulungan Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa dalam sesi perbahasan kali ini, saya menjadi mangsa diusir keluar daripada Dewan kerana pertahankan Tan Sri DG yang dituduh tidak pergi ke Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tekun mendengar. Kenapa tidak Yang Berhormat Menteri menjawab perkara itu di Dewan ini? Kenapa tidak menjawab tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bintulu yang menghentam Tan Sri Ketua Pengarah?

So, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, kenapakah perkara itu tidak diperjelaskan? Tan Sri DG telah mengatakan beliau telah turun ke Sabah. Saya tekun mendengar semua soalan dijawab. Kenapa tidak menjawab tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bintulu? Takut kepada Yang Berhormat Bintulu kah? Yang Berhormat Menteri takut kepada Yang Berhormat Bintulu kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kenapa beliau tidak pertahankan Kementerian Kesihatan? Kakitangan Kementerian Kesihatan?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Jelutong duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, petua dahulu. Tuan Yang di-Pertua, petua Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan isu sebelum Tuan Yang di-Pertua panggil Yang Berhormat Menteri seterusnya untuk membaca jawapan sesi soal jawab ataupun sesi menggulung. Saya minta maaf.

Sesi menggulung oleh Yang Berhormat Menteri bukan *one-way traffic*, sepatutnya dibenarkan perbahasan. Yang Berhormat Menteri datang Dewan Rakyat bukan untuk baca jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Kalau baca jawapan, siapa pun boleh baca, tak payah hantar Yang Berhormat Menteri datang. *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Segambut, dia perlu beri penjelasan di atas apa yang dibangkitkan. Itu sebab itu adalah *floor* daripada Yang Berhormat Menteri untuk mohon penjelasan. Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada hendak bagi jawapan *response* kepada Yang Berhormat Jelutong? Sila Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Tidak ada, baik saya akan jemput Yang Berhormat Menteri KPDNHEP. Sila Yang Berhormat Menteri.

### 12.39 tgh.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa perbahasan Belanjawan 2021 yang lalu.

### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 merupakan tahun yang sukar dan mencabar berikutan penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ujian yang getir ini bukan sahaja mengubah corak kehidupan kita semua, bahkan realiti yang terpaksa kita hadapi ialah impak COVID-19 turut merencatkan perkembangan ekonomi dengan kadar yang begitu drastik turut menimbulkan gangguan dari sudut kesihatan, keselamatan dan sosial.

Ekosistem perniagaan juga turut terhimpit dan rentetan dari itu menyebabkan implikasi yang begitu membimbangkan. Dalam usaha kerajaan memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara, di samping membantu memacu pemulihan ekonomi negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

terus diberikan mandat untuk melaksanakan program-program yang dapat memberikan impak dengan penekanan khusus untuk memperkasakan dua kumpulan sasar berikut.

Pertama, bagi membantu masyarakat berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup, program bersifat rakyat *centric* dirangka. Bagi memastikan keberadaan bekalan makanan harga barang keperluan lebih terjamin di samping melindungi hak pengguna supaya terpelihara. KPDNHEP terus komited melaksanakan program advokasi kepenggunaan, skim kawalan harga barang di samping aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang akan dilaksanakan secara konsisten.

Kedua, tumpuan diberikan kepada golongan peniaga iaitu menjurus kepada aspek merancakkan Pertubuhan Perdagangan Dalam Negeri meliputi sektor peruncitan dan pengedaran. Aktiviti peruncitan domestik akan terus digiatkan bagi membantu mempromosi aktiviti serta pembangunan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, KPDNHEP telah melaksanakan pelbagai usaha dan pendekatan melalui beberapa siri rundingan Pre Bajet bersama pemain industri, persatuan dan *non-government organization* (NGO) bagi mendapatkan maklum balas untuk merangka peruntukan yang dapat menepati kehendak komuniti peniaga bagi mengerakkan sektor perdagangan dalam negeri di samping melindungi kemaslahatan pengguna dalam tempoh yang begitu sukar ini.

KPDNHEP turut meneliti dan menyambut baik segala pandangan dan cadangan *stakeholders* yang diajukan dalam bentuk aduan dan maklum balas yang diterima sebelum peruntukan ini dimuktamadkan. Peruntukan yang dipohon bagi tahun 2021 adalah sedikit berbeza berbanding tahun 2020 dengan mengambil kira kepentingan untuk memperkuuhkan kesejahteraan rakyat serta merancakkan pertumbuhan sektor peruncitan domestik yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

KPDNHEP menghargai keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Menteri Kewangan kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1,151,253,300, iaitu peningkatan sebanyak 11.4 peratus berbanding tahun 2020. Peruntukan ini begitu signifikan terutama dalam penyusunan program bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Memacu pemulihan serta merancakkan sektor peruncitan dan pengedaran yang terjejas ekoran tercetusnya pandemik COVID-19. Perbelanjaan mengurus turut meningkat kepada RM1.084 bilion iaitu sejumlah 6.33 peratus berbanding peruntukan yang diterima pada tahun sebelum iaitu tahun 2020 ini. Manfaat ini akan memberi kesan positif kepada pembangunan program yang dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dapat saya rumuskan di sini bahawa peruntukan yang diluluskan ini meliputi tujuh program merangkumi program sedia ada serta program

baharu yang berjumlah RM708 juta ataupun RM700.8 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak RM680 juta iaitu peningkatan sebanyak RM70 juta dari peruntukan tahun 2020 akan disalurkan secara spesifik bagi pelaksanaan empat program bersifat rakyat *centric* bagi membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Ia meliputi tiga program subsidi iaitu program penstabilan harga minyak masak, program subsidi tepung gandum kegunaan am dan Program Pengedaran Barang Perlu dan LPG dan juga *community drumming*. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Program *Community Drumming* ini bertujuan untuk memastikan masyarakat luar bandar dan pedalaman supaya dapat membeli tujuh barang keperluan pada harga yang ditetapkan sama seperti di bandar. Sehingga kini program ini telah memberi manfaat kepada lebih 1.1 juta penduduk di kawasan pedalaman di seluruh Malaysia.

Saya akan menyentuh sedikit lagi berhubung perkara ini sewaktu menjawab pertanyaan Yang Berhormat Hulu Rajang sebentar lagi. Program ini akan membawa lebih banyak kelegaan kepada masyarakat terutama di kawasan pedalaman apabila capaiannya dikembangkan ke kawasan yang baharu sedikit masa lagi.

Program Rakyat *Centric* Keempat adalah di bawah inisiatif penyeragaman harga dan sebanyak 40 juta digerakkan bagi program penyeragaman harga di Sabah, Sarawak dan Labuan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang turut sensitif terhadap keperluan menstabilkan harga barang keperluan khususnya di pekan kecil dan pedalaman dan juga untuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

Program penyeragaman harga ini mencatatkan peningkatan sebanyak 100 peratus daripada sejumlah RM20 juta yang telah diperuntukkan pada tahun sebelum ini. Jadi, berita gembira ini akan membuka lebih banyak peluang bagi masyarakat di Sabah, Sarawak dan Labuan untuk menikmati harga barang kawalan yang sama seperti di Semenanjung.

KPDNHEP turut diperuntukkan sebanyak RM28.8 juta bagi melaksanakan tiga program untuk membantu komuniti perdagangan, pengedaran dan galakan penghasilan dan pembelian produk buatan tempatan. Program-program ini melibatkan pembangunan francais yang mendapat RM3.8 juta, program francais mikro mampu milik mendapat RM5 juta dan Kempen Beli Barang Malaysia serta Program Jualan Malaysia yang mendapat sejumlah RM20 juta.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menghargai kepentingan peranan dan sumbangan yang dimainkan anggota penguat kuasa KPDNHEP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai 18 Mac 2020 ini hingga 24 November 2020 ini, sejumlah lebih kurang 490,000 premis perniagaan telah diperiksa di seluruh negara oleh anggota penguat kuasa KPDNHEP.

Ini bagi memastikan pematuhan ke atas semua undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kementerian ini khususnya bagi memastikan bekalan makanan dan keperluan asas mencukupi. Daripada jumlah tersebut sebanyak 4,744 kertas siasatan telah dibuka, di bawah pelbagai akta dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM60,711,711. Sebanyak 3,468 kes telah dikompaun sepanjang tempoh PKP, PKPP, PKPP 1 dan PKPP 2 dengan nilai kompaun berjumlah RM1,513,102.

Kes tertinggi adalah di bawah Akta Timbang Sukat 1972, dengan sebanyak 2,487 kes diikuti dengan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan tahun 2011 sebanyak 1,350 kes serta Akta Kawalan Bekalan 1961 sebanyak 386 kes.

#### ■1250

Anggota penguat kuasa seramai lebih kurang 2,300 akan terus digerakkan bagi memantau keberadaan dan kecukupan barang keperluan harian. Selain itu KPDNHEP juga bertegas untuk memastikan harga barang sentiasa stabil dan terkawal. Tindakan akan diambil, pernah diambil ke atas peniaga yang cuba mengaut keuntungan secara berlebihan dan tidak beretika.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan Belanjawan 2021, terdapat beberapa perkara disentuh berkaitan dengan kementerian ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Yang Berhormat Batang Lumar ada membangkitkan tentang isu agihan peruntukan KPDNHEP untuk negeri Sarawak iaitu khas untuk negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Batang Lumar, agihan peruntukan untuk negeri Sarawak adalah lebih kurang RM212 juta yang mana ia meliputi:

- (i) RM3.88 juta untuk bayaran gaji kepada seramai 101 pegawai pemantau harga di negeri Sarawak;
- (ii) RM68 juta anggaran untuk Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak di negeri Sarawak atau *Cooking Oil Subsidy Scheme (COSS)*;
- (iii) RM121 juta peruntukan untuk Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *community drumming* di negeri Sarawak;
- (iv) RM3 juta anggaran untuk subsidi tepung gandum kegunaan am;
- (v) RM16.2 juta untuk Program Penyeragaman Harga Sarawak bagi menyeragamkan harga minyak masak, tepung gandum dan gula. Ini pengangkutan *port to port*; dan
- (vi) RM310,000 untuk program dan aktiviti kepenggunaan negeri di negeri Sarawak.

Saya berterima kasihlah di atas saranan juga daripada Yang Berhormat Hulu Rajang yang telah mencadangkan agar kawasan-kawasan baharu turut dilibatkan di dalam Program *Community Drumming* khasnya di dalam kawasan beliau sendiri.

Suka saya maklumkan berdasarkan peruntukan sebanyak RM200 juta iaitu tambahan sebanyak RM50 juta pada tahun 2021, kerajaan akan dapat memperluaskan program ke 137 kawasan baharu termasuk beberapa pulau di Semenanjung dan di Sabah. Semua cadangan kawasan termasuk kawasan baharu bagi Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *community drumming* 2021 telah dinilai dengan adil dan telus melalui jawatankuasa penilaian kawasan. Jadi, di Sarawak juga banyak kawasan baharu.

Di kementerian, hanya kawasan yang benar-benar layak sahaja akan dimasukkan dalam program ini. Dengan peluasan kawasan ini, saya percaya lebih ramai penduduk akan dapat menikmati manfaat daripada program ini bagi tahun 2021, mengatasi manfaat yang telah diberikan pada tahun 2020, pertambahan.

Yang Berhormat Langkawi ada membangkitkan isu perniagaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, kalau tidak ada mereka dalam Dewan boleh— kerana kesuntukan masa.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, tidak banyak lagi yang akan saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh, silakan.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak boleh macam itu sebab kita kena masuk, kena bawa *tag*, mungkin dia orang ada di dalam bilik mereka.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya jawab, tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, baik. Dia akan jawab. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Langkawi ada membangkitkan perniagaan yang gulung tikar yang menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), penamatatan atau penggulungan entiti perniagaan bagi tempoh Mac hingga Oktober 2020 adalah lebih rendah berbanding tempoh yang sama bagi bulan Mac ke Oktober 2018 dan juga bulan Mac ke Oktober 2019.

Keadaan ini boleh dikaitkan dengan langkah proaktif kementerian dan kerajaan menyediakan inisiatif dan insentif. Antaranya melalui program moratorium bagi membantu entiti perniagaan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 dan mampu bertahan tanpa terpaksa menggulung perniagaan masing-masing.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, kementerian melalui SSM sedang merangka kaedah yang bertujuan menambah baik perundangan berkaitan rehabilitasi

syarikat termasuk mekanisme penyelamat korporat dan skim perkiraan atau kompromi. Di antara pendekatan yang sedang diperhalusi adalah untuk memudah cara syarikat yang mempunyai masalah kewangan tetapi masih mampu untuk terus berdaya saing.

Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat Bayan Baru atas saranan untuk merangsang ekonomi domestik melalui pelaksanaan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM). Pelaksanaan kempen ini secara menyeluruh dengan penglibatan pelbagai pihak seperti kementerian, jabatan, agensi serta sektor swasta di negara ini berupaya untuk membawaikan impak positif yang *significant* kepada ekonomi negara yang terjejas akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara ini.

Apabila kita membeli barang Malaysia, permintaan ini akan meningkatkan pengeluaran yang secara tidak langsung meningkatkan pendapatan perusahaan dan pengusaha tempatan bahkan kemungkinan menyelamatkan pekerjaan sedia ada malah mungkin mewujudkan pekerjaan baharu terutama dalam sektor peruncitan dan pembuatan produk. Saya turut menyarankan agar Ahli Yang Berhormat dapat terus menyokong menggalakkan KBBM atau Kempen Beli Barang Malaysia dan juga Program Jualan Malaysia di kawasan Parlimen masing-masing.

Yang Berhormat Betong ada membangkitkan berkenaan peranan kerajaan untuk membantu pengusaha produk makanan atau pertanian di negeri Sarawak untuk menembusi *hypermarket* dan seterusnya ke pasaran antarabangsa. Untuk makluman Yang Berhormat Betong, kementerian telah menjalankan program dan inisiatif seperti Program Suaian Padanan Perniagaan atau *Business Matching and Pitching Session* secara khusus dan berterusan antara pihak *hypermarket* dan pengusaha PKS Sarawak sejak tahun 2017 lagi. Antara pasar raya besar yang selalu menyertai program ini ialah Pasaraya AEON dan Mydin.

Kementerian juga membantu pengusaha dari negeri Sarawak dari aspek bantuan pembungkusan dan pelabelan dengan kolaborasi bersama pihak MARDI dan *Malaysia Design Development Centre* (DDEC). Melalui usaha ini penebusan produk keluaran pengusaha dari negeri Sarawak ke pasar raya utama negara akan menjadi lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkuuhkan lagi dasar dan tanggungjawab yang telah dimainkan ataupun diamanahkan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan.

Kementerian akan terus komited untuk memastikan peruntukan ini diuruskan secara inklusif, adil dan saksama agar kelestarian rakyat serta kelangsungan sektor

perniagaan dan peruncitan domestik akan terus terpelihara. Sebelum saya akan mengucapkan akhir...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri..

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** ...Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit..

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** ...Saya ingin juga, saya bangga kerana kali ini dalam sesi ini, kementerian hanya mendapat lapan soalan sahaja yang ditanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, baik.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** *[Ketawa]* Jadi, tidak menganggu...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sedikit?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Boleh saya mohon penjelasan?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Bolehlah sedikit.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tidak bagi ruang macam mana hendak tanya?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Boleh ya, Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Boleh, sila.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan mengenai isu rintihan dan keluhan yang dibawa oleh pengusaha bas-bas persiaran, bas-bas sekolah dan bas persiaran yang lain terutama sekali dalam bidang pelancongan. Akan tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri walaupun tidak ada persoalan yang dibangkitkan tetapi isu ini saya rasa banyak kali gabungan-gabungan pengusaha bas telah cuba menghantar memorandum untuk berjumpa dengan kementerian. Bukan saja kementerian Yang Berhormat Menteri, tetapi Jabatan Perdana Menteri.

### ■1300

Semalam, Yang Berhormat KPCT juga mengatakan tiga kementerian terlibat dalam isu pengusaha bas sekolah yang sehingga hari ini tidak mendapat keadilan. Memang ada satu moratorium tetapi syarikat korporat kredit ini yang *imposed charges* terhadap mereka, pinjaman yang mereka terpaksa bayar. Mereka ini sekarang *stuck in the middle* tanpa ada sesiapa untuk memberikan suara untuk mereka.

Jadi, saya ingin bertanyakan— saya faham KPDNHEP salah satu kementerian bersama dengan KPCT, Kementerian Pengangkutan dan MOF yang akan berusaha tetapi saya tidak dengar lagi apa usaha daripada pihak kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sebelum bas-bas mereka ini ditarik— saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Faham.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Banyak pengusaha bas persiaran, bas sekolah, bas mereka itu hampir kena tarik ataupun sudah ditarik. Jadi, apa keputusan dan rancangan daripada kerajaan untuk membantu golongan mereka ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya hendak tanya tentang kawalan harga.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Kebanyakannya bukan soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya serah kepada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** ...Tapi Yang Berhormat Batu Kawan sendiri yang sangat peka dengan isu ini. Terima kasih kerana saran dan juga cadangan ataupun teguran. Kita ambil serius.

Perkara ini memang kami sudah ambil perhatian dan seperti mana yang diketahui oleh Yang Berhormat sendiri tadi, hal ini adalah merangkumi tiga kementerian ya dan antara kami, kami telah berunding. Bukan tidak memberi perhatian atau tidak peduli. Memang kita ambil peduli. Jadi Yang Berhormat sendiri pun banyak pedulikan perkara ini. Marilah kita bersama-sama buat penyelesaian atau merundingkan bagaimana kita hendak mencari— kerana ia melibatkan akta-akta ya. Jadi, kalau boleh diberi masa sedikit lagi. Kita berharap akan dapat sampai ke satu penyelesaian untuk mereka. Kita peduli mereka ya. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baik.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh meluangkan masa untuk berjumpa dengan mereka sebab semalam...

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Gabungan tersebut telah datang untuk jumpa dengan Yang Berhormat Menteri atau Timbalan tetapi pegawai kata selagi belum dapat *green light*, tidak boleh disusun satu tarikh untuk temu janji tersebut. Jadi, saya harap kementerian akan meluangkan masa...

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Boleh, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Untuk berjumpa dengan mereka semua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Nanti saya berhubung dengan Yang Berhormat Batu Kawan untuk bagi tarikh untuk mereka datang berjumpa kami di kementerian.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Baik, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, ini berkaitan dengan kawalan harga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, beri laluan satu lagi?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kota Melaka.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya sebenarnya akur kepada Tuan Yang di-Pertua. Boleh bagi tidak?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya hendak tanya tentang kawalan harga.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Kota Melaka seringkasnya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kota Melaka, silakan. Satu lagi.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, seperti yang kita tahu, kita faham ya, kementerian menitik beratkan tentang kawalan harga. Saya hendak bangkitkan isu tentang harga telur. Ada kawalan harga, kita setuju sebab telur itu makanan perlu untuk semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Soalan saya ialah adakah kementerian meneliti, kenapa kadang-kadang harga telur itu naik dan pengusaha, pengeluar telur ini mereka terpaksa menanggung kerugian? Yang Berhormat Menteri jangan ketawa. Ini ialah masalah serius ya dan mereka mengalami kerugian.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Apalah. You mahu politik kah apa? Siapa ketawa? Bukan saya ketawa kepada benda itu. Saya ketawa yang lain.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tadi Yang Berhormat Menteri duduk sana ketawa. Saya kata jangan ketawalah. Ini perkara serius.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya ketawa bukan kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya ketawa pada yang lain, bersama kawan sebelah saya.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Sudahlah Yang Berhormat Kota Melaka. Apa Yang Berhormat Kota Melaka ini.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ini tuduhan tidak baguslah. *You have one narrow minded.* Semua nak politik.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Betul. Sudahlah, Yang Berhormat Kota Melaka. Apa pun tidak tahu.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya hendak tanya saja.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sangkaan jahat. Mengapa *you* sangkaan jahat? Saya bukan ketawa kepada *you* punya soalan. Saya tak jawab yang ini.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Jawab soalan, jawab soalan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ini sebab dia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya minta Yang Berhormat Menteri. Baik, Yang Berhormat Menteri tidak...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Takut hendak jawab? Takut hendak jawab kah, hendak politikkan isu?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Takut apa?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Sekarang... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tadi saya jawab Yang Berhormat Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya tidak benarkan perbalahan seperti ini. Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Apa saya takut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, baik. Terima kasih. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk memberi jawapan. Masa 20 minit, Yang Berhormat Menteri.

**1.04 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua— saya secara berperingkat-peringkatlah. Pertama, mohon tidak memakaikan topeng.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang kedua, saya ada dua teks dekat sini. Teks yang pertama ini dia punya ringkasan. Teks yang kedua ini yang teks *whole answers* kepada semua persoalan dibangkit oleh Ahli-ahli Parlimen. Kalau tidak dapat dibacakan semua ini, sebab detil begitu rapi sekali, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ...Jadi saya mohon supaya dimasukkan dalam *Hansard* juga dan kepada siapa saya hendak serah, minta arahan daripada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada 17 Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sepanjang tempoh perbahasan pada kali ini. Saya ucap terima kasih itu sebab memang ramai yang minat dalam soalan SME ataupun PKS ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat merangkumi pelbagai perspektif dan mencakupi ekosistem usahawan yang boleh saya bahagikan kepada empat iaitu: yang pertama, pembudayaan usahawan di kalangan golongan graduan dan belia; yang kedua, pembangunan kapasiti dan latihan usahawan wanita, bumiputera, koperasi sektor informal. Selepas ini saya akan sebut apa maknanya SME ini dan apa dia informal. Yang ketiga, skim pembiayaan dan bantuan kewangan atau moratorium kepada PKS yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19; dan yang keempat, pembangunan gerakan koperasi, Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian menyambut baik pengumuman Bajet 2021 yang memberi tumpuan dalam usaha pembangunan dan pemulihan usahawan serta PKS terutamanya kepada usahawan mikro dan juga wanita dan bumiputera. Bajet 2021 juga memberi penekanan dan signifikan kepada usahawan membangunkan kapasiti dan daya saing usahawan mikro, perusahaan kecil dan sederhana, koperasi dan golongan B40 bagi memastikan

pemulihan dan kelestarian operasi perniagaan serta kelangsungan perniagaan ketika negara berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Jadi pecahannya, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya sebut di sini. PKS berjumlah 907,065 pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada hari ini pendaftaran, mungkin tidak dapat masuklah. Pertubuhan iaitu 98.5 peratus daripada keseluruhan jumlah perniagaan berdaftar di seluruh Malaysia. Jadi, pecahan PKS mengikut saiz ialah 693,670 iaitu 76.5 peratus adalah mikro. Sebanyak 192,783 yang kecil atau 21.2 peratus. Yang sederhana, jumlah pendapatan dia besar sampai RM50 juta tetapi jumlah *numbers* syarikat-syarikat terlibat kecil iaitu 20,612 atau 2.3 peratus.

Jadi, sumbangan PKS ini kepada KDNK negara pada ketika ini ialah 38.9 peratus iaitu RM552.3 bilion. Pekerjaan 48.4. Makna ini sumbangan kepada *employment* di seluruh negara iaitu 7.3 juta yang terlibat dengan PKS ini dalam negara kita. Nilai eksport ialah 17.9 peratus iaitu RM176.3 bilion.

Jadi, PKS mengikut sektor, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan yang banyak sekali iaitu 89.2 peratus atau 809,126 PKS yang terlibat dengan perkhidmatan. Pembuatan sebanyak 5.3 peratus atau 47,698 PKS, pembinaan sebanyak 4.3 peratus atau 39,158 PKS, pertanian sebanyak 1.1 peratus sahaja, perlombongan dan pengkuarian sebanyak 0.1 peratus sahaja iaitu 866 PKS sahaja.

### ■1310

Jadi daripada jumlah itu, kita melihat gambaran bahawa ada *imbalance* dari sudut *distribution* penglibatan PKS ini dalam semua bidang ekonomi negara kita. Jadi, kalau orang bertanya apakah perancangan kementerian masa hadapan ialah pertamanya untuk melihatkan *good balance* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di antara perkhidmatan dengan pembuatan, pembinaan, pertanian khususnya yang saya tekankan banyak tetapi berkemungkinan dalam perlombongan, pembinaan berkemungkinan kita ada kepayahan sedikit oleh sebab berkehendakkan nilai-nilai yang besar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, biar saya pergi kepada pembahas. Ini secara umum Tuan Yang di-Pertua iaitu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Selangau, Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Secara umumnya jawapan kepada yang dibincangkan itu, kalau ada masa nanti *insya-Allah* detil ada di sini Tuan Yang di-Pertua. Kedatangan wabak virus COVID-19 yang melanda dunia dan negara telah memberi kesan kepada ekonomi serta kesihatan

dan kehidupan rakyat. Usahawan mikro, PKS import dan informal dan juga koperasi telah tidak terkecuali daripada kesan akibat pandemik tersebut.

Kaji selidik di atas usahawan yang dijalankan oleh pihak MEDAC bermula 15 November hingga 17 November 2020 mendapati sejumlah 2.51 peratus usahawan telah menamatkan perniagaan mereka di mana majoriti daripadanya adalah perusahaan mikro. Walau bagaimanapun, daripada perusahaan usahawan yang telah menamatkan perniagaan, sebanyak 88.37 peratus usahawan bersedia untuk memulakan semula perniagaan produk atau perkhidmatan baharu.

Maknanya ada perpindahan daripada apa yang pernah dibuat sebelum COVID-19 kepada satu perusahaan atau perniagaan, jenis perniagaan ataupun perkhidmatan yang bercorak berlainan daripada apa yang pernah mereka buat, Tuan Yang di-Pertua.

Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Syarikat– Ini secara detil untuk memberi jawapan yang telah diberi kawan saya tadi daripada Yang Berhormat Kapit berhubung dengan syarikat-syarikat yang ‘*gulung tikar*’ ataupun telah menamatkan operasi. Mengikut Suruhanjaya Syarikat Malaysia, bagi tempoh Mac hingga September, terdapat 32,469 buah syarikat dan perniagaan telah menamatkan operasi. Maknanya dengan kata yang tidak berapa elok ‘*gulung tikar*’.

Namun, jumlah ini diimbangi dengan bilangan perniagaan dan syarikat baharu yang didaftarkan bagi tempoh Mac hingga Oktober itu sebanyak 279,384 buah syarikat Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, nisbah yang ‘*gulung tikar*’ dengan nisbah yang buka baharu mungkin perniagaan baharu, jenis baharu dan pelbagainya dan oleh sebab tindakan-tindakan kerajaan menerusi suntikan kewangan dan sebagainya dan inisiatif latihan dan bimbingan daripada pihak bukan sahaja kementerian saya tetapi semua agensi kerajaan dan kementerian-kementerian termasuklah kementerian Yang Berhormat Kapit itu tadi sebut.

Inilah makanya kita lihat contoh macam *booming* orang hendak menubuhkan syarikat-syarikat jenis baharu. Mungkin orang terjejas dalam bidang pelancongan, mungkin berpindah menjadi buat makanan ataupun penghantaran. Ini jelas dalam *research* kita. Jadi ini bukan adalah satu perkara *we pluck from the thin air* tetapi kita dapat berlandaskan *research* yang dibuat oleh pihak SME Corp di dalam kementerian ini.

Kementerian akan terus memberi penekanan dalam membantu para usahawan termasuk usahawan mikro PKS, usahawan informal. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberi penjelasan sedikit yang tidak termasuk dalam fakta *numbers* itu tadi yang 907,065 pertubuhan badan PKS tadi tidak termasuk yang informal. Informal ini maknanya tidak berdaftar dengan SSM, sama ada sebagai sendirian berhad ataupun sebagai *sole proprietorship* ataupun sebagai *partnership* ataupun tidak berdaftar

dengan pihak berkuasa tempatan. Ini dipanggil informal. Contoh Mak Kiah jual cucur, Mak Kiah jual goreng pisang, Mak Kiah jual macam-macamlah Mak Kiah ini. Dia rajin jual.

Jadi, tidak termasuk yang ini tidak berdaftar dengan sesiapa. Jadi, usahawan wanita, belia dan graduan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan insentif khasnya melalui agensi seperti TEKUN Nasional, Bank Rakyat, SME Bank, SME Corp Malaysia, UDA Holding, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang telah diletakkan oleh Yang Berhormat Menteri di sebelah kiri saya ini *[Merujuk kepada Yang Berhormat Kapit]* kepada kementerian saya. Dia jaga undang-undang, saya jaga pembangunan. Ini diarahkan oleh pihak kerajaan. Jadi, saya buat kerja sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Boleh.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya Pontian. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar dengan teliti apa yang disebut ada 907,065 PKS di bawah jagaan, tidak termasuk sektor informal dan tentunya PKS ini akan sentiasa bertambah dari semasa ke semasa.

Jadi, masalahnya pada perkiraan saya ialah Kementerian MDEC hanya diperuntukkan RM548 juta daripada 27 buah kementerian yang kedua paling sedikit. Paling sedikit RM423 juta iaitu Kementerian Perpaduan. Tugas membina bangsa usahawan ini kelihatan tidak dianggap penting dengan sedikit sangat peruntukan belanjawan RM548 juta sahaja yang diberikan sedangkan ada yang berpuluhan-puluhan bilion kementerian lain.

Jadi, apakah kaedah kreatif Yang Berhormat Menteri bagi menyelaraskan peruntukan. Contoh Unit Pembangunan Usahawan kementerian-kementerian lain yang di bawah Majlis Pembangunan Usahawan agaknya yang boleh diselaraskan supaya peruntukan itu bertambah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat Pontian ini beliau mengetahui perkara macam ini Tuan Yang di-Pertua. Soalan dia itu memang strategik jawapannya ada pada saya. Sebenarnya kalau dilihat daripada kementerian ini, ini jawapan saya ya. Kalau dilihat daripada kementerian saya memang ada. Contohnya kalau diberi PRIHATIN 1 dan PRIHATIN 2 dan PENJANA, TEKUN telah diberi RM300 juta dan RM300 juta ini sudah kita *disburse* 99 peratus sudah kita *disburse*.

*Disbursement* ini ataupun pengeluaran sumber ini kepada pihak-pihak yang memohon bukan sahaja diberi macam itu sahaja, dengan bimbingan, *monitoring* ataupun bimbingan kita hingga mereka ini boleh bergerak semula dan bahkan kita ajar mereka soalan-soalan macam mana hendak bermula dalam masa COVID-19 ini iaitu dengan *digitalization* dan masuk kepada e-market, e-dagang dan sebagainya. Semua kita bimbing dan semua kita buat.

Saya memahami soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Pontian. Kita melihat oleh kerana tadi saya sudah kata 99 peratus kita sudah *disburse*. Itulah kenapanya baru semalam Tuan Yang di-Pertua, saya setelah berbincang dengan pihak *Economic Action Council* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang mana hadir bersama ialah daripada Menteri MOF, Menteri MITI dan juga Menteri Ekonomi iaitu kalau secara ringkas cakap yang biasalah Tuan Yang di-Pertua. Tidak payahlah sebut nama, tidak boleh sebut melainkan Tuan Yang di-Pertua cakap boleh sebut nama. Saya lupa dengan kawasan mereka ini.

■1320

Jadi ada hadir bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya telah meletakkan permohonan-permohonan pindahan sumber kewangan selepas kajian yang dibuat oleh pihak SME Corp dalam kementerian ini melihat bahawa ada sumber-sumber kewangan diletakkan dalam satu agensi yang tidak ada *takers*, sehingga sumber kewangan tu tidak bergerak. Pada kita kalau sumber kewangan telah diluluskan oleh pihak kerajaan tetapi tidak ada *takers* dan tidak ada dimasukkan dalam sistem kewangan negara, maka ekonomi kita bakal tidak bergerak walaupun hasrat kerajaan mahu menggerakkan ekonomi.

Dengan itu, kita telah berbincang panjang lebar semalam dengan Perdana Menteri dalam *Economic Action Council*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi arahan kepada kementerian untuk berbincang semula dengan pihak MOF, berbincang dengan pihak MITI dan juga pihak Kementerian Ekonomi berhubung dengan sumber kewangan yang ada di kementerian-kementerian lain yang boleh disalurkan melalui MEDAC kerana MEDAC mengetahui di mana letaknya perlu kita tangani pihak-pihak PKS ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat Pontian, strategi yang telah kita buat ada dan kita telah memberi maklum kepada pihak kerajaan menerusi *Economic Action Council*. Ini kerana Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri mempengerusikan majlis tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Jadi Perbadanan Nasional ini saya hendak sebut secara khusus kerana baharu diletak di bawah kementerian ini yang ingin saya bangunkan dan menggunakan instrumen PNS ini supaya soalan struktur pengurusan, struktur perdagangan, produk

kualiti, *packaging*, imej, publisiti, pengiklanan (*advertisement*) telah dibuat. Jadi, PNS ini bakal kita guna sebagai satu instrumen untuk membangunkan lagi mana-mana pihak yang telah menamatkan perniagaan mereka di satu-satu jurusan.

Kita promosikan PNS ini di kalangan PKS ini untuk mengambil bahagian dalam PNS kerana, penstrukturran PNS itu sendiri telah tidak lagi mempunyai proses-proses yang panjang. Ini kerana produknya ada, *advertismentnya* ada, promosinya ada, bantuan ada, dana ada semua ada. Jadi itulah gambaran yang sedikit sebanyak yang boleh saya sebut berhubung dengan pembangunan usahawan yang terjejas oleh sebab COVID-19.

Bagi tahun 2020...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Selama satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Oh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Hanya tinggal satu minit.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Nampaknya Tuan Yang di-Pertua, even my summary pun tidak boleh habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, itulah.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya minta mohon yang *thick papers* ini dimasukkan dalam *Hansard* supaya tidak adil kalau Ahli-ahli Parlimen seramai 17 orang berbahas bertekak ini, gaduh dengan kawan-kawan dalam Dewan ini, berdiri lama-lama tetapi tidak ada jawapan diberi oleh pihak kementerian. Jadi Tuan Yang di-Pertua, minta saya yang sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebanyak RM273.45 juta dana kewangan telah diperuntukkan untuk golongan usahawan wanita. Ini soalan wanita ini. Seramai 32,974 usahawan wanita telah menerima manfaat melalui pelbagai program dan bantuan daripada kementerian dan disalurkan melalui dana khas agensi di bawahnya. Usahawan wanita dalam bidang pembinaan juga diberi tumpuan terutamanya dalam program kompetensi menerusi kerjasama Biro Wanita Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia semenjak tahun 2019. Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, selama satu minit.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Banyak ini sumber kewangan Tuan Yang di-Pertua. Okey, kerana saya diminta diberitahu sudah 20 minit

telah habis. Jadi, walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju untuk meletakkan jawapan dan soalan dibangkit secara terperinci ini kepada dalam *Hansard*.

Maka saya sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahalah yang boleh saya beri penjelasan kepada semua perbahasan isu-isu yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 17 orang sepanjang tempoh perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 2021 pada mesyuarat ini.

Saya berharap daripada penjelasan tersebut, ia telah mendapat sedikit sebanyak menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kepada Tuan Yang di-Pertua saya mohon terima kasih banyak-banyak kerana hendak masuk dalam ini. Pegawai saya buat kerja, saya pun buat kerja, Yang Berhormat yang berbahas dalam sini pun buat kerja. Jadi, kena masuk dalam *Hansard*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya untuk menjawab perbahasan selama 20 minit. Silakan Yang Berhormat Menteri.

### 1.26 tgh.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin tidak pakai *mask* ya Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat tengah hari.

*Apa ditatang padi jerami,  
Elok disimpan di rumah lama,  
Bajet dibentang semraka ekonomi,  
Kelangsungan kehidupan prihatin bersama.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mewakili Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab MOTAC ketika Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan 2021 peringkat dasar di Dewan yang mulia ini dari hari Isnin, 9 November 2020 sehingga hari Khamis, 19 November 2020 yang lalu.

Segala keprihatinan, cadangan serta pandangan yang telah dibangkitkan amat kami di MOTAC hargai dan akan diambil kira untuk perancangan di kementerian ini di masa hadapan. *Insya-Allah* pada hari ini saya akan memberi maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan dan saranan yang telah dikemukakan oleh semual Ahli Yang

Berhormat yang berkenaan. Pertama sekali, iaitu Pelan Pemulihan Industri Pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, penularan wabak COVID-19 telah membawa kesan negatif yang sangat besar bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan malah turut menjelaskan industri ini di seluruh dunia.

Bagi Malaysia, Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang telah dirancang terpaksa dibatalkan berikutan pengisytiharan dan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu. Susulan penularan pandemik ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menganggarkan industri pelancongan tempatan mengalami kerugian melebihi RM100 bilion bagi tahun 2020 akibat kehilangan perbelanjaan pelancong terutamanya yang berkaitan dengan penginapan, pengangkutan, membeli belah, makan dan minuman.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokasi berikutan gelombang ketiga penularan COVID-19 yang melanda negara pada ketika ini juga boleh memberi kesan yang lebih buruk. Bagi membantu meringankan impak terhadap penggiat industri dan seterusnya memulihkan industri pelancongan tempatan, kerajaan telah mengumumkan beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), iaitu PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan dan PENJANA. Banyak yang dibantu oleh pihak kerajaan, satu per satu kalau saya hendak sebut terlalu panjang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif-inisiatif yang disebutkan di atas adalah beberapa contoh bantuan umum yang dilaksanakan bersama secara rentas kementerian. Manakala di pihak kementerian sendiri iaitu MOTAC telah dan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus seperti berikut. Pertama, menawarkan kursus *Domestic Tourism Vibes* secara dalam talian dengan kerjasama Persatuan Institut-institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM) dan *Malaysian Tourist Guide Council* (MTGC). Kedua, pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong.

### ■1330

Ketiga, pemberian diskain dan pelanjutan pembayaran kompaun kepada semua pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong berlesen. Keempat, membangun dan menyediakan platform *online* seperti laman [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel) bagi membolehkan penggiat industri pelancongan memapar, mempromosi dan menawarkan pakej dan produk pelancongan mereka secara percuma.

Dalam usaha untuk membantu industri pelancongan negara kembali bangkit, MOTAC telah merangka pelan pemulihan pelancongan. Antara strategi utama MOTAC

dalam pelan pemulihan pelancongan ini ialah fokus kita untuk menyemarakkan pelancongan domestik. Saya ingin menghuraikan strategi ini untuk memaklumkannya kepada Dewan yang mulia ini dan juga sebagai memberi maklum balas kepada Yang Berhormat Bachok yang mencadangkan agar perhatian dialihkan kepada pelancongan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti semua sedia maklum dengan penutupan sempadan negara pada masa ini kita kehilangan peluang menjana pendapatan daripada kehadiran pelancong asing yang secara puratanya berjumlah sekitar 25 juta orang setahun. Benar, jurang ini agak besar untuk diisi. Namun, kita optimis bahawa fokus kepada pelancongan domestik ini adalah penting kerana ia boleh menjadi pemangkin dan asas untuk industri kembali bangkit.

Tambahan pula, kita tiada kepastian bila sempadan negara kita boleh dibuka sepenuhnya dan pada masa yang sama turut membabitkan pembukaan sempadan antarabangsa negara-negara luar. Oleh sebab itulah sebaik sahaja pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pembukaan semula aktiviti ekonomi, bermula 10 Jun 2020 yang lalu, kami di MOTAC terus mengambil beberapa langkah untuk merancakkan semula pelancongan domestik dan pada masa yang sama membudayakan pematuhan kepada prosedur operasi standard atau SOP yang telah ditetapkan.

Antara program yang telah dan akan dilaksanakan adalah siri jelajah semarakkan pelancongan domestik untuk menggalakkan pelancongan dalam negara. Siri jelajah yang telah dilancarkan pada 13 Jun 2020 ini melibatkan pendedahan kepada produk-produk pelancongan baharu serta produk seni, budaya dan warisan negara. Sesi ini juga digunakan untuk memberi pendedahan dan memastikan penggiat-penggiat industri mematuhi SOP pengoperasian yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pematuhan dan amalan norma baharu ini amat penting kerana ia boleh menjadi salah satu faktor utama dalam membina keyakinan masyarakat bahawa Malaysia adalah destinasi yang selamat untuk dikunjungi. Pembukaan aktiviti ekonomi ini telah memberi ruang untuk industri pelancongan kembali bernafas setelah terhenti sepenuhnya semasa pelaksanaan PKP. Ini terbukti apabila banyak indikator seperti kadar penghunian di premis pelancongan pergerakan kenderaan merentas sempadan negeri dan sebagainya menunjukkan bahawa aktiviti pelancongan tempatan mula kembali bangkit.

Namun, gelombang ketiga penularan wabak COVID-19 telah memaksa PKPB dilaksanakan semula dan sekali lagi sektor pelancongan terpaksa kembali mengharungi saat yang sukar. Di awal pelaksanaan PKPB, aktiviti pelancongan adalah dilarang dan

rentas sempadan negeri tidak dibenarkan. Selepas keadaan mula sedikit pulih, kami di MOTAC telah membentangkan cadangan untuk memperkenalkan gelembung perjalanan domestik zon hijau bagi menghidupkan semula sektor pelancongan tempatan.

Syukur *alhamdulillah* kerajaan pada 20 November 2020 yang lalu telah bersetuju untuk meluluskan cadangan MOTAC ini. Saya yakin langkah ini turut disokong oleh semua terutama sekali Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Kubang Pasu yang telah menyentuh perkara ini semasa perbahasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keputusan kerajaan untuk memperkenalkan gelembung perjalanan domestik zon hijau ini, MOTAC telah menyediakan beberapa inisiatif untuk kembali merancakkan pelancongan dalam negara. Pada hari Isnin, 23 November yang lalu, saya telah mengumumkan insentif dan promosi pelancongan domestik dalam bentuk baucar rebat, e-baucar *cash back* dalam bentuk *e-wallet* dan diskauan untuk tempahan pakej pelancongan, penginapan dan penerbangan.

Antara insentif dan promosi yang ditawarkan adalah:

- (i) pertama rebat baucar sehingga RM100 bagi pembelian pakej penginapan minimum 3 hari 2 malam;
- (ii) tawaran *cash back* sebanyak RM20 dalam bentuk *Touch 'n Go* bagi setiap transaksi minimum RM50 di hotel bajet iaitu 3 bintang ke bawah yang terpilih melalui Kempen Jom Menginap dan *Malaysia Welcomes You*; dan
- (iii) tawaran diskauan antara RM50 hingga RM100 bagi tiket penerbangan sehala dan juga pergi balik *return ticket* dengan izin.

Saya turut mengalukan kerjasama dan penglibatan oleh penggiat industri sektor pelancongan tempatan seperti *Malaysian Association of Hotels* (MAH), *Malaysia Budget Hotel Association* (MyBHA) serta syarikat penerbangan tempatan seperti Malaysia Airlines, Air Asia, Fire Fly, dan Malindo Air dalam program ini.

Selain itu, untuk merancakkan industri kraf tanah air diskauan pembelian produk kraf di *outlet* Karyaneka turut diperkenalkan bagi menggalakkan pembelian kraf hasil usahawan-usahawan kraf tempatan. Bagi tujuan ini, RM500,000 telah diperuntukkan untuk diskauan RM30 bagi setiap pembelian minimum gandaan RM100. Saya percaya inisiatif-inisiatif baharu ini mendapat reaksi positif daripada Yang Berhormat Pekan yang

mengemukakan cadangan pemberian baucar seperti ini ketika beliau berbahas tempoh hari.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Menteri. Boleh saya bertanya?

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Boleh tunggu sampai saya habis tidak? Supaya saya menepati masa.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Okey.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** *Insya-Allah* ya. Terima kasih. Ditambah lagi dengan pakej istimewa sempena Kempen Cuti-Cuti Malaysia khas untuk penjawat awam yang telah dilancarkan pada 3 September 2020 yang lalu. Kita yakin insentif-insentif yang dilaksanakan ini akan dapat melonjak dan menyemarakkan semula industri pelancongan domestik negara.

Pada masa ini juga, MOTAC telah meneroka cara kreatif untuk menerima kehadiran pelancongan asing secara berfasa dan bersasar dengan destinasi-destinasi negara luar yang dikategorikan sebagai hijau. Cadangan ini akan diperhalusi oleh kementerian dan agensi lain yang berkaitan seperti Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pengangkutan bagi dipertimbangkan untuk dilaksanakan apabila tiba waktunya yang bersesuaian kelak.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, MOTAC sememangnya komited dalam membangun dan menaik taraf lokasi-lokasi baharu dan sedia ada yang menjadi tumpuan pelancong di seluruh negara. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan yang memperuntukkan sejumlah RM50 juta untuk kerja penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancongan melalui Bajet 2021.

Dalam hal ini, MOTAC sentiasa bekerja sama rapat dengan kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi mengenal pasti produk-produk pelancongan yang baharu serta memastikan produk pelancongan sedia ada dilestarikan. Cadangan menambah baik infrastruktur kemudahan pelancongan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Bachok akan dibawa untuk dibincangkan, diperhalusi dan dipertimbangkan bersama dengan agensi-agensi Kerajaan Pusat dan negeri yang berkaitan.

Seterusnya, cadangan peruntukan tambahan kepada Kraftangan Malaysia untuk program *reskilling and upskilling*. Tuan Yang di-Pertua, beberapa Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa isu yang menyentuh sektor kebudayaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MOTAC sentiasa memberi penekanan kepada program pembangunan, pemasaran dan promosi seni budaya dan warisan dalam usaha memperkasakan industri kebudayaan.

**■1340**

Di bawah Bajet 2021 yang diumumkan tempoh hari, beberapa inisiatif telah dirangka seperti pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan kebangsaan sebagai ikon pelancongan, penambahbaikan dan promosi kampung-kampung budaya serta usaha sama dengan platform *e-commerce* bagi merancakkan transaksi dalam talian. MOTAC juga akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi program *reskilling* dan *upskilling* di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF). Selain itu juga MOTAC akan juga turut menyokong inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi bagi Program Perantisan yang menawarkan insentif kepada majikan swasta bagi setiap graduan baharu yang menyertai syarikat berkenaan.

Saya beri peluang tadi kepada Yang Berhormat...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Simpang Renggam.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** ...Simpang Renggam. Terima kasihlah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya juga ingin bertanya, Pontian.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan tahniahlah kepada kementerian kerana telah memberikan banyak insentif kepada pengusaha-pengusaha industri pelancongan untuk menggalakkan lebih banyak pelancongan dalam negara. Cuma daripada apa yang kita lihat banyak insentif tersebut, ia tidak memberikan sebarang perhatian kepada pengusaha taman-taman tema dan hiburan keluarga.

Kita tahu baru-baru ini MAATFA iaitu Persatuan Pengusaha-pengusaha Taman Tema dan Hiburan Keluarga telah mengemukakan mereka punya saranan terhadap kementerian bahawa mereka agak terpinggir dan bagaimana kesan daripada CMCO baru-baru ini dari bulan Oktober hingga November sahaja dianggarkan mereka kerugian RM520 juta. Kita tahu perhatian kita bukan hanya kepada para penggiat industri tersebut semata-mata tetapi kepada golongan pekerja yang ramai di antara pekerja dan staf mereka terdiri daripada golongan B40. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Sebenarnya memang betul pun memang mereka banyak mengemukakan kepada kita mengenai kesukaran, mengenai kerisauan mereka dan minta kita membantu. Cuma apa yang kita lakukan di sini ialah kita cuba membawa perkara ini kepada kerajaan negeri sebab kuasanya di bawah kuasa cukai itu adalah di bawah kerajaan negeri. Kita mengusahakannya daripada dahulu lagi dan *insya-Allah*, kita seterusnya akan mengemukakan perkara ini kepada kerajaan negeri. Kita turut merasa apa yang mereka rasai Yang Berhormat tetapi itu bukan dalam bidang kuasa MOTAC

di HQ di sini. Akan tetapi memadailah apa yang saya nyatakan tadi kita memang mengemukakan perkara ini kepada kerajaan negeri juga Yang Berhormat.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Bagi *chance* saya pula. Yang Berhormat Simpang Renggam bagi Pontian pula.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Bagi Yang Berhormat Pontian dululah. Kalau ada masa lagi saya bagi peluang lagi.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tidak, sebab tadi jawapannya saya rasa tidak berkaitan dengan soalan yang saya tanyakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak apalah.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Ia bukan berkaitan cukai...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu kaedah Menteri menjawab.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** ...Tetapi berkaitan...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Tadi apa lagi, boleh...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** ...Berkaitan dengan insentif kepada mereka.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Insentif.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Kita tahu tadi diberikan insentif kepada hotel...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Yang Berhormat, okey minta maaf, saya...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** ...Insentif kepada penerbangan tetapi tiada insentif kepada pengusaha taman tema ini.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Yang Berhormat, sebenarnya insentif itu tidak disebutlah macam itu, terus kepada taman tema. Akan tetapi di tempat-tempat pelancongan kini memang ada baucar-baucarnya. Minta maaf tadi saya berfikir sebab memang taman tema ini adalah satu produk yang sentiasa telah *registered in my mind because they have been asking for assistance. But anyway*, daripada segi bantuan itu *insya-Allah* lah diskaun baucar. Cuma kalau mereka beroperasi maka kita akan secara tidak langsung akan terus memberikannya kepada pihak-pihak industrinya. *Insya-Allah* Yang Berhormat. Terima kasih kerana membawa perkara ini. *Sorry, my mind was on something else.* Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Okey, boleh?

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Okey, Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya. Mungkin dalam ucapan bajet ada satu peruntukan yang besar kepada kementerian yang mungkin Menteri Kewangan tidak sebut iaitu satu *one-off* RM200 juta dipanggil pelan pemulihan

pelancongan. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh bagi kita sedikit sebanyak perincian apa dia yang RM200 juta *one-off* untuk pelan pemulihan pelancongan itu? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu yang saya, yang tidak disebut dalam bajet oleh Yang Berhormat Menteri kerana masa beliau telah begitu *limited*. Beliau ada menyentuh mengenai – sebenarnya RM200 juta tidak disentuh. Ada juga kraf tangan yang tidak disentuh tetapi yang kraf tangan tadi saya sudah sebutkan yang RM500,000 itu. Dari segi RM200 juta itu adalah ia termasuk diskaun-diskaun untuk penginapan di hotel, ia untuk diskaun untuk mereka yang bercuti berkeluarga, ia termasuk untuk kraf tangan termasuk juga untuk MICE, *meeting*, insentif. Ada juga untuk penerbangan, untuk kereta api, untuk pengangkutan semua itu. Ada tujuh sektor yang berkaitan yang di bawah RM200 juta itu Yang Berhormat.

Ini kerana kita diminta untuk menggunakan RM200 juta untuk menggunakan baucar. Baucar diskaun untuk membantu dan menggalakkan orang-orang kita, rakyat kita untuk pergi bercuti sehingga apabila tiba masanya nanti mereka boleh bercuti, mereka akan boleh menggunakan segala baucar yang ada untuk membantu mereka. Ya, terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, Balik Pulau ingin mencelah.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Balik Pulau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Boleh? Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut tentang *domestic travel bubble* dan tidak menyentuh tentang *travel bubble* antara negara asing. Saya lihat bahawa pelancong dari Singapura setiap tahun kita ada lebih daripada 10 juta pelancong Singapura yang datang ke Malaysia.

Ada beberapa kawasan hijau di Malaysia yang tidak semestinya apabila sebut *travel bubble* antara *Singapore* dan Malaysia, kita tumpukan hanya kepada beberapa bandar ataupun beberapa kawasan ataupun *point-to-point travel bubble*. Apa yang saya cadangkan supaya dibuat *point-to-point travel bubble* antara *Singapore* dengan Langkawi. Langkawi tidak ada kes COVID. *Then it is* kawasan hijau dan *they can fly direct* daripada *Singapore* ke Langkawi ataupun ke Terengganu ataupun ke tempat-tempat yang *green zone* ini dan boleh diadakan satu SOP yang terkawal yang membolehkan pelancong asing seperti Singapura datang ke sini. Sebabnya kita tahu bahawa tahun lepas sahaja pendapatan pelancongan daripada pelancong asing

sebanyak RM86.1 bilion *and* tahun ini boleh dikatakan kurang daripada RM2 bilion ataupun RM4 bilion.

Jadi kita tengok bagaimana dengan penurunan pelancong asing akan mengakibatkan sektor pelancongan negara terkesan. Mohon jelaskan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Sebenarnya sudah saya sentuh tadi masa saya menjawab soalan-soalan mengenai *travel bubble* ini. Namun begitu saya boleh ulangkan. Sebenarnya kita bila-bila masa sahaja, kita sudah bersiap sedia untuk urusan *travel bubble* luar negara seperti yang disebutkan tadi Langkawi dengan Singapura cuma kalau negara kita sudah buka *border* itu.

Yang Berhormat perlu faham juga, bukan kuasa kita untuk membuka *border*, sempadan ini. Sempadan ini bukan di bawah kuasa kita, ia di bawah kuasa kementerian yang lain. Itu pun ia mengambil kira keselamatan dan juga keseluruhannya, keselamatan dalam negara kita.

Sama ada Singapura sudah bersedia untuk membuka ataupun tidak dengan juga Malaysia. Akan tetapi daripada segi SOP nya kita sudah bersiap sedia. Akan tetapi saya juga hendak nyatakan di sini Yang Berhormat Balik Pulau, kita sudah adupun beberapa perjanjian dengan Singapura tetapi untuk *essential services*. Saya rasa Yang Berhormat pun mengetahui semua ini. Terima kasih. Biar saya menutup dulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya soalan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** ...Sesi penggulungan perbahasan Belanjawan 2021...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kota Melaka Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** ...Peringkat dasar bagi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada hari ini. Suka saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia di luar sana untuk bersama-sama semarakkan semula pelancongan domestik dan pelancongan seni dan kebudayaan kita. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, teguran, saranan dan cadangan dalam memajukan sektor pelancongan, seni dan budaya negara.

*Berikan sokongan satukan sukma,*

*Bukti kejayaan bajet dicipta,*

*Sektor pelancongan manfaat diterima,*

*Perkukuh budaya tidak dilupa.*

Mana yang tidak disentuh *insya-Allah* kita akan beri melalui *Hansard* kita ya. Terima kasih,

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi untuk menjawab.

■1350

**1.50 tgh.**

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di peringkat dasar di Dewan yang mulia ini.

Kementerian juga merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Senator YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 2021 bertemakan '*Teguh Kita, Menang Bersama*'. Melalui RUU tersebut pada hari Jumaat 6 November 2020 yang lalu, di bawah Belanjawan 2021 yang dicadangkan ini, KPPK diperuntukkan sebanyak RM729.39 juta iaitu RM476.67 juta untuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM252.73 juta.

KPPK menerima peningkatan sebanyak 8.8 peratus berbanding peruntukan untuk tahun 2020. Namun begitu, suka dimaklumkan juga bahawa punca perbelanjaan mengurus agak tinggi kerana sejumlah RM300 juta dana IPG dimasukkan di dalam pengurusan. Ertinya dana pengurusan sebenar hanya sebanyak RM176.67 juta sahaja. Untuk pengurangan ini, saya akan memberikan maklum balas dan penjelasan terhadap perkara yang sudah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat melalui sebanyak 10 topik.

Pertama, yang akan diperjelaskan adalah berhubung pertanyaan Yang Berhormat Pontian, sahabat saya mengenai harga agrikomoditi dan cadangan supaya pihak kerajaan mengembalikan semula geran tanaman semula sawit dan getah. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, *alhamdulillah*, sawit anugerah tuhan. Harga minyak sawit mentah ketika ini sedang menunjukkan trend peningkatan yang begitu ketara.

Harga minyak sawit mentah telah melonjak kepada RM3,581.50 per tan pada 19 November 2020 berbanding paras terendahnya iaitu RM2,021.50 per tan pada 12 Mei 2020. Itu peningkatan sebanyak RM1,560 atau sebanyak 77.17 peratus. Peningkatan harga MSM ini telah menyebabkan harga buah tandan segar (BTS) sawit

turut meningkat kepada RM760 per tan pada 19 November 2020 berbanding RM408 per tan 12 Mei 2020. Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan dengan berkat doa semua pihak telah berjaya meningkatkan harga minyak sawit.

Namun begitu, kementerian tidak melupakan semua ahli komoditi yang lain di bawah bidang kuasa kementerian seperti getah, koko, lada, kayu-kayan dan juga kenaf. Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif bagi membantu meringankan beban pendapatan pekebun kecil serta menstabilkan harga ahli komoditi di pasaran telah dilaksanakan. Antaranya seperti berikut iaitu pertama, pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) sebagai satu mekanisme sokongan harga bagi menggalakkan para penoreh untuk terus menoreh sewaktu harga rendah di pasaran. Sebanyak RM190 juta telah diperuntukkan pada tahun ini dan sebanyak RM300 juta akan diperuntukkan pada tahun 2021.

Kedua, bekerjasama dengan negara pengeluar utama getah seperti Thailand dan Indonesia menerusi di bawah kerangka ITRC bagi memperkuatkan harga pasaran getah.

Ketiga, menyediakan bantuan insentif melalui Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko dan juga program peningkatan produktiviti bagi membantu para petani meningkatkan lagi pengeluaran koko serta memperluaskan lagi tanaman koko serta menggalakkan para petani koko untuk menjadi ahli Koperasi Kluster Koko yang bertujuan untuk memperoleh pendapatan tambahan sebagai ahli koperasi.

Juga, mempergiatkan penghasilan produk lada bernilai tambah tinggi, menggalakkan pengeluaran lada premium dan menjalankan promosi jualan dengan lebih proaktif serta melaksanakan pengkormersialan dan penjenamaan semula produk lada. Kelima, menghasilkan lada putih krim yang telah meningkatkan hasil pendapatan pekebun kecil lada dengan jalan harga tetap sebanyak RM25 sekilogram di peringkat pengeluaran kebun dan yang terakhir menggalakkan aktiviti nilai tambah bagi bahan mentah kenaf yang diproses kepada bahan mentah separa proses bertujuan meningkatkan harga pasaran produk kenaf.

Untuk makluman juga, Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) yang disediakan semasa Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) telah ditukar daripada geran kepada pinjaman dan dikenali sebagai Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) semasa Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Skim ini telah dirangka agar tidak membebankan pekebun kecil dengan kadar faedah yang rendah iaitu dua peratus, tempoh moratorium selama 48 bulan dan tiada cagaran. Sebanyak RM500 juta diperuntukkan dan setakat ini memanfaatkan seramai 444 orang pekebun kecil dengan jumlah peruntukan yang sudah dikeluarkan ialah RM12.87 juta. Walau

bagaimanapun, menyedari akan keperluan dan kehendak pekebun kecil, kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk menstrukturkan semula skim TSPKS ini untuk dikhkususkan kepada kumpulan sasaran tertentu seperti golongan B40 dan sebagainya. Namun begitu, ia tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Bagi komoditi getah pula, kerajaan menerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), telah menyediakan bantuan tanam semula getah dalam bentuk geran dan bukannya pinjaman iaitu pada kadar RM9,230 per hektar dan RM13,500 per hektar dan juga RM14,000 per hektar. Masing-masing di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan juga Sabah.

Selain itu, bantuan ini disediakan dalam bentuk input pertanian seperti benih klon getah yang berkualiti tinggi, baja, racun rumpai dan juga dalam bentuk tunai. Sumber peruntukan bagi bantuan ini adalah daripada proses tanaman semula sebanyak 10 sen per kilogram yang dikutip oleh RISDA dan dipulangkan semula pada pekebun kecil getah dalam bentuk geran bagi tujuan tanaman semula.

Yang Berhormat Seputeh telah membangkitkan isu pengurangan peruntukan kempen anti minyak sawit yang diterima oleh kementerian. Kementerian Kewangan melalui Bajet 2021 telah mengumumkan bahawa peruntukan bagi menangani kempen anti minyak sawit ini sebanyak RM20 juta dan kementerian percaya pengurangan peruntukan ini adalah selaras dengan penjimatan kos daripada misi-misi luar negara dan juga sesi libat urus secara fizikal yang tidak mungkin dapat dilaksanakan ekoran wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Saya juga yakin juga bahawa yang penting adalah strategi kita. Kita tidak bergantung pada duit tetapi bergantung pada kebijaksanaan kita menyusun atur strategi kita. Untuk makluman juga, dalam sesi yang lalu menerusi kempen *Sayangi Sawitku*, banyak bajet diperuntukkan dalam negara sahaja seperti diperuntukkan untuk pertandingan video *MalaysiaKini* sebanyak RM700,000 dan kita akan alihkan pula ke luar negara iaitu sedang berunding dengan *Al Jazeera* untuk kita buat dokumentari dan disebarluaskan di seluruh dunia. *Insya-Allah*.

Sehubungan itu, KPPK akan terus melaksanakan usaha mempromosi...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri itu *MalaysiaKini* pertandingan video adalah sumbangan daripada Pengerusi MPOC. Itu bos dari IOI. Bukan daripada wang kerajaan. Ini pembetulan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, saya mendapat data perbelanjaan kempen *Sayangi Sawitku* antaranya pertandingan video *MalaysiaKini*, sebanyak RM705,870 dan yang pentingnya ia adalah perbelanjaan melibatkan *MalaysiaKini*.

Sehubungan itu, KPPK akan terus melaksanakan usaha promosi bagi meningkatkan kebolehpasaran produk sawit secara maya dan melalui kerjasama antara kerajaan, *government-to-government* yang berkaitan. Saya yakin bahawa peruntukan sebanyak ini akan dapat melaksanakan strategi advokasi yang mampu menangani mengenai yang diutarakan.

Sebagai tambahan, sebagaimana yang sedia maklum, terdapat pengukuh harga minyak sawit pada suku kedua tahun 2020 dengan harga purata Julai hingga Ogos pada RM2,763 dan harga unjuran pada Oktober hingga Disember pada RM3,079. Ini telah mencetuskan kutipan *windfall tax* minyak sawit dan juga hasil cukai ini akan disalurkan sebahagiannya kembali kepada KPPK untuk meneruskan kelangsungan kepada industri minyak sawit. Untuk makluman, kita menjangkakan akan mendapat sejumlah RM348 juta daripada *windfall tax* berbanding tahun 2019, hanya kita dapat kutip RM256,000 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit telah membangkitkan isu sejauh manakah kesan yang akan diterima oleh Malaysia seandainya Malaysia tidak lagi mengeksport minyak ke negara Kesatuan Eropah. Secara keseluruhannya, Malaysia telah mengeksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke lebih daripada 160 buah destinasi dengan jumlah nilai eksport keseluruhan pada tahun 2019 sebanyak RM64.8 bilion.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia untuk pasaran global bagi tempoh Januari hingga September 2020 adalah berjumlah RM51.8 bilion berbanding RM50.8 bilion pada tempoh yang sama tahun 2019. Itu peningkatan sebanyak 2 peratus.

#### ■1400

Kesatuan Eropah merupakan pasaran kedua terbesar minyak sawit Malaysia. Untuk tempoh Januari hingga September 2020 selepas negara China dengan jumlah minyak eksport minyak sawit sebanyak 2.8 juta tan. Daripada jumlah ini, nilai eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke EU adalah sebanyak RM8.5 bilion berbanding RM8 bilion bagi tempoh sama iaitu Januari hingga September 2019.

Walau bagaimanapun kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan lagi jumlah eksport minyak sawit dan juga produk berasaskan sawit dengan menerokai pasaran baru yang merupakan pengimport bersih minyak dan juga lelemak. Pasaran ini juga telah menunjukkan permintaan mendadak untuk minyak sawit Malaysia, untuk minyak sawit mentah, sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini. Antaranya ialah negara seperti di Asia Tengah, Uzbekistan, Kazakhstan, Turkmenistan dan Kyrgyzstan dan juga di Eropah, Bosnia Herzegovina, Croatia, Romania dan Montenegro. Di Afrika seperti Mauritania, Congo, Madagascar dan Kenya. Di Timur Tengah pula seperti

Algeria, Maghribi, Yaman dan juga Libya dan di Amerika seperti Haiti, Jamaica dan Kepulauan Caribbean.

Yang Berhormat Parit juga membangkitkan isu berkaitan tahap Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Setakat 19 November 2020, sebanyak 88.1 persen atau bersamaan dengan 5 juta hektar lebih daripada 5.9 juta hektar kawasan tanaman sawit di seluruh negara telah mendapat pensijilan MSPO dan *detail*-nya akan saya bekalkan menerusi jawapan bertulis.

Yang Berhormat Seputeh pula membangkitkan isu berkaitan tabung Ses daripada setiap metrik tan jualan minyak sawit untuk tujuan projek penanaman 100 juta pokok hutan dan status projek tersebut serta perjanjian bersama atau MOU antara MPOC dengan Kerajaan Negeri Sabah. Untuk makluman, industri minyak dituduh oleh pelbagai persatuan bukan kerajaan iaitu NGO sebagai pemacu utama penebangan hutan tropika dan kehilangan populasi hidupan liar yang *iconic* seperti harimau, orang utan, gajah Pygmy dan sebagainya.

Sehubungan itu, mulai Januari 2020 industri minyak sawit telah membayar Ses tambahan sebanyak RM1 bagi setiap metrik tan minyak sawit yang dihasilkan. Kutipan Ses ini bertujuan untuk membantu MPOC melaksanakan pelbagai program pemuliharan hidupan liar dan juga perhutanan semula berdasarkan jumlah pengeluaran minyak sawit mentah tahunan Malaysia, kutipan dianggarkan berjumlah RM19 juta pada tahun 2020. Menerusi penubuhan Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia, kita akan laksanakan program ini, *insya-Allah*. MPOC juga telah mengadakan perjanjian MOU dengan kerajaan Sabah untuk melindungi gajah Pygmy. Ini program yang kita akan teruskan.

Yang Berhormat Seputeh juga mencadangkan pengecualian cukai kepada pemain industri yang memberi sumbangan kepada Tabung... *[Tidak jelas]* Untuk makluman, permohonan pengecualian cukai ini akan dilaksanakan menerusi MPOGCF, *insya-Allah* selepas kita mengemukakan dokumen kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Kuala Kedah dan Yang Berhormat Kuala Krai membangkitkan isu berkaitan usaha yang dilaksanakan oleh kementerian bagi menangani isu kekurangan pekerja atau buruh asing di sektor perladangan. Untuk makluman, buat masa ini dasar semasa kerajaan ialah menetapkan bahawa keutamaan penggajian diberikan kepada rakyat tempatan dan penggajian pekerja asing adalah langkah sementara untuk mengisi keperluan pihak majikan dan juga industri.

Menerusi *Malaysian Rubber Council* (MRC), kita telah menyediakan dana khas berjumlah RM36 juta bagi menggalakkan pengambilan dan penglibatan pekerja tempatan di syarikat hiliran getah termasuk juga di industri sarung tangan getah. Dana

ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada pekerja asing serta membantu menyelesaikan masalah kekurangan pekerja khususnya di sektor sarung tangan getah. Selain itu juga, kementerian mewujudkan satu Jawatankuasa Khas Tenaga Kerja di sektor perladangan dan komoditi bertujuan untuk menangani perkara ini.

Yang Berhormat Pasir Salak membangkitkan isu berkaitan teknologi baru menggantikan pekerja atau tenaga buruh di sektor perladangan sawit. Jawapannya adalah kerajaan menyedari bahawa kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor sawit adalah tinggi kerana itu kerajaan menggerakkan usaha menerusi automasi dan mekanisasi dalam industri sawit serta mendukung usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan teknologi terutamanya dalam penuaian sawit. Kita ada pelbagai jentera seperti cantas dan sebagainya yang dapat digunakan untuk tujuan itu.

Yang Berhormat Jempol dan juga Yang Berhormat Parit membangkitkan isu berkaitan baki IPG yang kelewatan, pembayaran IPG kepada penoreh getah. Untuk makluman, kerajaan bersetuju untuk menambahkan lagi peruntukan IPG kepada RM300 juta pada tahun 2021 dan apa yang telah kita laksanakan pada hari ini ialah kita membayar IPG mengikut jadual yang telah ditetapkan berdasarkan keperluan semasa dan juga tuntutan yang dibuat oleh orang-orang kampung, oleh para penoreh getah.

Apa yang kita laksanakan bukan hanya menerusi tuntutan manual, bahkan kita berkempen untuk para pelesen getah ini mengguna pakai satu sistem aplikasi yang kita panggil RRIMniaga untuk membolehkan para pembeli getah ini menggunakan kaedah pembelian secara *online*, yang mana membolehkan para pekebun kecil tidak perlu lagi membuat tuntutan manual kepada tuntutan IPG.

Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Jerantut juga membangkitkan isu berkaitan insentif pengeluaran getah lateks yang terhad kepada Koridor Lateks Pantai Timur sahaja. Untuk makluman, Pelan Pembangunan Koridor Lateks Wilayah yang merangkumi negeri Pahang, Terengganu dan juga Kelantan, kita laksanakan kerana melihat kepada jumlah besar mereka yang terlibat di bidang ini, hampir 44 persen daripada para pekebun kecil penoreh getah ini di Semenanjung berada di tiga negeri ini dan ia melibatkan keluasan hampir 224 ribu hektar.

Insentif pengeluaran lateks ini akan dilaksanakan pada tahun 2021 merupakan projek permulaan bagi Pembangunan Koridor Lateks yang kita jangka dengan nilai RM16 juta kita akan berjaya melaksanakan dua komponen utama iaitu antaranya insentif tunai berasaskan produktiviti melalui lateks dan juga pembinaan 15 buah pusat mengumpul getah lateks dengan mengikuti spesifikasi LGM. Ia akan memberi manfaat kepada lebih 134,000 pekebun kecil di tiga buah negeri tersebut.

Yang Berhormat Setiu membangkitkan isu status getah *crepe*, projek getah *crepe*. Untuk makluman, pusat proses getah *crepe* secara berkelompok ini akan dilaksanakan menerusi koperasi yang ditubuhkan oleh para pekebun kecil getah. Kita telah peruntukkan dana sebanyak RM6 juta untuk projek ini bagi membolehkan koperasi-koperasi ini membeli getah dengan lebih tinggi dan bergerak kepada proses getah *crepe* selepas mereka membeli getah *cup lump*.

Cadangan supaya pinjaman RM500 juta dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh untuk dijadikan sebagai *revolving fund* dan ini memang sedang diusahakan oleh kementerian dengan perbincangan bersama dengan Kementerian Kewangan.

Seterusnya Yang Berhormat Seputeh telah membangkitkan isu mengenai pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Majlis Kayu-kayan Malaysia. Merujuk kepada Artikel 23 Memorandum dan *Article of Association Malaysian Timber Council*, pelantikan CEO MTC adalah di bawah kuasa Lembaga Pemegang Amanah MTC dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Di peringkat kementerian, proses pelantikan jawatan Ketua Pengarah atau CEO ini melalui Jawatankuasa Pemilihan Calon Jawatan Ketua Pengarah, seperti amalan serta garis panduan yang digunakan oleh semua agensi di bawah KPPK. Bagi urusan pelantikan CEO MTC melalui surat bertarikh 13 Oktober 2020 telah mengemukakan kepada kementerian seramai lima orang calon untuk dipilih dan akhirnya pemilihan dibuat kepada pelantikan Encik Muhtar bin Suhaili sebagai CEO yang baharu.

Sebagai makluman, pelantikan CEO MTC daripada latar belakang selain perkayuan bukan pertama kali dibuat. Bahkan sebelum ini, Mr. Richard juga dari sektor bukan perkayuan iaitu sektor perbankan, bahkan juga cadangan calon yang menjadi *acting* kepada CEO iaitu Mr. Wong juga bukan daripada bidang perkayuan bahkan daripada bidang *marketing* ubatan cina.

Berhubung dengan pelantikan lembaga pengarah, mengikut peraturan pelantikan adalah seramai 14 orang dan apa yang dibuat pada hari ini ialah pelantikan seramai 14 orang dengan empat orang lantikan politik, lantikan bebas yang dibuat oleh pihak Menteri. Untuk isu membabitkan kontrak Ketua Pengarah Lada Malaysia...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat – kalau mengikut M&A *Malaysian Timber Council*, Menteri hanya boleh melantik maksimum empat orang. Akan tetapi Menteri sekarang lantik tujuh orang, lebih daripada syarat dalam M&A dan juga termasuk...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Okey, saya bacakan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Setiausaha politik Yang Berhormat Menteri juga dilantik menjadi pemegang amanah MTC.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya jawab sekarang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi kenapa ini bercanggah dengan M&A? Menteri memang tidak boleh buat macam ini.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Duduk dahulu. Jawapannya ialah pelantikan minimum tiga orang dan maksimum 14 orang dan yang kita buat sekarang ialah 14 orang. Itu maksimum dia iaitu:

- (i) Tuan Haji Mazli Zakuan sebagai *Chairman*,
- (ii) Datuk Ravi Muthayah;
- (iii) Mr. Mohd Kheiruddin Mohd Rani;
- (iv) Dato' Mohd Ridza Awang;

Daripada industri ialah:

- (v) Dato' Mok Khiaw Hui, *Malaysian Wood Industry Association*;
- (vi) Mr. Wong Kar Wai;
- (vii) Datuk Chua Hock Gee;
- (viii) Mr. Jos Yap;
- (ix) Mr. Mathew Lau; dan
- (x) Tuan Hj. Hanafee bin Yusoff.

Ini daripada industri.

Lantikan bebas, empat orang. Pertamanya, Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nadzaruddin. Dia adalah orang...

#### ■1410

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya tak perlu tahu nama.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Saya tak habis lagi. Dengar dulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang memang yang Menteri ini tidak boleh melantik lebih daripada empat orang.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Duduk dulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, masa dah habis. Tak payah layan sangat Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Duduk dulu Menteri. You tak faham undang-undang ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya ada soalan penting Yang Berhormat Menteri belum jawab.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Maksimum. Duduk dulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dan juga kenapa yang...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Yang Berhormat Seputeh, duduklah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...MWIA yang nama yang mereka cadangkan itu tidak dilantik...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya nak tanya fasal orang kampung.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Tetapi yang Menteri pergi minta mereka hantar tiga orang calon dan lantik exco sahaja. Yang Berhormat Menteri, saya nak bagi tahu, MWIA ini adalah *founding member*, pengasas MTC yang ahli-ahlinya menyumbang 90 peratus daripada jumlah levi eksport kayu-kayan. Jadi, apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat ini menjadikan pihak industri kayu-kayan sangat tidak puas hati.

Juga, MTIB...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Yang tidak puas hati adalah Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Masih ada lima orang pengarah yang...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Tak puas hati kerana tak menjadi Menteri. Itu sahaja jawapannya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Sepatutnya yang Yang Berhormat Menteri lantik itu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri jawab bertulis...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, biarkan Yang Berhormat Menteri menjawab. Dipersilakan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Yang Berhormat Seputeh tidak akan pernah puas hati dengan jawapan kita. Itu biasalah Yang Berhormat Seputeh. Saya dah maklumkan bahawa tadi, mengikut perundangan, mengikut peraturan ialah...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, bagilah peluang untuk dapat penjelasan kerana kadang-kadang jawapan tidak memadai.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** You tidak terlibat dengan ini, tak perlu cakap. Bagi Yang Berhormat Seputeh sudahlah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya merujuk kepada Tuan Yang di-Pertua, bukan Yang Berhormat Minister.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Saya telah menjawab tadi bahawa...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Harap Tuan Yang di-Pertua berilah peluang.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Menurut peraturan, 14 orang adalah lantikan yang boleh dilantik di bawah peraturan dan 14 orang ini telah dilantik, seperti mana peratusan saya sebutkan tadi, bahawa enam orang daripada industri dan empat lantikan bebas. Empat orang itu, dua orang daripadanya adalah mereka yang terlibat di bidang perkayuan sendiri iaitu Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nadzaruddin dan juga Mr. Richard. Tidak ada sebarang salah laku dalam pelantikan ahli lembaga pengarah. Adapun melantik siapa yang dalam pelantikan ini, itu adalah bergantung kepada nama yang dihantar. Saya minta tiga nama dan saya pilih salah satu daripada yang tiga itu sebagaimana mengikut peraturan.

Terakhir...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri ini sebab tak jawab soalan saya dan dah habis waktu ini.

Pertama, mengucapkan terima kasih kerana dapat melonjakkan harga sawit. [Tepuk] Akan tetapi saya ingin bertanya, bagaimana dengan harga getah, koko, kenaf, kayu, lada hitam?

Soalan kedua ialah geran tanam semula sawit dan getah yang dimansuhkan oleh Yang Berhormat Seputeh itu, harap dikembalikan dalam bentuk geran dan bukan dalam bentuk pinjaman yang dibuat oleh Yang Berhormat Seputeh. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman sahabat saya Yang Berhormat Pontian, saya dah jawab daripada awal lagi tadi dan saya akan beri yang bertulis pula. *Insya-Allah*. Semua sudah dijawab tadi.

Terakhir untuk Yang Berhormat Seputeh, tentang isu penamatan Ketua Pengarah Lembaga Lada Malaysia. Ya, kita tamatkan perkhidmatan beliau setelah kita beri dia peluang untuk bertugas dari bulan Mac sampailah ke bulan ini. Berdasarkan kepada peruntukan dalam Lembaga Lada Malaysia, iaitu kerajaan boleh pada bila-bila masa memberhentikan perkhidmatan pegawai dengan memberi notis secara bertulis seperti yang diperuntukkan dalam jadual perjanjian kontrak atau dengan membayar kepada pegawai satu bulan gaji sebagai ganti notis tanpa memberi apa-apa alasan. Jadi, apa yang berlaku ialah...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini penyalahgunaan kuasa, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau seseorang pegawai itu tidak...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, tolong.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Memang ini Menteri tak buat betul. Kalau pegawai tak jalankan...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, tolong. Habiskan menjawab, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Okey. Yang Berhormat Seputeh, kalau tak ikut peraturan, sila bawa ke mahkamah Yang Berhormat ya. Tidak ada masalah.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Seputeh Menteri, RM300 sahaja harga.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Berdasarkan peraturan, kita telah menamatkan perkhidmatan beliau dan beliau akan dibayar satu bulan gaji sebanyak RM29,124.95....

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Seputeh RM300 sahaja. Sekarang RM300 lebih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** ...Dan duit ganjaran bagi penamatkan kontrak bernilai RM58,912 yang kesemuanya berjumlah RM88,037. Ini adalah sebagai sebulan gaji dan juga ganjaran...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akan tetapi, kontrak Ketua Pengarah MPB itu berakhir pada...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong. Yang Berhormat minta kebenaran dulu. Yang Berhormat Menteri, masa dah tamat.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya. Terakhir, saya rasa Yang Berhormat Seputeh tak faham undang-undang. Itu sahaja isunya. Kalau dia baca kontrak dan dia faham kontrak, dia tak timbul isu perkara ini. Ini masalah meroyan daripada Yang Berhormat Seputeh...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya sudah baca Akta MPB. Itu sebab saya tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah tamat ya.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Terima kasih atas...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Apa yang Yang Berhormat...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, masa dah tamat.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Akhir sekali, masa yang ditunggu-tunggu, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Dengan izin, Cameron Highlands, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Dengan izin, Cameron Highlands ingin menyatakan sedikit perkara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman, beberapa hari lepas, seorang wira negara telah gugur. Pengorbanan beliau tidak dapat dibayar dengan wang. Satu pengorbanan yang amat tinggi, pengorbanan nyawa. Dengan itu, saya ingin mencadangkan, memandangkan ramai kita di dalam Dewan ini, untuk menunjukkan keprihatinan kita kepada mereka yang bergadai nyawa untuk menjaga keselamatan negara kita, kita bertafakur seminit tanda hormat.

Keduanya, saya ingin menjelaskan, saya di luar melihat polemik begitu berbeza tentang kejadian. Ada yang bercerita begini, ada yang bercerita begitu termasuk juga Ahli-ahli Parlimen. Dengan izin, boleh saya memohon Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya menceritakan sedikit apa yang berlaku di medan? Beberapa minit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini kerana sekarang tidak ada dalam *list* hari ini...

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Saya memohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi, sebenarnya saya telah menerima usul-usul untuk membincangkan perkara tersebut secara spesifik, *urgent* dan *public interest*.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Ini pun *public interest*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sedang mempertimbangkan usul-usul tersebut ya, Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf. Saya sedang mempertimbangkan usul-usul tersebut. Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

## 2.17 ptg.

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang amat penting ini. Tidak kurang daripada 62 Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian untuk membahaskan isu-isu berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 Kementerian Kewangan.

Penghargaan ikhlas juga daripada saya kepada semua yang telah memberi cadangan dan pandangan, syor dan rujukan serta idea dan teguran. Hari ini saya akan menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat susulan perbahasan yang telah berlangsung.

Pertamanya, izinkan saya menjawab satu soalan hakiki yang sering berbangkit di dalam Dewan ini, apakah sebenarnya tujuan Belanjawan 2021 ini? Pelbagai pihak mempunyai persepsi yang berbeza tentang belanjawan ini. Realitinya, Belanjawan 2021 adalah tidak lain dan tidak bukan dirangka untuk kelangsungan hidup rakyat dan ketahanan ekonomi negara. *It is COVID-19 budget, a budget for survival and resilience,* dengan izin.

Terciptanya belanjawan ini adalah untuk memelihara kesejahteraan rakyat daripada segi kesihatan dan kehidupan agar rakyat negara kita mampu menghadapi cabaran-cabaran ekoran wabak COVID-19 bukan hanya ketika menghadapi gelombang ketiga ini, tetapi juga bersedia bagi pertumbuhan selepas mengatasi COVID-19 nanti, *insya-Allah.* Melalui Belanjawan 2021, kita mahu membina ketahanan atau *resilience* supaya rakyat dapat melangkah ke masa depan yang lebih cerah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dua minggu perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini, jelas sekali ada beberapa isu yang mendapat perhatian Ahli Dewan Rakyat. Secara amnya, isu-isu yang berkisar merentasi tiga kategori utama. Pertama, bantuan yang menambah aliran tunai rakyat dan perniagaan. Kedua, bantuan kewangan langsung. Ketiga, mewujudkan pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran.

Sehubungan itu, saya akan menstrukturkan penggulungan seperti berikut. Saya akan bermula dengan menjawab soalan berdasarkan tiga perkara di atas yang merangkumi isu moratorium, KWSP, bantuan langsung serta isu pekerjaan dan PKS. Kemudian, saya akan mengulas mengenai ekonomi dan unjuran pertumbuhan. *Insya-Allah,* saya akan mengakhiri penggulungan dengan mengulas peruntukan berkaitan kesihatan.

Berbalik kepada isu *survival* rakyat, saya tidak mahu berdolak-dalik dan berpusing-pusing. Maka, marilah kita berbicara tentang isu moratorium dan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang daripada 36 Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soalan-soalan berkaitan moratorium. Isu-isu utamanya adalah sama ada moratorium wajar dibuat secara pukal atau bersasar. Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Labuan telah mencadangkan agar kerajaan melanjutkan moratorium selama enam bulan secara pukal.

#### ■1420

Pertamanya, saya menegaskan bahawa moratorium pinjaman bank bukan hanya untuk sebilangan kecil rakyat. Moratorium ini tersedia untuk semua rakyat Malaysia yang terkesan tidak kira sama ada daripada golongan B40, M40 atau T20. Semuanya layak mendapat bantuan dalam bentuk penangguhan, pengurangan dan penjadualan semula pinjaman. Golongan B40 mendapat lanjutan moratorium bank secara automatik. Golongan peniaga kecil mendapat lanjutan moratorium bank pun secara automatik. [Tepuk] Golongan M40 pula hanya perlu membuat *self-declarations* atau pengisyhtaran sendiri tanpa perlu dokumen dan sebagainya. [Tepuk]

Bagi rakyat yang tidak tergolong dalam segmen-segmen di atas, mereka masih boleh mendapatkan moratorium dengan memohon kepada pihak bank masing-masing. Prinsip utama di sini adalah tanggungjawab dan keadilan. Adakah adil mereka yang kaya dan lebih dari mampu untuk membayar hutang diberikan moratorium? Bukankah lebih baik mereka membayar hutang supaya duit masuk ke sistem perbankan untuk menjana lebih banyak pinjaman khususnya kepada perniagaan dan industri yang menampung dan mencipta pekerjaan untuk rakyat? [Tepuk] Ini adalah sebabnya mereka yang mampu wajar membayar balik pinjaman mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga membangkitkan jika moratorium diberi secara pukal akan ada *multiplier effect* kerana komponen kepenggunaan meningkat. Saya memahami cadangan ini, namun ada beberapa pertimbangan lain yang saya terpaksa buat.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, boleh Kuala Selangor mencelah...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Antaranya...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Awal? Sebentar sahaja.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Bagi saya habis.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Satu minit sahaja untuk Yang Berhormat Menteri jelaskan sebab ini tidak ada dengan isu-isu yang lain. Saya mendengar dengan tekun...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagi habis dahulu.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya mendengar dengan tekun penegasan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagi habis dahulu...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Yang dibuat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Moratorium.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Penegasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa ini adalah sekali gus merupakan bajet COVID-19 untuk kelangsungan *survival* rakyat dan daya tahan ekonomi negara. Saya ingin tanya segera untuk dijawab, Belanjawan 2020 memperuntukkan sektor kesihatan sebanyak RM30.6...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini moratorium lah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Belum sampai lagi yang itu.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...10.3 peratus.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa bodoh sangat ini?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Kewangan. Yang Berhormat Menteri dengar ya. Sebanyak 10.3...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Cuba belajar sabar.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Peratus adalah...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tunggu dahulu.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Peruntukan untuk sektor kesihatan tetapi kali ini...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak payah jawab lah itu belum sampai lagi.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Hanya 9.9 peratus. Yang Berhormat Menteri Kewangan sila jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan itu kemudian. Biar saya habiskan moratorium. *[Tepuk]*

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, jangan lupa.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Nanti saya akan jawab, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sehubungan dengan pakej PRIHATIN, Malaysia menjadi negara pertama di dunia di mana institusi perbankannya telah memberikan moratorium automatik kepada semua peminjam bank dan nilai yang dianggarkan ialah lebih kurang RM100 bilion untuk enam bulan. Setelah tamatnya moratorium automatik, Bank Negara Malaysia bersama institusi perbankan telah melanjutkan program moratorium dan bantuan bayaran balik pinjaman bermula Oktober 2020. Lebih 700,000 permohonan telah diterima dan daripada jumlah itu 98 peratus peminjam telah menerima bantuan moratorium.

Dalam Belanjawan 2021 pula, bantuan ini ditambah baik lagi. Sekali buat golongan B40, PKS mikro dan M40 yang terkesan seperti yang disebutkan tadi. Ini selaras dengan saranan Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Kuala Kedah agar sokongan diberikan kepada golongan-golongan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Bank Negara, pada bulan Oktober sekitar 85 peratus peminjam bank telah menyambung semula bayaran balik pinjaman mereka. Namun, kerajaan sedar masih ada kebimbangan membiayai hutang disebabkan penularan wabak COVID-19. Oleh itu, bergerak ke hadapan kerajaan memberi komitmen akan terus mengadakan libat urus bersama institusi perbankan. *[Tepuk]* Bersama-sama kami akan memastikan ketersediaan untuk membantu rakyat dan perniagaan sekiranya keadaan bertambah mencabar. Ahli-ahli Yang Berhormat, sehubungan dengan ulasan saya ini, saya berharap isu pelanjutan moratorium mendapat sokongan semua.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan penggulungan dengan isu hangat yang kedua, KWSP.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Minta jalan, moratorium. Terima kasih. Saya memang faham itu rasionalnya diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan moratorium yang dinyatakan tadi. Akan tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri pun sedar bahawa penerima faedah daripada moratorium peringkat pertama adalah sebanyak lapan juta orang iaitu termasuk syarikat-syarikat Malaysia.

Akan tetapi sekarang telah pun dikurangkan kepada 650,000 orang. Itu tidak sampai 10 peratus pun. Sekiranya kita hendak buat secara bersasar, takkan kurangkan 90 peratus? So, bolehkah kalau kurang pun lapan juta jadi enam juta supaya kita boleh benar-benar bantu mereka yang memerlukan moratorium. Itulah sebabnya kita

cadangan dilanjutkan sehingga 31 Mac supaya rakyat Malaysia biasa dan juga syarikat biasa dapat menerima faedah. Sekiranya yang disebut 700,000 yang pohon, saya rasa kena buat kajian mengapa ada hampir lebih tujuh juta tidak mohon. Tidak munasabah langsung. So, itulah sebabnya kita berharap bahawa perkara ini harus diberikan penekanan supaya yang memerlukan bantuan dapat bantuan dan tidak dihalang oleh keranah birokrasi yang timbul. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 30 ringgit.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan moratorium Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pertamanya, kita ucapkan terima kasih kerana SME, B40 secara automatik dan M40, isytihar tanpa dokumen. Segala proses birokrasi ini kita harap supaya ditiadakan supaya lebih ramai akan mendapat. T20 misalnya, mereka dibuang kerja. Adakah termasuk dalam orang yang akan menerima moratorium? *Pilot* dimasukkan T20 tetapi kita tahu ramai *pilot* yang dibuang kerja. Kita harap mereka yang T20 tetapi yang terjejas sebegini rupa juga diberi. Syarikat besar yang ada ratusan ataupun ribuan pekerja misalnya mungkin dia tidak terlibat dalam moratorium tetapi kalau kita bagi moratorium, syarikat besar yang mungkin tutup itu boleh dibuka semula dan memberi pekerjaan kepada rakyat. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Bolehkah Yang Berhormat, satu soalan? Sini Beaufort. Ada rakyat yang merasa bimbang bahawa permohonan untuk moratorium ini susah katanya banyak dokumen yang diperlukan. Bolehkah kementerian membantu dalam hal ini?

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulang lagi sekali ini. Ini rayuan daripada pengusaha-pengusaha bas, ada kereta semua ini. Anak-anak muda di kampung, motosikal sudah mula hendak ditarik. Apakah jaminan kerajaan untuk memastikan *credit finance* juga boleh memberikan moratorium ini?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, terima kasih. Saya jawab Yang Berhormat Bagan dahulu.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Menteri...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Mengenai...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sebelum Yang Berhormat Bagan...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Yang Berhormat Bagan. Mengenai soalan Yang Berhormat Bagan, kita memang memerhati, memantau keadaan semasa di mana lebih kurang 700,000 sudah memohon tetapi golongan B40 dan M40 masih lagi *qualify* untuk moratorium ini.

Untuk soalan mengenai golongan B40 dan M40 hendak mempermudah lagi proses ini, proses ini telah dipermudahkan di mana kalau golongan B40 ataupun mikro

PKS akan dapat kelulusan daripada pihak bank dalam masa 24 jam. Tidak perlu dokumen. [Tepuk] Ini secara automatik, buat permohonan tidak perlu ada dokumen. Keduanya untuk golongan M40, dia kena buat *self-declaration*. Di sini juga tidak perlu ada dokumen, kelulusan akan diberikan dalam tempoh masa satu hingga lima hari. [Tepuk]

Mengenai komitmen kepada syarikat-syarikat— ini Yang Berhormat Tanjong Karang. Ketika ini tidak ada akta spesifik bagi menyelia aktiviti kredit pengguna pada masa ini di mana aktiviti kredit pengguna terletak di bawah bidang kuasa kementerian dan agensi berkaitan tertakluk kepada beberapa undang-undang contohnya Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Akta Sewa Beli 1967, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, Akta Peminjam Wang 1951 dan Akta Koperasi 1993.

Jadi sehubungan dengan itu, semasa pembentangan Belanjawan 2021 kerajaan telah mengumumkan penggubalan Rang Undang-undang Kredit Pengguna bagi memastikan semua peminjam menerima layanan yang adil semasa berurusan dengan pemberi kredit sama ada pemberi kredit bank ataupun bukan bank serta memastikan perlindungan pengguna ke atas semua pemberi kredit termasuk peruntukan berhubung dengan pendedahan maklumat penting produk kredit, terma dan syarat pinjaman yang adil, penilaian kemampuan kewangan, bantuan pengurusan hutang dan mekanisme penyelesaian pertikaian.

Agensi pemberian kredit di bawah— bukanlah pada masa inilah— bukanlah di bawah seliaan Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, kerajaan komited untuk berbincang dengan agensi pemberian kredit ke arah mencari penyelesaian yang baharu bagi isu moratorium yang akan memberi penyelesaian, memberi manfaat *win-win* kepada peminjam dan agensi pemberian kredit ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggulung dengan isu hangat kedua seperti yang saya sebutkan tadi mengenai KWSP. Isu ini telah diulas dengan mendalam dalam Dewan ini oleh tidak kurang daripada 15 orang Ahli Yang Berhormat.

#### ■1430

Di sini, ingin saya tegaskan satu hakikat KWSP telah ditubuhkan pada tahun 1951 untuk simpanan persaraan ahli-ahlinya. Justeru, majoriti caruman akan dilaburkan dalam instrumen pelaburan jangka panjang dan bukan dalam bentuk tunai.

Oleh sebab itu, setiap pengeluaran luar jangka yang sebegini memerlukan perincian dan pertimbangan yang rapi. Segala isu yang berkaitan Akaun 1 KWSP berbalik kepada mencari satu titik keseimbangan di antara dua *mainstream* untuk rakyat. Dengan izin, *this is about finding the right balance between fulfilling two different*

*needs of the members.* Pertama, pengeluaran untuk kelangsungan hidup hari ini dan kedua menjamin kesejahteraan persaraan masa depan.

Ramai yang mahukan pengeluaran berjumlah besar secara *one-off*. Saya telah mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Bagan Datuk yang memperjuangkan agar keperluan hari ini didahulukan.

**[Tepuk]**

Saya juga dengar suara-suara rakyat di media sosial yang menyatakan kesusahan hidup mereka dan ingin mengeluarkan wang KWSP mereka. Akan tetapi, media juga ada melaporkan bahawa ramai yang gusar dividen dan pertumbuhan dana KWSP mereka akan terjejas disebabkan oleh pengeluaran besar-besaran oleh ahli-ahli lain.

Namun pada bulan Mac tahun ini disebabkan oleh keadaan yang luar biasa. Kerajaan inilah yang pertama sekali membenarkan pengeluaran daripada Akaun 2 KWSP. **[Tepuk]** Melalui Program i-Lestari, seramai 4.7 juta orang rakyat dibenarkan mengeluarkan simpanan Akaun 2 hingga RM6,000. Sewaktu itu, mungkin Ahli Yang Berhormat sudah lupa, tetapi kerajaan dikritik keras kerana mengadakan inisiatif ini. Saya nyatakan perkara ini untuk menegaskan bahawa kerajaan responsif dan akan bertindak jika langkah itu wajar demi kebaikan rakyat tanpa mengabaikan tanggungjawab lain.

Pada 6 November, Program i-Sinar diperkenalkan yang mana KWSP telah membenarkan seramai 600,000 orang ahli mengeluarkan sehingga RM6,000 dari Akaun 1. Ini kemudiannya ditambah baik apabila KWSP mengumumkan skop kelayakan diperluaskan kepada seramai 2 juta orang ahli yang aktif kini boleh mengeluarkan sehingga RM9,000 atau RM60,000 daripada Akaun 1 bergantung pada terma dan kelayakan.

Namun kerajaan terus peka kepada rungutan ahli dan cetusan pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri syarat-syarat yang terlalu ketat. Contohnya, ahli yang sudah mencarum beberapa tahun tetapi masih mempunyai simpanan namun tidak layak untuk membuat pengeluaran daripada Akuan 1. Ada pula ahli yang tidak hilang pekerjaan tetapi gaji, elauan atau *overtime* telah dipotong dengan ketara hingga menjelas kemampuan mereka menampung perbelanjaan diri dan keluarga. Mereka juga merungut kerana tidak layak memohon.

Kerajaan mendengar semua ini. Seperti yang saya sebut setiap langkah melibatkan pengeluaran KWSP perlu dilakukan dengan penuh tanggungjawab kepada amanah yang dipikul adalah untuk semua ahli. Baik mereka yang mahu mengeluarkan dan juga bagi ahli yang tidak mahu. Akhirnya, adalah tanggungjawab kerajaan untuk

mencari titik keseimbangan antara keperluan hari ini dan keselamatan persaraan untuk hari esok.

Justeru, setelah saya berbincang lanjutan dengan pengurusan KWSP pagi tadi. Sukacita dimaklumkan, diumumkan bahawa Program i-Sinar ini dibuka dan diperluaskan kepada semua ahli yang terjejas pendapatan mereka. [Tepuk]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tidak kira sama ada disebabkan hilang pekerjaan ataupun telah terkurang pendapatan mereka tahun ini. Ahli tersebut layak memohon untuk membuat pengeluaran daripada Akaun 1. [Tepuk]

Tanpa mengira sama ada ahli-ahli tersebut bekerja sektor formal atau bekerja sendiri. Tanpa mengira ahli aktif mencarum atau tidak. Selagi terjejas pendapatan dengan ketara bolehlah mengeluarkan simpanan daripada Akaun 1 KWSP. Daripada 2 juta orang ahli yang layak sebelum ini, Program i-Sinar kini buka kepada lebih 8 juta orang ahli. [Tepuk]

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih, Menteri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Gol!

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tambahan pula, setiap ahli yang sebelum ini dibenarkan mengeluarkan sehingga RM9,000 kini boleh mengeluarkan RM10,000. [Tepuk]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Wah! Terima kasih, terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Mereka cuma perlu memohon dalam talian atau hadir di mana-mana pejabat KWSP. Tunjukkan sahaja bukti mengenai kehilangan pekerjaan, notis, cuti tanpa gaji, potongan gaji, elaun, atau OT, mahupun pengurangan pendapatan jika bekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mendukung semangat kerajaan prihatin rakyat kita sentiasa meneliti rapat perbahasan dalam Dewan ini yang mana Ahli Yang Berhormat semua merupakan denyut nadi suara akar umbi.

Sehubungan dengan ini, saya ingin berkongsi beberapa pengumuman dan berita baik yang sekali gus menjawab beberapa soalan yang telah berbangkit ketika sesi perbahasan. Pertama, adalah berkaitan bantuan khas kewangan petugas barisan hadapan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, maaf saya...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun penularan wabak COVID-19 semakin membimbangkan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit, penting. Terima kasih, bagi pihak kita semua. Terima kasih kerana mendengar denyut nada dan nadi rakyat. KWSP ini sebanyak RM870 bilion wang caruman. Daripada segala inisiatif yang dibuat, daripada sejumlah RM870 bilion itu, berapa agaknya nilai terlibat? Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Sebenarnya yang terlibat ialah lebih kurang RM70 bilion. *[Tepuk]*

Pertama, adalah berkaitan bantuan khas kewangan petugas barisan hadapan. Tuan Yang di-Pertua,...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Mohon penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebelum pergi ke tajuk lain. Mohon penjelasan tentang KWSP.

Dalam perbahasan, saya tanyakan tentang *the balance* iaitu memastikan penggunaan pengeluaran dapat juga diganding dengan simpanan yang harus digunakan oleh rakyat pada masa hadapan.

Akan tetapi, Yang Berhormat tidak menjelaskan apakah langkah-langkah yang akan diperkenalkan oleh kerajaan memandangkan majoriti pencaruman dalam KWSP ini simpanan kurang daripada RM10,000 dalam Akaun 1?

Jadi, bagi mereka contohnya yang mempunyai gaji dan simpanan yang tinggi tidak bermasalah. Jadi, saya masih lagi mahukan kerana pendirian saya dalam perbahasan KWSP ini– *[Dewan riuh]*

Sabar-sabar, lepas ini boleh undi. KWSP ini merupakan simpanan yang harus digunakan sebagai *the last resort*. Jadi, saya mohon kerana ini pendirian saya, apakah langkah-langkah yang akan diperkenalkan oleh kerajaan untuk menjaga bukan sahaja pekerja yang ada simpanan tinggi tetapi simpanan yang begitu kecil digandingkan juga dengan pelebaran *social security net*? Saya mohon, terima kasih Yang Berhormat.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi, jumlah aset *under management* dengan izin lebih kurang sebanyak RM900 bilion. Buat masa ini sebenarnya sejumlah RM960 bilion.

Di sini kita ada membuat peruntukan dan *scenario sensitivity analysis*, yang mana seperti yang saya sebut tadi kita telah mempertimbangkan dengan secara terperinci sama ada kita boleh membenarkan rakyat Malaysia yang terkesan ini mengeluarkan wang daripada Akaun 1.

Daripada analisis kita, baru pagi ini saya siapkan analisis itu selepas satu minggu berbincang dengan KWSP. Ini tidak akan menjaskan dividen ataupun *return* kepada KWSP. *[Tepuk]* Akan tetapi, dapat menolong ramai kerana totalnya adalah lebih kurang sebanyak RM70 bilion seperti yang saya sebut tadi.

Saya hendak bercakap sikit fasal tambahan bantuan khas kewangan petugas-petugas barisan hadapan. Tuan Yang di-Pertua, walaupun penularan wabak COVID-19 semakin membimbangkan petugas barisan hadapan kita tetap kental memberi perkhidmatan penuh jitu demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Melalui ucapan Belanjawan 2021, kerajaan telah mengumumkan bantuan khas *one-off* kepada petugas barisan hadapan kesihatan sebanyak RM500. Sepanjang perbahasan saya telah mendengar cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen seperti Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Lembah Pantai sendiri dan Yang Berhormat Jelutong...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat boleh minta penjelasan sikit?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Mengenai perlunya mempertimbangkan bantuan khas untuk barisan hadapan yang lain yang turut bertugas dengan penuh dedikasi dan komitmen.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Justeru, ingin saya umumkan – Sekejap ya, dengan kerajaan bersetuju untuk memanjangkan bantuan khas secara *one-off* kepada semua petugas barisan hadapan yang lain sebanyak RM300. *[Tepuk]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, *frontliners* ini juga termasuk polis, RELA, dan sebagainya?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, saya hendak ulang sekali lagi ya. Sepanjang perbahasan saya telah mendengar cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen seperti Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Jelutong yang mengenai perlunya pertimbangkan bantuan khas ini untuk barisan hadapan yang lain yang turut bertugas dengan dedikasi dan komitmen. Ini termasuk pegawai polis dan tentera dan sebagainya.

Jadi, saya ingin mengumumkan pada hari itu belanjawan kita hanya memberi sebanyak RM500 bantuan *one-off* kepada Kementerian Kesihatan tetapi kita telah memperluaskan lagi dan memberi bantuan ini kepada semua petugas barisan hadapan yang lain RM300. *[Tepuk]*

■1440

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Kedua, kerajaan telah mencadangkan Program e-Belia sebanyak RM50 secara *one-off* ke dalam...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai, soalan berkaitan dengan *frontliners* tadi. Maaf, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, dua soalan. Pertama, bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan supaya tidak ada kekeliruan siapakah yang dimaksudkan dengan *frontliners* ini adakah termasuk contohnya, mereka yang terlibat sebagai *cleaners* di hospital. Kedua, adakah Yang Berhormat Menteri boleh memastikan dari segi permohonan itu...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Dengarlah dahulu.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Kita kurangkan *red tape* yang dihadapi kerana ini di antara rungutan nada dan nadi *frontliners*. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Yes, ya. Ini termasuk polis, RELA, tentera, pegawai imigresen, NADMA ini semua *basically* dengan izin, semua yang diperakukan oleh NADMA akan dapat. Mengenai proses itu, saya harap kita sudah belajar daripada masa lepas. Kita akan memastikan prosesnya lebih baik buat masa ini.

Saya hendak cakap sedikit mengenai Program e-Belia. Ini banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga. Ini semasa saya berucap pasal belanjawan, sebanyak RM50 secara *one-off* dalam akaun *e-wallet* bagi mereka yang berumur 18 tahun hingga 20 tahun dijangka akan memanfaatkan lebih 1.5 juta orang belia. Yang Berhormat Menteri Pengajian juga berpandangan agar keperluan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi diteliti oleh Kementerian Kewangan.

Oleh itu kita mengambil kira permintaan dari Ahli Parlimen seperti Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Muar juga untuk membantu mahasiswa di IPT dan IPTS dalam konteks norma baharu. Kerajaan bersetuju untuk menambah baik program e-Belia seperti pertamanya meningkatkan jumlah e-Belia daripada RM50 kepada RM100. *[Tepuk]* Kedua, memanjangkan inisiatif ini kepada 1.1 juta mahasiswa di IPT dan IPTS termasuk yang berumur lebih daripada 20 tahun. *[Tepuk]*

Ketiga, ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Serian, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Kota Kinabalu telah menyarankan supaya ditambahkan peruntukan kepada kerajaan negeri terutamanya Sabah bagi membantu usaha menangani wabak COVID-19.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan melalui...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri boleh sedikit Yang Berhormat Menteri?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) pada 26 Oktober lalu, telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM50 juta kepada negeri Sabah khususnya untuk memerangi pandemik COVID-19. [Tepuk]

Selain itu peruntukan sebanyak RM44 juta juga telah digunakan oleh Kementerian Kesihatan dalam membendung gelombang wabak di negeri Sabah. Pada hari ini, sebagai langkah susulan memerangi COVID-19 di negeri Sabah, suacita diumumkan bahawa Kementerian Kewangan akan menyalurkan dana tambahan berjumlah RM50 juta lagi untuk negeri Sabah pada bulan Disember 2020. [Tepuk]

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Terima kasih, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabas kerana memberikan peruntukan tambahan kepada Sabah. Namun saya rasa peruntukan tambahan juga perlu diberikan kepada semua kerajaan negeri di Malaysia ini. Saya telah sarankan... [Dewan riuh] ...sebenarnya saya telah sarankan agar setiap kerajaan negeri diberikan satu dana khas pengurusan COVID-19 sebanyak RM100 juta setiap negeri. Oleh sebab kita bukan sahaja...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sokong bajet dahulu baru kita timbang.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Membangkitkan isu kesihatan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sokong bajet dahulu.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** ...Tetapi juga kerajaan perlu mengendalikan isu-isu ekonomi pasca COVID-19. Terima kasih.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Sokong bajet atau tidak itu?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jikalau ada tambah lagi. [Tepuk]

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan Persekutuan telah menyediakan pelbagai dana dan bantuan bagi menangani krisis COVID-19 di seluruh negara. Melalui penyaluran kepada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM235 juta kepada semua kerajaan negeri bagi tujuan bantuan perbelanjaan berkaitan COVID-19 termasuk penyelenggaraan infrastruktur yang perlu. Peruntukan ini telah disalurkan kepada kerajaan negeri melalui Kumpulan Wang COVID-19. Selain itu, sejumlah RM427 juta tambahan – peruntukan juga telah disediakan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Kerajaan

berpandangan peruntukan-peruntukan berkaitan perbelanjaan COVID-19 ini perlu dipusatkan di bawah NADMA bagi memastikan bantuan yang diberikan adalah secara menyeluruh dan jentera Kerajaan Persekutuan dan negeri dapat bergerak dengan lebih cekap dan berkesan.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan yang mendesak, kerajaan komited untuk menyediakan peruntukan tambahan yang diperlukan seperti yang telah kita umumkan untuk Sabah. [Tepuk]

Keempat, ini semasa pembentangan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020, saya telah mengumumkan inisiatif pemberian *one-off* sebanyak RM500 kepada 40,000 pesara polis yang menerima Pingat Jasa Pahlawan Negara. Namun begitu, setelah mengambil kira cadangan oleh Persatuan Bekas Polis Malaysia, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan bersetuju bagi meluaskan lagi kategori penerima pemberian *one-off* tersebut kepada kategori pesara dan bekas polis. [Tepuk] Ini implikasi penerima tambahan adalah dianggarkan seramai 40,000 orang lagi. Ini menjadikan jumlah penerima pemberian *one-off* seramai 80,000 orang dengan anggaran implikasi kewangan sebanyak RM40 juta.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Menteri, saya Jempol, Jempol.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Yang Berhormat Jempol, okey.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bantuan *one-off* ini termasuk atau tidak kepada mereka yang terkesan akibat banjir baru-baru ini kebanyakan petani tidak lagi dapat membuat projek tanaman kerana rosak teruk. Adakah mereka ini juga termasuk dalam bantuan *one-off*.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sektor pertanian ini, memang merupakan penyumbang asas kepada pembentukan ekonomi Malaysia dalam menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat kepada rakyat. Sektor pertanian tidak pernah dipinggirkan oleh kerajaan, malah sentiasa menjadi agenda utama dalam memastikan pengusaha-pengusaha yang terlibat dapat meningkatkan taraf hidup dan membantu menambah pendapatan.

Sehubungan dengan itu, seperti yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Yang Berhormat Baling untuk menyediakan dana bantuan khas pesawah yang dilanda banjir. Kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM80 juta untuk Tabung Bencana Pertanian. [Tepuk]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih, terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Bantuan khas ini dapat memanfaatkan petani yang terdiri daripada pesawah, nelayan dan pengusaha akuakultur, pekebun dan penternak yang mengalami kehilangan pengeluaran hasil tanaman kesan dari bencana alam.

Nelayan juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pembangunan dan ekonomi industri perikanan selain membantu bekalan makanan negara sentiasa mencukupi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan elauan sara hidup nelayan daripada RM250 kepada RM300 sebulan yang memanfaatkan lebih daripada 40,000 nelayan.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sik, kenaikan tersebut wajar dipanjangkan kepada nelayan darat. Dengan itu, kerajaan juga mencadangkan kenaikan kepada kadar elauan sara hidup nelayan darat daripada RM200 kepada RM250 bagi 3,400 orang nelayan darat yang berdaftar. [Tepuk]

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ketujuh...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri Kangar, boleh? Kangar hendak mencelah, minta penjelasan, boleh? Boleh ya, Kangar, Kangar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Kangar hendak sokong itu, Yang Berhormat Kangar hendak sokong.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Okey, dalam perbahasan saya, saya ada menyebut sebab berasaskan dokumen kita daripada tiga tahun lepas. Peruntukan untuk subsidi dan bantuan sosial kita telah berkurang lebih kurang dalam RM3.5 bilion. Pada hari ini, Yang Berhormat Menteri mengumumkan banyak pindaan terhadap angka-angka dan jumlah penerima. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh bagi satu salinan berapakah pindaan sebab ia melibatkan jumlah belanjawan yang lebih besar dan saya minta penjelasan. Pengurangan ini di mana untuk subsidi dan juga bantuan sosial itu.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Berkaitan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya jawab Yang Berhormat Kangar dahulu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Selepas itu Baling.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Okey. Selepas itu Setiawangsa.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Bagi saya jawab ya, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Kangar perbelanjaan sebenar subsidi bantuan dan insentif bagi tahun 2019 ialah sejumlah RM23.9 bilion. Seperti yang telah dilaporkan dalam Buku Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2021, itu untuk tahun 2019. Manakala bagi tahun 2020, sejumlah RM20.1 bilion diperuntukkan dan jumlah ini sebenarnya tidak termasuk bantuan-bantuan yang disalurkan melalui Kumpulan Wang COVID-19 yang merangkumi Bantuan PRIHATIN Nasional, tambahan Bantuan Sara Hidup, bantuan kepada golongan muda yang terjejas seperti OKU dan ibu tunggal serta bantuan tunai kepada pemandu teksi dan lain-lain yang berjumlah RM16.4 bilion yang menjadikan perbelanjaan subsidi, bantuan dan insentif bagi tahun 2020 adalah terbesar dalam sejarah Malaysia RM36.5 bilion. [Tepuk]

Bagi tahun 2021 pula, hanya RM19 bilion diperuntukkan di bawah perbelanjaan mengurus. Kerajaan perlu mengimbangi belanjawan antara keperluan dan kemampuan untuk menampung keperluan OE disebabkan oleh pengurangan hasil kerajaan akibat penularan wabak COVID-19.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri berkaitan, Setiawangsa.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri sikit lagi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Baling dahulu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya setuju dengan apa Yang Berhormat Menteri jawab, cuma saya hendak tahu dekat mana yang dikurangkan itu?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, nanti saya...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri.

#### ■1450

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengalu-alukan beberapa respons Yang Berhormat terhadap komen yang telah diberikan oleh Ahli Parlimen dalam perbahasan.

Cuma saya hendak tahu, kalau dahulu ketika kita berhadapan dengan *global financial crisis*, defisit kita berbanding KDNK ialah sebanyak 6.7 peratus. Kalau ikut unjuran asal untuk tahun 2021 ialah 5.4 peratus. Jadi, kalau tidak sekarang tetapi di hujung ucapan, boleh berikan apakah unjuran defisit berbanding KDNK memandangkan kita berhadapan dengan situasi yang sangat luar biasa dengan COVID-19?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, Baling Yang Berhormat Menteri. Baling, boleh? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini kalau kita tengok kalau ada pertandingan bola sepak, Yang

Berhormat sudah skor lima gol sudah, *alhamdulillah*. Ini adalah satu perkara baik demi kelangsungan kesejahteraan rakyat.

Dalam perbahasan saya Yang Berhormat Menteri, saya ada tanya berkaitan dengan bantuan khas bagi *frontliner* yang tidak diundang ini iaitu kepada penghantar-penghantar makanan Grab, Food Panda, Lalamove, Tapau dan yang lain-lain yang didaftarkan. Mereka ini membantu Menteri Kanan Keselamatan dalam mengendalikan SOP supaya rakyat tidak keluar rumah untuk hantar makanan.

Masa Yang Berhormat Menteri buat bajet, pejabat Yang Berhormat Menteri pun, budak-budak inilah yang hantar makanan selalu. Dia kata, “*Datuk, tolong beritahulah kepada Menteri, kami siang malam hantar makanan ke pejabat beliau. Kalau boleh berilah one-off*”. Itu saya bahaskan baru-baru ini, saya masukkan. Adakah perkara tersebut dipertimbangkan Yang Berhormat Menteri? Silakan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta tambah sedikit sahaja. Setengah minit.

Yang Berhormat Menteri, rasa saya hari ini, pengumuman amat luar biasa. Bukan sahaja Yang Berhormat Menteri menggulung, bahkan menambah, bukan mengurangkan. Tahniah sekali lagi. *[Tepuk]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih. Yang Berhormat Setiawangsa, saya boleh menjawab sekarang. Sebenarnya dari segi unjuran masih kekal, defisit ke 5.4 peratus kerana kita masih lagi mengekalkan unjuran KDNK kita dalam lingkungan 6.5 peratus hingga 7.5 peratus.

Yang Berhormat Baling, saya ingin bercakap sedikit—ada satu lagi sebenarnya *request*, dengan izin Yang Berhormat Baling dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang telah dibangkitkan di dalam Dewan ini. Ini mengenai nasib pekebun kecil getah yang terjejas daripada naik turun harga komoditi getah dan juga bencana alam.

Seperti yang dipohon oleh ramai Yang Berhormat di sini, saya ingin mengesahkan bahawa Bantuan Musim Tengkujuh akan diteruskan. Bayaran sebanyak RM300 sebulan akan dibayar pada bulan Disember 2020, Januari 2021, Disember 2021 kepada pekebun kecil yang layak di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan juga Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS).

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Gol, 6-0.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ini 300,000 pemilik kebun getah dan penoreh getah dan kerajaan komited untuk meneruskannya pada tahun 2021.

Kerajaan juga maklum bahawa kadar Elaun Perumahan—ini yang disebut oleh Yang Berhormat Penampang kalau tidak silap saya, bagi negeri Sabah adalah yang

tertinggi. Penjawat awam yang berkhidmat di Sabah mendapat elauan yang lebih tinggi daripada penjawat awam yang berkhidmat di Sarawak atau Semenanjung. Kali terakhir kadar tersebut disemak adalah pada 30 April 2002. Kementerian Kewangan bersetuju untuk mengkaji semula dan menyelaraskan kadar tersebut. Ini permohonan daripada Yang Berhormat dari Sabah.

Kerajaan juga ingin menggalakkan pemilik bangunan atau ruang perniagaan yang menikmati penangguhan atau moratorium balik bayaran atas pinjaman selama enam bulan untuk mengambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan bebanan sewa premis perniagaan yang ditanggung oleh PKS yang menyewa. Dalam Dewan ini, ramai Yang Berhormat yang *raised this issue*, dengan izin. Ini melalui pakej rangsangan PENJANA.

Sebelum ini ada pemilik premis perniagaan memberi sewa atau *landlord* diberikan pengurangan atau pelepasan sewa kepada penyewa premis perniagaan terutamanya daripada PKS akan diberikan potongan cukai khas. Akan tetapi ini telah berakhir pada bulan September 2020.

Potongan ini tertakluk kepada syarat pengurangan sewa. Jadi kalau syarikat-syarikat ini mengurangkan sewanya sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kadar sewa asal bagi tempoh tersebut, saya hendak umumkan bahawa potongan cukai khas bagi pengurangan sewa premis ini kepada PKS ini kita lanjutkan lagi enam bulan sehingga bulan Mac 2021. *[Tepuk]* Saya berharap pengumuman dan komitmen tambahan ini terus mengukuhkan Belanjawan 2021 sebagai belanjawan untuk rakyat.

Yang Berhormat sekalian, ini semua bukan cadangan saya. Ini semua cadangan Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Ini semua suara rakyat yang kami dengar melalui pelbagai saluran. *[Tepuk]* Kami mungkin tidak sempurna tetapi kami mendengar. Dalam lapan bulan ini sahaja, sudah empat pakej PRIHATIN diumumkan dengan mendengar suara rakyat dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk bulan-bulan yang mendatang, kami akan terus mendengar, kami akan terus memperhalusi bantuan kerajaan mengikut keadaan COVID-19 dan ekonomi semasa. *[Tepuk] Insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, walaupun isu moratorium dan KWSP ini mendominasi perbahasan belanjawan, saya pohon agar kita melihat belanjawan dan pendekatan bertemakan *survival* ini secara keseluruhan. Dalam erti kata lain, kita mesti melihat dua perkara lain yang telah saya sebut di awal penggulungan ini iaitu bantuan langsung dan juga pekerjaan. Tambahan lagi kedua-dua perkara ini tergantung dalam belanjawan.

Berkenaan perkara kedua iaitu bantuan langsung, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan berkaitan termasuk Yang Berhormat Serian, Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Langkawi, berkenaan Bantuan Prihatin Rakyat. Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Sipitang yang bertanya

mengenai bantuan untuk golongan M40. Yang Berhormat Permatang Pauh yang bertanya tentang kaedah pemberian bantuan. Yang Berhormat Lanang mengenai bantuan kepada golongan ibu tunggal dan Yang Berhormat Kangar mengenai pengurangan subsidi yang telah saya jawab tadi.

Sebelum saya menjawab soalan-soalan ini secara spesifik, saya ingin terangkan objektif kerajaan melalui pendekatan ini. Pertamanya, ia adalah bagi memastikan lebih ramai yang mendapat bantuan kewangan terus. Keduanya, ia memastikan rakyat yang sudah mendapat bantuan kewangan menerima bantuan yang lebih banyak. Ketiga, ia memberikan perhatian khusus kepada golongan rentan. Apa yang saya maksudkan dengan golongan rentas ini adalah *the most vulnerable segment of our society*, dengan izin. Ini merupakan objektif penting melalui pemberian bantuan langsung.

Dalam lapan bulan sahaja, kerajaan ini telah berjanji dan menunaikan janji dengan menyalurkan lebih RM21 bilion kepada lebih 10 juta penerima individu dan isi rumah setakat ini [Tepuk] melalui BSH dan BPN. Pada tahun 2020 menerusi BSH dan BPN sahaja, ada isi rumah yang mendapat bantuan melebihi RM3,400. Ini belum mengambil kira bantuan-bantuan lain.

Menjawab persoalan Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Sipitang, buat pertama kalinya juga bantuan kewangan langsung BPN dipanjangkan kepada golongan M40. Mereka telah menerima kedua-dua BPN1.0 dan BPN2.0 ini sebelum lagi ditambah dengan bantuan-bantuan lain yang termasuk bagi pelepasan cukai untuk meningkatkan pendapatan boleh guna mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kalau ada masa lagi untuk saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jawab semua sekali.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Gulung semua ya. Tuan Yang di-Pertua, kerana masa ini tidak mengizinkan, boleh saya menggulung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Speaker tidak bagi tambah lagi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Tidak apa, COVID-19 rehat bukan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Kebijaksanaan pepatah lama menyatakan '*Tiada buluh yang tidak berbuku*'. Maka sama juga tiada belanjawan yang 100 peratus sempurna tetapi yakinlah belanjawan ini adalah natijah terbaik kerajaan setelah mempertimbangkan lebih 6,600 cadangan yang lahir lebih 40 sesi libat urus merentasi setiap negeri dari utara ke selatan, barat ke timur dengan lebih 100 pihak berkepentingan dari seluruh negara mewakili segenap lapisan rakyat dan sektor ekonomi utama.

Lebih 6,600 cadangan telah kerajaan pertimbangkan termasuk juga cadangan-cadangan yang dibuat oleh pihak pembangkang. Belanjawan ini mengandungi lebih 44 langkah strategik, lebih 186 inisiatif utama untuk kebajikan rakyat dan membina daya tahan ekonomi supaya kita dapat mengatasi musibah besar yang melanda negara ini.

Apakah munasabah kerana perbezaan beberapa perkara maka lebih 186 langkah dan bantuan besar demi rakyat dan negara ditolak mentah-mentah? Apakah ini adil? Apakah ini wajar? Apakah ini memberikan harapan kepada rakyat yang meruntun bantuan? Jangan kita masih leka membilang-bilang bintang di langit tetapi buta pada kilauan intan segenggam yang ada di tangan. *[Tepuk]* Permata yang sedia untuk dihadiahkan kepada rakyat tercinta. Sebagai seorang Muslim, saya bersandarkan kepada kitab suci Al-Quran dengan Surah Al-Qasas, ayat 84, Allah SWT telah berfirman membawa maksud, “*Sesiapa yang datang membawa amal baik, maka baginya balasan yang lebih baik daripadanya*”.

Maka berbuatlah kita kebaikan di dalam Dewan Rakyat ini walaupun kita datang daripada pelbagai latar belakang dan kepercayaan umum, saya yakin kita semua dibesarkan atas nilai yang sama iaitu kita percaya pada berbuat kebaikan dan bukannya membawa kerosakan di muka bumi ini. *[Tepuk]*

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat semua ...

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Yang Berhormat Menteri, mohon pencelahan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Saya mendengar dengan tekun pengumuman-pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Nampak gayanya ada tambahan kepada jumlah Belanjawan 2021 ini. Adakah ini bermaksud jumlah akan dipinda ataupun adakah ia juga bermaksud tambahan di suatu tempat itu bermakna ada pengurangan di tempat-tempat yang lain? Kalau ada pengurangan, di mana yang akan dikurangkan? Terima kasih.

■1500

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya baru sahaja hendak... *[Disampuk]*

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri. Subang boleh.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...bercakap mengenai pengurangan tetapi, semuanya penambahan. Akan tetapi, dari segi pengurangan saya

ada membuat satu usul untuk mengurangkan peruntukan yang diberi kepada JASA. [Tepuk]. Ini usul dalam peringkat Jawatankuasa kita akan mengumumkan. [Disampuk]

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, Subang sini. Terima kasih, boleh ya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang terasalah bahawa Yang Berhormat Menteri Menteri cuba sedaya upaya untuk tolong orang-orang yang miskin.

Akan tetapi tentang isu KWSP ini, saya hendak nasihat sedikit pada semua Ahli-ahli di Dewan ini. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk memberi pengeluaran sebanyak RM70 bilion daripada KWSP. *In flow* KWSP setiap tahun tidak lebih sebanyak RM20 bilion setahun. Maknanya, kita kena cari dana. KWSP kena cari dana sebanyak RM50 bilion tahun depan.

Dari mana ini? Hendak jual saham-saham di Bursa Malaysia? [Dewan riuh] Yang Berhormat Menteri kita kena faham kalau esok *announcement* ini *hit the headline* saya rasa kita ada masalah besar. Lagi pun, apabila kita ada defisit, ya kita hendak beli sebanyak RM85 bilion defisit kena keluarkan bon, KWSP beli bon. Dia hendak beli bon dia kena jual saham lagi.

Saya rasa, saya cadanglah Yang Berhormat Menteri, ya fikir baik-baik jangan kita serupa populis. Bintang semua ada bintang. Boleh lihat. Akan tetapi, kita ada tanggungjawab kita kepada ekonomi kita. Bukan sahaja *slide change*, ya. Tanggungjawab kepada semua. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Subang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih atas nasihat yang diberikan kepada saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri sekejap sedikit sahaja saya Bayan baru, sedikit sahaja.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya ingin membetulkan fakta. Boleh saya betulkan fakta dahulu?

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, ya. Masa berbahas telah tamat sebenarnya. Kita semua sudah kritik sudah bajet itu. Sekarang biar Yang Berhormat Menteri menjawab, ya.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Yang Berhormat Subang, sebenarnya saya telah meneliti cadangan ini. Saya baru bagi tahu hari ini sahaja setelah satu minggu, kita lebih daripada seminggu sebenarnya kita membuat analisis secara terperinci.

Sebenarnya duit kemasukannya bukan sebanyak RM20 bilion atau RM30 bilion atau RM40 bilion setahun ialah sebanyak RM80 bilion setahun, ya.

*[Tepuk]*

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri memang betul. *Withdrawal* pun sebanyak RM40 bilion, RM50 bilion. Kena faham beza...

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat kena bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Sebelah sini cakap, sebelah sini jawab, ya. Silakan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua saya...

*[Disampuk]*

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua saya minta bila orang mencelah Tuan Yang di-Pertua pun kawal lah belah sana. Jangan kita diganggu tanpa Tuan Yang di-Pertua mengawal belah sana.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila? Bila yang saya tidak kawal?

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Banyak kali tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila banyak kali?

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Bila Yang Berhormat Permatang Pauh bercakap diganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan semua kamu mencelah.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Ya betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada satulah saya bangkang.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Ya betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Selepas diganggu, kami sebagai sebelah sini juga ada hak untuk bersuara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan tuduh saya yang bukan-bukan.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Saya cuma minta Tuan Yang di-Pertua untuk kawal.

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong jangan tuduh saya yang bukan-bukan. Apabila sesuatu perkara itu salah, saya akan tegur. Tidak kira siapa. Yang Berhormat Menteri, tolong jawab.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat semua, sebelum saya mengundur diri, ingin saya mengajak Ahli...  
[Disampuk]

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Minta jalan lagi. Ini terakhir ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi ada satu cadangan yang dibuat oleh pihak kami untuk naikkan bantuan kebajikan kepada sebanyak RM1,000 setiap bulan. Seperti mana yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... [Disampuk]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebanyak 30 ringgit, 30 ringgit...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...pada 30 Ogos di Sandakan. Adakah ini boleh dilaksanakan?

Juga, memandangkan bahawa peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan telah naik sebanyak 38 peratus. Akan tetapi, kita nampak ada pelbagai sektor dikurangkan contohnya Sabah dikurangkan sebanyak RM100 juta sungguhpun perbelanjaan pembangunan naik sebanyak 38 peratus secara keseluruhannya.

Mengapa peruntukan pembangunan untuk Sabah dikurangkan sebanyak RM100 juta? Sekian, terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk]

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Bantuan sebanyak RM50 juta ditambahlah.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, saya minta sekali lagi?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Biar saya jawab Yang Berhormat Bagan dahulu boleh. Nanti saya tidak ingat lah. Biar saya jawab Yang Berhormat Bagan dahulu.

Yang Berhormat Bagan dalam Belanjawan 2021, kerajaan masih mengekalkan banyak peruntukan. Negeri Sabah pun kita baharu meningkatkan dan peruntukannya bukan sahaja di dalam belanjawan tetapi juga di dalam Kumpulan Wang Amanah COVID-19.

Mungkin keliru kerana setengah peruntukan itu dalam Kumpulan Wang Amanah COVID-19 tetapi biar saya buat jawapan dengan lebih terperinci...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...mengenai nombor-nombor diulas tadi. Kita sedia seperti mana Yang Berhormat Bagan tahu matlamat utama belanjawan ini juga ialah memastikan kesejahteraan rakyat.

Sehubungan itu kita telah menekankan penambahbaikan bantuan kepada kumpulan rentan yang mudah terjejas seperti yang diminta oleh ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini.

Antara bantuan-bantuan utamanya yang saya telah yang ditambah baik yang saya sebut tadi ialah bantuan kebajikan dan peruntukan daripada sebanyak RM1.5 bilion kepada sebanyak RM2.2 bilion bagi tahun 2021 serta Bantuan Prihatin Rakyat dengan peruntukan sebanyak RM6.5 bilion berbanding dengan peruntukan 2020 untuk BSH yang hanya lebih kurang hanya sebanyak RM5 bilion.

Bantuan kebajikan sememangnya ditumpukan kepada golongan miskin. Pada masa ini bantuan kebajikan melibatkan sebanyak 415,000 penerima dan kemungkinan dengan impak pandemik terdapat lebih ramai yang layak untuk bantuan.

Dengan itu kerajaan akan melaksanakan program khusus melantik lebih ramai Pegawai Kebajikan Kontrak untuk memastikan mereka yang layak termasuk di Sarawak ataupun Sabah tidak tercincir daripada senarai penerima bantuan. Untuk tahun 2021, Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dijangka akan memanfaatkan lebih daripada seramai 8 juta penerima daripada golongan B40. Ini peningkatan daripada seramai 4.3 juta penerima di bawah BSH.

Bagi tahun 2020 dianggarkan sebanyak 500,000 penerima atau sebanyak 12 peratus daripada penerima BSH adalah penerima dari negeri Sarawak. Melalui usaha untuk memantapkan pangkalan data kerajaan, itulah yang kita perlu buat. Untuk bantuan kebajikan serta PPR adalah diharapkan kerajaan kita ini akan dapat menyelaras Program Pembasmian kemiskinan seperti Program Peningkatan Pendapatan dan juga Program Infrastruktur Asas di kawasan pedalaman terutamanya di Sabah ini.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri. Saya sedikit sahaja, seminit sahaja Yang Berhormat Menteri.

Tahniahlah Yang Berhormat Menteri ini semacam satu pembentangan bajet kali kedua nampaknya. Apa pun Yang Berhormat Menteri Kewangan saya rakamkan kritikan daripada Academy of Medicine of Malaysia (AMM), Malaysia *Health Coalition* (MHC) and Medical Association (MMA) yang menyatakan bahawa peruntukan belanjawan yang dijudulkan sebagai COVID-19 adalah sangat mengecewakan.

Sebanyak 10.3 peratus adalah apa yang kami berikan dalam tahun yang 2020. Tahun ini Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Menteri sedar bahawa *you have only given* sebanyak 9.9 peratus tolak daripada *contract workers* Yang

Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri hanya berikan sebanyak 9.4 peratus. Mengikut nisbah, *we must* kita perlu memperkasakan *health* tetapi Yang Berhormat Menteri nampaknya mengecewakan. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Biar saya menjawab dahulu Yang Berhormat Kuala Selangor ini. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM31.9 bilion kepada KKM dalam Belanjawan 2021.

Ini adalah peningkatan sebanyak RM1.3 bilion daripada tahun lalu. *[Tepuk]* Kerajaan juga, boleh saya habis menjawab? Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM1.8 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19 bagi tahun 2020 dan 2021 berserta sebanyak RM1 bilion lagi untuk membendung gelombang ketiga.

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM475 juta bagi pembelian bekalan *reagent*, bahan guna habis termasuk kit saringan khusus untuk kegunaan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tahun 2021. Kerajaan tidak pernah kompromi dalam memastikan KKM mendapat sumber yang diperlukan dalam usaha memerangi COVID-19 dan sentiasa bersedia untuk menambah peruntukan jika diperlukan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Itu adalah *respons* secara *acute* Yang Berhormat Menteri. Kita memerlukan *to enhance*. Kita perlu memperkasakan seluruh sektor kesihatan yang memerlukan bukan sahaja COVID-19 tetapi *non-COVID-19*. Ini yang dipertikaikan oleh Academy of Medicine of Malaysia (AMM) dan Malaysia Medical Association (MMA) dan Malaysia *Health Coalition*.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Duduklah.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Ini yang mereka kecewa. Bukan sekadar *reactive reaction*. Bukan sekadar pelan-pelan reaktif tetapi pelan-pelan yang bersifat *sustainable* dan jangka jauh yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Akan tetapi, ini adalah satu kegagalan dan mereka merakamkan kritikan ini. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri. Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong. Yang Berhormat Menteri Kewangan, tolong habiskan selepas ini.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Simpang Renggam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini. Tolong habiskan ya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Saya minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri, saya minta penjelasan. Dalam perbahasan Pasir Gudang ada timbulkan peruntukan di bawah Kementerian Kewangan sebanyak RM13.6 bilion diuntukkan bagi pelbagai suntikan modal. Saya ingin penjelasan apa maksud itu? Sebanyak RM13.6 bilion untuk pelbagai suntikan modal. Terima kasih.

■1510

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Simpang Renggam Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih. Sejumlah RM13.6 bilion suntikan modal ini saya akan perincikan dalam peringkat Jawatankuasa tetapi kalau hendak juga sekarang saya boleh bagi. GovCo Holdings Berhad RM1.76 bilion, DanaInfra Nasional RM3.73 bilion, Urusharta Jamaah RM1.5 bilion, Prasarana Malaysia Berhad RM1.5 bilion, MKD Kencana RM200 juta, SSCR RM675.8 juta, Jambatan Kedua Sendirian Berhad RM330 juta, Pembinaan PFI Sendirian Berhad dan MKD Aman Makmur RM1.5 bilion, SRC International RM1.6 bilion dan 1MDB Development Berhad RM842.3 juta. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Simpang Renggam. Satu soalan sahaja. *[Dewan riuh]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Hendak sokong ini, hendak sokong.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Ketika menjawab soalan Yang Berhormat Tampin berhubung bantuan kerajaan kepada institusi pendidikan Islam bukan milik kerajaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Agama sewaktu penggulungan pada hari Isnin yang lepas telah menyatakan, biar saya petik kata-katanya. *"Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100 juta di bawah komponen selenggara semua jenis sekolah yang berjumlah keseluruhannya RM800 juta sebagai mana yang dibentangkan dalam ucapan Belanjawan 2021."*

Namun semakan yang telah saya buat kepada apa yang dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, berkenaan peruntukan sebanyak RM800 juta tersebut semasa penggulungan beliau tidak menunjukkan sebarang butiran agihan kepada sekolah agama rakyat, sekolah tahliz, sekolah agama swasta dan pondok seperti yang didakwa.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan sahkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya tidak ada peruntukan RM100 juta pun untuk sekolah agama rakyat, sekolah tahliz, sekolah pondok dan sekolah agama swasta dalam Bajet Tahun 2021. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya bagi pihak kerajaan ingin mengesahkan yang kita akan terus

menyediakan peruntukan yang sama dengan tahun lepas, *[Tepuk]* iaitu sebanyak RM100 juta kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk sekolah tahniz, sekolah pondok dan sekolah agama-agama yang lain.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Yang Berhormat Menteri seorang pemurah. *[Kurang jelas]* ...tidak faham.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Peruntukan untuk menteri kementerian— tidak habis lagi?

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Sepatutnya peruntukan tambahan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Peruntukan tambahan kepada JAKIM ataupun peruntukan tambahan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ini peruntukan lain, peruntukan lain. Peruntukan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya merujuk kepada sekolah di bawah kawal selia Kementerian Pendidikan. *[Tepuk]*

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Jadi peruntukan tambahan kepada kementerian agama?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi dia jawab.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Peruntukan untuk— Okey saya..

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Hal ini kerana itu yang disebutkan oleh Menteri Agama.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Itulah biar saya mengesahkan yang RM100 juta ini masih lagi sama kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Ini untuk sekolah tahniz, sekolah pondok dan sebagainya.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri jelas, jelas. Jelas, jelas.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Boleh saya menggulung sekarang saya tiada masa Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Jadi peruntukan tambahan kepada kementerian agama?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri *last*, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya nak tanya untuk sekolah Tamil.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Minta maaflah.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya rasa saya sudah lebih dari satu jam.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat untuk sekolah Tamil adakah ia akan ditempatkan macam tahun dulu RM50 juta atau akan dikurangkan seperti yang dinyatakan oleh Menteri ke RM29 juta.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Yang Berhormat Ipoh Barat, Menteri Pendidikan telah menjawab soalan itu ada dalam *Hansard*. Jadi saya harap Yang Berhormat Ipoh Barat boleh rujuk.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, Baling Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ya?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** We are not get it RM50 million?

**Beberapa Ahli:** Baca, baca.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Nanti Menteri Pendidikan akan membuat pengulasan terperinci di peringkat Jawatankuasa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan gulung.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Gulung Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri gulunglah, saya sokong.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri *last, last. One second* Yang Berhormat Menteri. Baling, Baling dua *second last. Dua second last /* tidak kacau lagi sudah *please*.

Dalam perbahasan saya Yang Berhormat Menteri, saya ada nyatakan bahawa dengan izin Allah hari ini Yang Berhormat Menteri akan membuat penggulungan yang terbaik. Jadi pada hemat saya dan rakan-rakan sekalian sebelah sini kami sudah bagi 7-0. Kalau perlawanan bola sepak 7-0 sudah.

Walau bagaimanapun saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri hari ini demi kelangsungan kebajikan rakyat yang tercinta, apatah lagi junjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong yang telah memberi kita, menasihatkan kita untuk menyokong. Jadi kalau mana-mana pihak tidak menyokong biarlah rakyat menjadi hakim dalam erti kata sebenarnya untuk menilai mereka dalam pilihan raya akan datang. *[Tepuk]*

Jadi saya kata semua patut sokong belanjawan kerajaan di bawah Kementerian Kewangan ini, terima kasih.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Menteri, Tanjong Malim

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Menteri, Muar.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya hendak mengundur diri. Sebelum saya mengundur diri, saya mengajak Ahli-ahli Dewan ini...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Menteri, Muar. 15 saat sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Ya, sekali lagi.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...Untuk bersama-sama betapa hari ini kita berada di satu persimpangan yang genting ini, yang *crucial*, tesorong seadanya di pentas bersejarah ini.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Keliru, keliru Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus, terus.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Shah Alam belum lagi bersuara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan saya rasa sudah lebih satu jam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung, gulung.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri beri laluan Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Di atas pentas ini kita sedang disaksikan rakyat kita juga tertampak di mata dunia...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Macam mana Yang Berhormat Baling boleh diberi ruang? Shah Alam tidak boleh diberi ruang. Nampak sangat tidak adil.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...Pengamal politik dan penganalisis pelaburan yang teliti yang memerhati.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri kalau hendakkan sokongan kena beri laluan.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong. Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri sila habiskan, kalau tidak benarkan pencelahan sila habiskan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Muar, Yang Berhormat Menteri, Muar.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita sudah lulus satu usul, tiada *time limit*. Kenapa hendak limit kan *time* kita? Ini adalah bajet, pembentangan bajet.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Menteri gulung, tidak akan...

*[Sistem pembesar suara dimatikan].*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri mempunyai lantai percakapan. Mengikut peraturan kalau dia tidak benarkan mencelah, maka tidak boleh mencelah. Yang Berhormat Menteri hendak bagi mencelah kah atau tidak hendak? *[Dewan riuh]* Kalau tidak hendak gulung sekarang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Muar, Muar.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Bagi pada Yang Berhormat Shah Alam sahaja, satu lagi *last*.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Menteri, Muar sekejap, Ya Allah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita semua mengakui bahawa titah Yang di-Pertuan Agong memohon, meminta supaya bajet ini disokong. Namun walaupun disebut bahawa pihak Kerajaan Perikatan Nasional telah melakukan *engagement* dan perundingan dan perbincangan dengan semua pihak ini adalah satu pemalsuan fakta.

Kita hanya dilibatkan hanya sekali dalam perbincangan sebelum bajet ini dibentangkan dan selepas ia dibentangkan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Zaman Pakatan Harapan sekali pun tidak pernah panggil kami. Pakatan Harapan sekali tidak pernah panggil kami. *[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri kalau tidak, tidak habis.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** PH tidak panggil kita pun.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Saya ada soalan. Saya ada soalan Yang Berhormat Menteri, satu daripada Muar. Yang Berhormat Menteri satu soalan sahaja daripada Muar.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tadi Yang Berhormat Menteri dengan bangga dan pihak Perikatan Nasional, UMNO Barisan Nasional bangga bahawa bajet ini telah melibatkan semua pihak. Bahawa pihak pembangkang bersama kita...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** 7-0 menang.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** ...Untuk berbincang dan merangka bersama satu bajet untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara. Namun, itu adalah satu pembohongan kerana seperti mana yang kita tahu...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Shah Alam yang bohong, Yang Berhormat Shah Alam yang bohong. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Biar rakyat nilai.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** ...Hanya berlaku sekali.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong, tolong.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Duduk Yang Berhormat Selayang, duduk.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...sebelum bajet itu dibentangkan dan dalam proses...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa penjelasan Yang Berhormat hendakkan daripada Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya nak tegur, ucapan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan tegur, penjelasan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Yang mengatakan– bukan penjelasan ini merupakan satu penipuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma boleh mencelah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tuan Yang di-Pertua, ini peringkat dasar. Ini peringkat dasar.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia salah makan ubatlah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Ini peringkat dasar. Yang Berhormat Menteri mendakwa...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat *point of order*. Peraturan Mesyuarat 37(1)(b) mengatakan; “*Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali (b), jika hendak meminta penjelasan...*”

*“(2) Pengerusi boleh tidak membentarkan mana-mana ahli meminta penjelasan sekiranya didapati bahawa Majlis Mesyuarat tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk menyelesaikan urusannya atau jika Pengerusi mempercayai bahawa niat ahli*

*yang meminta penjelasan adalah semata-mata untuk mengacau ahli yang sedang bercakap.” [Tepuk] [Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang mengacau Yang Berhormat Baling tadi, yang membuat pendakwaan yang tidak berasas.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Payah, hendak mengacau sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanya, tanya.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Berapa kali telah melakukan penglibatan, perbincangan dengan Ahli-ahli Parlimen pembangkang selepas bajet ini telah dibentangkan?

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, *alright*. Sudah ditanya soalan sudah ditanya. Soalan sudah ditanya. Soalan sudah ditanya.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua jangan kacaulah, sibuk sahaja Tuan Yang di-Pertua ini. Kacau sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan sudah tanya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Soalan sudah tanya duduklah.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Kurang ajar Yang Berhormat Sepang itu, kurang ajar.

## ■1520

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Bila Yang Berhormat Baling cakap, Tuan Yang di-Pertua tidak berhentikan pun.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cukup, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Dia membuat dakwaan yang tidak berasas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan sudah tanya. Yang Berhormat Menteri, tolong jawab.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Belum lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Saya hendak tanya. Sebagai contoh, perbincangan berhubung dengan moratorium, berapa kali telah melibatkan Ahli Parlimen Pembangkang?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Berapa kali sudah dengar gangguan begini? Saya pun hendak bagi gangguan saya juga.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Jumlah moratorium, tempoh moratorium, siapa yang menjadi sasaran...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sudah ditanya. Yang Berhormat Menteri, tolong jawab.

*[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Menteri, tolong jawab. *Alright.*

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tolong jawab.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Maka, Tuan Yang di-Pertua, jangan dakwa Bajet ini adalah hasil perbincangan bersama dengan semua.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Yang Berhormat Shah Alam bohong!

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Itu suatu pembohongan yang jelas dan nyata. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Shah Alam ini gila kah apa?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, tolong jawab, kemudian habiskan penggulungan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Muar. Satu dari Muar.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih. Saya hendak ucapkan terima kasih Yang Berhormat Shah Alam kerana...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tetapi saya banyak diganggu oleh Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya banyak diganggu oleh Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudahlah, Tuan Yang di-Pertua, diamlah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tolong jawab. Kita habiskan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat Shah Alam. Saya ambil maklum komen-komen yang diberikan. Mungkin ini *last* sekalilah, Yang Berhormat Muar ini.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Tidak, tidak. Subang, Subang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, Subang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Sekejaplah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Kerana dia tidak libatkan pembangkang. *He never involved us in the discussion.*

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** *Give me a chance!*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Pakatan Harapan pun tidak libatkan pembangkanglah. Pakatan Harapan...

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila habiskan penggulungan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Muar.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berikan satu...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang hendak libatkan Yang Berhormat Shah Alam buat apa? Tukang kacau. *[Dewan riuh]*

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, bagi Subang ya. Tidak jawab tentang isu tentang KWSP. Kita tidak habis lagi. Tidak habis lagi.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat semua, Yang Berhormat semua. Ini kelakuan yang memalukan! Kita sedang berbahas bajet dan ini perangai kita. Rakyat nampak kita semua. Yang Berhormat Menteri, hendak bagi pencelahan lagikah atau hendak menggulung? Habiskan penggulungan.

*[Dewan riuh]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menggulunglah, kalau macam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah habis.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Muar, Muar satu. Satu sahaja dari Muar.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Subang, Subang. Sebab kita belum habis lagi isu tentang KWSP tadi.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Dia bagi peluang dekat Muar lah.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, hasil tangan kerajaan adalah Belanjawan Negara 2021 yang dirangka berhati-hati dalam...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Menteri..

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, tidak boleh macam ini, Yang Berhormat Menteri. Salah, salah.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Kasilah peluang dekat Muar pula. Ya Allah.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Data Yang Berhormat Menteri salah tadi tentang KWSP.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Satu daripada kunci yang boleh menzahirkan segala manfaat yang termaktub dalam belanjawan ini.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Ini isu besar.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Sementara itu, di luar sana adalah pemilik sebenar belanjawan ini...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Satu dari Muar, Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...laitu jutaan rakyat kita yang saban hari menunggu... *[Tepuk]* Resah menanti bilakah belanjawan ini akan diturunkan kepada mereka. *[Tepuk]*

Maka pada petang ini, saya mohon kepada Ahli-ahli Dewan, jadikanlah perkhabaran daripada Parlimen petang ini satu perkhabaran yang penuh dengan kebaikan... *[Tepuk]* Dan berita yang menggembirakan buat semua lapisan rakyat seluruh negara.

Pada petang ini, jadikanlah Dewan sebagai saksi bahawa kita semua dapat berdamai walaupun seketika berjabat tangan demi melindungi masa depan rakyat dan negara. *[Tepuk]* Jadikanlah Dewan mulia ini bergema dengan suara kita. Sehati, senada memberi sokongan padu menjadikan belanjawan ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak payah bagi *lecture-lah*. Bising sahaja.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...Satu kebenaran, satu realiti. Jadikanlah Dewan ini tanda perjuangan kita bersama untuk membina semula ekonomi negara. Jangan kita sekali-kali terhenti di tengah jalan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak payah ceramah politiklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak payah ceramahlah. Diamlah!

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Membujur lalu, melintang patah dan kita tidak akan berhenti...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak payah ceramah politiklah.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...Selagi ekonomi belum pulih seperti sedia kala.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kamu tidak ada mandat rakyat. Kamu Senator sahaja. Tidak payah ceramah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Malu sedikitlah!

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Menteri tengah menggulung, berilah peluang kepada dia menggulung. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Sepang...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia memang tiada peraturan punyalah Yang Berhormat Rasah ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua selalu buat begitu.

**Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi [Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali]:** Halau Yang Berhormat Sepang itu. Halau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Dengan ini, saya dengan rendah hati dan penuh tawaduk...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Menteri, satu daripada Muar, Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...Selaku Menteri Kewangan Malaysia menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk sebulat suara meluluskan Belanjawan 2021 ini. *[Tepuk]* Sekian, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Masuk bertanding dalam PRU, Menteri Kewangan. Jangan jadi Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon belah bahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada 15 orang? Bentara tolong kira.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak apa. Biar rakyat tengok siapa yang tolak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tak bangun 15 orang. Mana dia 15 orang? Tuan Yang di-Pertua, dia tak bangun 15 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Sabar. Bilang lagi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tak cukup. Tuan Yang di-Pertua, tak cukup.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Biar rakyat tengok. Rakyat tengok.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tak cukup belah bahagi. Tak cukup *number* belah bahagi. Duduklah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Kamera tunjuk siapa yang bangun. Bagi rakyat tengok.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Malu, malu. Ambil gambar. Ambil gambar, *reporter*.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Bagi rakyat tengok.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bagi rakyat tengok. Malu.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Bagi rakyat tengok muka-muka mereka.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma ada 13 orang...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Malulah Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Shah Alam, malulah. Muka tak tahu malu inilah dia.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Makhluk perosak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak cukup 15 orang. *[Tepuk]* Lebih suara yang bersetuju, rang undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** AMANAH pengkhianat.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tahniah, tahniah. Tahniah kerajaan. Tahniah.

*[Dewan riuh]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Diputuskan,*

*Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:*

*"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh."]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari Isnin, 30 November 2020 adalah perbahasan Belanjawan 2021 di peringkat Jawatankuasa yang akan dimulakan oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 30 November 2020. Assalamualaikum.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 3.28 petang]*